

Bil. 79

**Rabu
22 November 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): Tindakan Kasar MPSP Meroboh Tokong Kuning Di Bukit Mertajam - <i>Y.B. Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)</i>	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 20)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 20)
<u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual</u> Maksud B.28	(Halaman 20)
Maksud B.29	(Halaman 69)
USUL: Anggaran Pembangunan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u> Maksud P.28	(Halaman 20)
Maksud P.29	(Halaman 69)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP

22. Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP

63. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

102. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****RABU, 22 November 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sejauh mana keberkesanan Kempen Pengguna Bijak di seluruh negara dan berapa jumlah aduan dan tindakan susulan yang diperolehi di kalangan pengguna terhadap kenaikan harga barangan sejak 2004.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang melaksanakan 'Kempen Pengguna Bijak' bermula pada bulan Mei 2005 sehingga tahun 2008.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima semasa melaksanakan *road show* Kempen Pengguna Bijak, masyarakat sudah memahami tujuan kempen yang dijalankan. Walau bagaimanapun melalui kajian soal selidik awal yang telah diadakan di tujuh buah negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan Johor, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah didapati 83% daripada pengguna telah mula sedar dalam menggunakan hak-hak mereka sebagai pengguna semasa membeli belah.

Mengenai aduan pula, berdasarkan statistik yang ada melalui sistem e-aduan, pada tahun 2005, kementerian telah menerima sebanyak 7,364 aduan dari orang ramai manakala pada tahun ini iaitu sejak 1 Januari 2006 sehingga 21 November iaitu sehingga semalam, jumlah aduan yang diterima adalah sebanyak 6,073 kes. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu bahawa harga barang tempatan selalunya dipengaruhi oleh kenaikan pasaran antarabangsa. Umpamanya minyak, kita tahu apabila pasaran minyak antarabangsa naik, kementerian akan mudah membuat penjelasan tentang kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa tetapi hari ini kita tahu bahawa harga minyak di pasaran antarabangsa telah turun pada USD70 setong kepada sekitar USD65 se tong.

Seorang Ahli: USD58.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang terbaru kawan saya beritahu USD58. Terima kasih kerana kadang-kadang statistik ini berubah. Apakah ini juga akan melibatkan harga minyak di negara kita ini akan turun kerana yang hari ini sebagai pengguna keliru tentang kedudukan harga pasaran minyak tempatan oleh kerana di peringkat antarabangsa telah pun kita diberitahu turun.

Kita juga ingin tahu apakah kementerian akan proaktif apabila ada aduan iaitu sebanyak 6000 aduan terutama apabila pengguna membuat aduan berhubung dengan kenaikan harga barang, kawalan terutamanya. Kita hendak memulaukan oleh kerana harga itu naik, jadi apakah kementerian akan mengambil inisiatif untuk mendahului pemulauan ke atas barang-barang kawalan ini bila harga naik, baru menampakkan bahawa Kempen Pengguna Bijak ini tentang harga barang ini boleh secara berkesan. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Pertamanya mengenai harga minyak ini, walaupun sekarang harga minyak di pasaran dunia telah pun turun tetapi semenjak awal-awal lagi bila harga minyak naik di pasaran antarabangsa, kerajaan sudah memberi subsidi kepada minyak khususnya minyak diesel walaupun harga pasaran antarabangsa sekarang telah menurun tetapi kerajaan masih memberi subsidi kepada harga minyak yang ada di negara kita.

Walaupun bagaimanapun, untuk menentukan harga minyak di negara kita, ia akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini akan berbincang sama ada sampai masa untuk kita berubah atau menurunkan harga minyak ini.

Yang kedua tentang bagaimana Kementerian mengawal harga barangan keperluan di pasaran domestik. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini, selain daripada penguatkuasaan kita memang melalui Akta Kawalan Harga dan juga Akta Kawalan Bekalan kita pun telah menjalankan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga di pasaran. Kita juga menetapkan 21 jenis barang kawalan sepanjang masa dan juga 25 jenis barangan kawalan musim perayaan.

Saya boleh memberi sedikit penjelasan di sini misalnya kita tetapkan di antara 25 jenis barang kawalan musim perayaan misalnya. Baru-baru ini kita telah pun menetapkan harga siling terhadap beberapa *item* barangan di musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan juga Deepavali. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, misalnya bilangan kes yang kita..., walaupun kita menjalankan banyak siasatan ataupun pemeriksaan misalnya dalam tempoh 38 hari yang saya jelaskan tadi, kita jalankan 140,378 kali pemeriksaan di premis-premis perniagaan dan di antaranya 739 kes telah pun kita pastikan ada sedikit melanggar peraturan-peraturan dan antaranya banyak yang saya teliti di sini ialah mereka tidak memasang atau menandakan tanda harga di premis perniagaan mereka. Cuma ada lima kes yang mereka menjual barangan yang ditetapkan itu lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan dan tindakan telah pun diambil.

Jadi saya ingin menjelaskan di sini bahawa selain daripada kita mengadakan penguatkuasaan, kerjasama dari semua pihak terutamanya pengguna sendiri dapat membantu Kementerian untuk menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan lanjut berkaitan dengan penguatkuasaan. Kalau kita melihat Kementerian, penguatkuasaan berpusat di bandar-bandar dan masalah yang timbul ialah di pesisir dan juga di luar bandar di mana kita tidak ada pegawai penguat kuasa. Jadi untuk memantau terutamanya kenaikan harga barang, adakah Kementerian dengan wujudnya rakan pengguna yang telah diuar-uarkan akan mengembangkan rakan pengguna di luar bandar dan setakat ini apakah peranan rakan pengguna dalam memberi pendidikan kepada pengguna kita sebagai pengguna bijak dan juga apakah peranan mereka? Adakah mereka akan diberi peranan untuk diperkasakan sebagai agen bagi penguatkuasaan kepada pihak Kementerian? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai cara untuk kita mengawal harga barangan, kalau kata di bandar sahaja dapat kita menjalankan tugas, saya rasa di seluruh negara kita ada 138 buah daerah dan tiga bahagian Parlimen ada Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di kebanyakan daerah di seluruh negara selain daripada ibu pejabat di Kuala Lumpur dan juga di peringkat negeri.

Selain daripada itu, pengguna boleh membuat laporan ataupun aduan kepada pejabat-pejabat yang saya katakan tadi, juga boleh melalui *hotline* dan juga SMS kepada Kementerian supaya kita dapat memberi arahan kepada pegawai di beberapa tempat di negara kita untuk mengambil tindakan. Sebelum ini saya telah memberitahu cara untuk kita membuat aduan melalui iaitu *hotline* 1-800-886-800 dan lebih mudah jika melalui SMS kita hantar ke 36663.

Selain daripada itu, saya bersetuju bahawa ia perlu mendapat kerjasama daripada semua pihak terutama sekali persatuan pengguna dan pengguna sendiri. Kementerian telah pun melancarkan banyak program selain daripada memberi bantuan kepada NGO ataupun persatuan pengguna.

Kita juga menggerakkan apa yang dikatakan pemantauan harga sukarelawan untuk kita sama-sama menggerakkan segala aktiviti dan kempen bagi memastikan bukan setakat kita dapat mengawal barangan tetapi pada masa yang sama untuk mendidik pengguna supaya menjadi pengguna yang bijak.

Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun mengarahkan supaya ada cara untuk kita mempereratkan lagi hubungan di antara Majlis Pengguna Daerah termasuk ada penolong ataupun pembantu Majlis Pengguna untuk bersama-sama membantu kementerian menjalankan tugas. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) memandangkan matlamat kementerian untuk mempelopori bahawa tamadun negara akan diasaskan dengan satu nilai yang tertentu, apa nilai-nilai tersebut dan bagaimana hendak mencapainya; dan
- (b) adakah kementerian berhasrat untuk membina panggung pentas, *play* di tiap-tiap negeri atau kawasan selain dari Kuala Lumpur. Jika ya, bila dan di mana dan jikalau tidak beri penjelasan dan alasan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mempunyai matlamat atau visi bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya luhur. Semua itu satu nilai tamadun yang bercirikan masyarakat Malaysia hendaklah dipelihara berdasarkan nilai-nilai universal iaitu sejagat yang boleh diterima amal oleh semua masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai agama, kaum dan etnik.

Kementerian telah menyenaraikan 47 nilai-nilai murni yang bersifat universal yang boleh dijadikan panduan dan seterusnya amalan rakyat Malaysia bagi mempertahankan ketamadunan bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan sejahtera. Di antaranya ialah hormat-menghormati, semangat kerjasama, bertanggungjawab, berfikirkan positif dan sebagainya.

Untuk mencapai hasrat ini, pelbagai program telah dilaksanakan dan akan berterusan seperti program gotong-royong, ceramah, Kempen Budi Bahasa, Kembara Budi Bahasa, berbalas pantun, pidato, sukan rakyat dan sebagainya di semua peringkat keluarga, masyarakat, pembelajaran dan perkhidmatan. Kementerian sememangnya berhasrat untuk membina panggung-panggung yang dapat mementaskan teater bangsawan, tarian rakyat, pertunjukan kebudayaan dan sebagainya. Aktiviti ini dapat dijalankan di taman budaya yang terdapat di negeri di bawah kementerian dan di kawasan-kawasan awam yang dikenal pasti oleh kerajaan negeri.

- (b) Sehingga kini kementerian telah pun membina sembilan buah Taman Budaya Negeri iaitu di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Terengganu. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah merancang untuk membina lima buah lagi Taman Budaya Negeri iaitu di Kelantan, Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan kewangan yang terhad yang diterima oleh kementerian, hanya dua buah Taman Budaya Negeri sahaja dapat dibina iaitu Taman Budaya Negeri Kelantan dan Taman Budaya Negeri Sabah.

Pembinaan Taman Budaya Negeri bagi negeri-negeri seperti Selangor, Johor dan Sarawak pula, kementerian akan memohon peruntukan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dalam Semakan Separuh Penggal atau *Midterm Review* Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sekian, terima kasih

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Semalam saya berdoa agar menteri sendiri turun menjawab. Nampaknya doa saya tidak makbul.

Soalan tambahan yang telah saya rancang. Semalam saya memikirkan, nilai tamadun Eropah dan Barat membangun berasaskan pemikiran falsafah mitos dan metodologi Yunani. Semenjak 2000 tahun, agama telah mengubah asas dengan kepercayaan agama Nasrani. Semenjak selepas perang saudara di Perancis 1785, pengasingan pentadbiran dengan agama mencetus satu pemikiran yang baru iaitu nilai sejagat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mempunyai beberapa nama dan gelaran umpamanya demokrasi, hak asasi, kebebasan dan sebagainya. Yang nyata, asas hakiki ialah kebebasan yang kadangkala tidak sealiran bahkan kadangkala bercanggah dengan nilai agama.

Ideologi Malaysia diasaskan dengan Rukun Negara yang mencanai nilai, yang juga merangkumi agama dengan pentadbiran tetapi keluhuran undang-undang berat nilai kepada Barat yang kadang-kadang berubah. Berupayakah kita mencanai satu nilai yang dalam mana Rukun Negara itu sendiri berubah daripada segi interpretasi dan pandangannya untuk mengadakan satu nilai yang tidak mengasingkan agama dan pentadbiran. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong yang begitu berfalsafah dan seorang yang ilmuwan. Tadi saya faham separuh sahajalah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tetapi untuk menjawab soalan tentang iaitu menteri saya, hari ini beliau ada Mesyuarat Jemaah Menteri iaitu *Cabinet Meeting*. Jadi saya diamanahkan untuk menjawab apa-apa soalan di Dewan yang mulia ini dan apa yang saya katakan adalah kuasa dan sokongan menteri.

Jadi, saya amat bersetuju dengan falsafah yang dikatakan oleh Yang Berhormat di bawah kempen Budi Bahasa Budaya Kita, kita ada lima matlamat iaitu:

- (i) mencapai perpaduan yang lebih erat;
- (ii) memelihara satu hidup demokratik;
- (iii) mencipta satu masyarakat yang adil;
- (iv) menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan; dan
- (v) membina satu masyarakat progresif.

Dengan kepercayaan atau matlamat Rukun Negara kita, khususnya iaitu kesopanan dan kesusilaan, saya rasa moga-moga kita akan capai satu tamadun yang berbudaya luhur. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhir-akhir ini banyak di kalangan kita tidak memahami budaya masing-masing, tidak ramai orang Cina memahami budaya Melayu, walaupun ramai orang Melayu cuba memahami budaya orang Cina. Saya beri satu contoh, keris yang dikucup dianggap sebagai tanda perbalahan, sedangkan keris yang terhunus kemudian dikucup dan diangkat begini... [*Menggayakan tindakan yang dimaksudkan*] Adalah merupakan simbol kekuasaan dan simbol keadilan.

Sebab itu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, apabila ditabalkan ia ada dua jenis keris, satu keris panjang, satu keris pendek. Keris itu harus dicabut dan dikucup dan dimasukkan kembali.

Apa pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian bercadang untuk memberitahu orang yang tidak mengerti ini bahawasanya menghunus keris dan mengucup keris adalah merupakan satu budaya Melayu untuk mempertahankan keadilan dan kemuliaan bangsanya. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu negara kita yang majmuk ini patutlah kita bercampur-gaul lebih kerap dan juga dalam semua bidang-bidang atau semua aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di semua agensi kerajaan dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya harap kita memupuk perpaduan dan bercampur-gaul di antara rakyat masing-masing.

Untuk semua aktiviti di kementerian saya, kita bersifat pelbagai kaum. Misalnya pada Hari Raya Terbuka Aidilfitri, 70% pementasan kaum Melayu dan 30% kaum lain. Sama juga kalau rumah terbuka Tahun Baru Cina, 70% kaum Cina dan 30% kaum lain. Maka, dengan ini saya harap lama-kelamaan negara kita akan mencapai satu negara yang betul-betul negara majmuk dalam semua bidang aktiviti.

Tentang hunus keris dan sebagainya sama juga, ramai juga kaum lain yang ingat iaitu pantang minum minuman keras. Bukan semua kaum Cina minum sehingga mereka mabuk. Bulan pantang, perempuan kita mereka ada minum sedikit arak sebab mereka percaya dengan minum arak mereka lebih sihat dan sebagainya dan cepat sembuh selepas kelahiran. Dengan ini saya harap, sebagai Yang Berhormat kita memupuk perpaduan di antara rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Ismail bin Abd. Mutalib [Maran] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapa ramaikah jumlah sebenar Orang Kurang Upaya (OKU) yang didaftarkan di seluruh negara mengikut negeri-negeri. Apakah tahap-tahap bantuan pemulihan dan perkhidmatan yang diberikan kepada mereka?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya mendaftarkan seramai 170,455 orang kurang upaya, sehingga akhir tahun 2005. Bilangan mereka mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan
Perlis	3,395
Kedah	11,577
P. Pinang	10,961
Perak	18,382
Selangor	22,332
Kuala Lumpur	15,831
Negeri Sembilan	7,910
Melaka	6,825
Johor	21,232
Pahang	4,007
Terengganu	10,714
Kelantan	15,214
Sarawak	10,549
Sabah	11,083
Labuan	443
JUMLAH	170,445

OKU yang telah mendaftar mengikut kategori kurang upaya adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan
Penglihatan	16,302
Pendengaran	26,294
Fizikal	56,738
Masalah pembelajaran	66,130
Cerebral palsy	623
Kategori lain-lain	4,368
JUMLAH	170,455

Pihak kementerian juga sentiasa menyediakan pelbagai perkhidmatan yang bertujuan untuk membantu OKU supaya dapat berdikari. Perkhidmatan ini adalah dalam bentuk perkhidmatan institusi, perkhidmatan luar institusi termasuk membuat rujukan kepada agensi lain atau dengan cara memberi khidmat nasihat atau bimbingan kepada ibu bapa/penjaga. Di antara perkhidmatan yang diberikan adalah:

- (i) pendaftaran orang kurang upaya;
- (ii) elaun pekerja cacat;
- (iii) geran pelancaran;
- (iv) bantuan alat tiruan/sokongan;
- (v) bantuan am;
- (vi) Program Pemulihan Dalam Komuniti;
- (vii) pusat latihan perindustrian dan pemulihan;
- (viii) bengkel terlindung;
- (ix) Taman Sinar Harapan; dan
- (x) Perkhidmatan Kaunseling dan Nasihat.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Dalam masyarakat kita sebahagian ibu bapa dan keluarga menganggap bahawa anak yang istimewa, kurang upaya ini dianggap sebagai memalukan, satu petanda tidak baik dan sebagainya, menyebabkan mereka kadang-kadang membiarkan anak ini tetapi dalam konteks negara kita, kita hendak melahirkan *caring society*, dengan izin, masyarakat penyayang.

Saya ingin bertanya, membuat soalan tambahan kepada kementerian, mengikut siasatan dan kajian yang telah dibuat oleh kementerian, berapa banyakkah kes-kes tanggapan masyarakat dan keluarga kepada anak-anak seperti ini sehingga menyebabkan anak-anak yang kurang upaya ini terbiar. Dan, apakah tindakan kementerian dalam menangani masalah ini dan memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa orang kurang upaya ini, yang istimewa ini dilahirkan oleh Allah dan Tuhan sebagai orang istimewa. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya tidak ada angka berapakah ibu bapa yang tidak mampu atau membiarkan anak-anak kurang upaya mereka tetapi bagi OKU atau keluarga mereka yang menghadapi masalah daripada segi emosi, keyakinan diri dan sebagainya atau memerlukan maklumat berkaitan jenis-jenis perkhidmatan yang diperlukan bolehlah mereka mendapatkan khidmat tersebut daripada Pegawai Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkelayakan atau kaunselor di Pejabat Kebajikan Masyarakat negeri-negeri.

Untuk ibu bapa-ibu bapa yang tidak mampu untuk menjaga anak-anak kurang upaya mereka, biasanya mereka akan serahkan atau mereka akan mohon untuk memasukkan mereka ke dalam rumah-rumah kebajikan yang disediakan di bawah kementerian kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kementerian kerana memberikan perhatian yang berat kepada OKU ataupun golongan anak-anak istimewa, tetapi bagi saya masih kurang. Harus agaknya di pihak Kementerian, ditubuhkan satu jabatan khusus dengan kewangan yang lebih. Saya juga berharap kementerian-kementerian lain, memang ada saranan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini, supaya kementerian-kementerian lain terlibat bersama-sama membantu OKU ini, termasuk pihak swasta tetapi saya tengok, keadaan ini kadang-kadang bermusim. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kementerian sejauh mana pihak swasta membantu kempen untuk menggalakkan pihak mereka menerima orang-orang OKU ini yang telah pun diberikan latihan, satu.

Kemudian jabatan-jabatan kerajaan yang lain, apakah mereka berpeluang dapat memasuki bidang pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan dengan kepakaran dan kemahiran masing-masing, kedua.

Yang ketiga, yang telah keluar untuk bekerja sendiri, berniaga. Bagaimana bantuan kewangan yang diberikan kepada golongan ini dan apakah bantuan kewangan itu hanya sekadar melepaskan batok di tangga, atau benar-benar membantu mereka berdikari? Bagaimana pihak kementerian pula memberi sokongan berlanjutan kepada mereka? Jadi orang yang kurang upaya tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kita, seratus ribu lebih, besar angka ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak kita yang memberikan simpati, belas kasihan, siapa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading yang begitu prihatin. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu untuk memberi bantuan kepada OKU, kementerian kita sendiri tidak dapat memberi bantuan yang sempurna kepada mereka dan kita perlukan kerjasama daripada kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana mereka boleh beri arahan atau kerajaan-kerajaan negeri beri arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka mewujudkan satu *environment* yang *friendly* iaitu yang dapat memudahkan pergerakan mereka.

Selain daripada itu Kementerian Sumber Manusia juga, apa yang saya faham, mereka sudah pun ada satu polisi, satu dasar supaya semua agensi-agensi kerajaan, mereka mesti mengambil sekurang-kurangnya 1% pekerja OKU. Selain daripada itu, untuk membantu mereka berdikari, kerajaan telah menyediakan elaun pekerja cacat kepada OKU yang bekerja dan berpendapatan bulanan di bawah RM750 sebulan. Untuk yang berniaga kecil, mereka boleh juga memohon bantuan Geran Pelancaran iaitu maksimum RM2,700 untuk mereka memulakan program mereka.

Untuk mereka yang tidak dapat berdikari atau tidak dapat bersaing di pasaran luar, kita juga telah mewujudkan dua buah bengkel terlindung, iaitu Bengkel Daya Klang dan Bengkel Daya Sungai Petani, supaya mereka boleh bekerja di dalam bengkel ini dan mereka boleh berdikari. Inilah apa yang saya dapat jawab sekarang ini. Terima kasih.

4. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Pelajaran menyatakan, rancangan untuk membantu sekolah-sekolah kurang murid khususnya di kawasan luar bandar serta langkah-langkahnya.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut data Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), sekolah kurang murid (SKM) iaitu sekolah yang muridnya kurang daripada 150 orang. Bertarikh pada 30 Ogos 2005, kita ada sebanyak 2,260 buah sekolah kurang murid di seluruh negara.

Dalam merancang untuk membantu SKM, Kementerian Pelajaran berpegang kepada Dasar Pendemokrasian Pendidikan, iaitu menyediakan kemudahan pendidikan yang seimbang di bandar dan luar bandar dari segi akses ekuiti dan juga kualiti pendidikan. Kewujudan SKM dapat meningkatkan peluang pendidikan di kawasan luar bandar, pedalaman dan juga yang kurang penduduk.

KPM juga sentiasa berusaha mencari alternatif dan langkah-langkah yang sesuai bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan secara berterusan di seluruh sekolah kurang murid ini. Langkah-langkah ini termasuklah menambah projek-projek, gantian, serta ubahsuai dan naik taraf sekolah, projek asrama dan rumah guru, penyediaan program sokongan dan bantuan serta penyediaan guru terlatih yang mencukupi. Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga telah mempunyai perancangan untuk meningkatkan kemudahan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman dengan menggabungkan sekolah kurang murid dan mengujutkan sekolah pusat di daerah-daerah yang memerlukannya. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian telah mengumumkan keputusan peperiksaan UPSR pada minggu yang lepas. Soalan tambahan saya ialah adakah pengajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah telah menyebabkan kemerosotan prestasi kedua-dua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR dan adakah sebarang kajian atau bukti menunjukkan hakikat ini? Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam peperiksaan UPSR yang lepas, dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, kita belum melancarkan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Mungkin Yang Berhormat maksudkan iaitu pengajaran Bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

Ini sebenarnya kalau ikut *cohort* yang pertama, yang mana *cohort* yang pertama iaitu *first batch* pelajar-pelajar yang diajar sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik, mereka sekarang ini berada pada Tahun 4. Bila mana sekolah dibuka pada 2007, *cohort* yang pertama ini baru masuk Tahun 5. Jadi pada tahun 2008 barulah *cohort* yang pertama ini yang diajar daripada Tahun 1, Bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik ini, 2008 baru mereka menduduki peperiksaan UPSR.

Jadi mengenai pencapaian yang lepas, memang kita lihat peratus kelulusan Bahasa Inggeris memanglah menjadikan salah satu punca banyak sekolah-sekolah yang sepatutnya pelajar boleh mendapat 5A, tetapi Bahasa Inggerisnya jadi 'B', jadi itu yang menyebabkan ada pencapaian antara segi kualiti dan kuantiti keputusan UPSR yang boleh dilihat agak menurun sedikit daripada yang lepas. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada soalan tentang sekolah-sekolah kurang murid. Memang Kementerian Pelajaran ada membantu sekolah-sekolah kurang murid dan kita dapati bahawa ada juga sebilangan sekolah-sekolah kurang murid telah dipindahkan *di located*, dengan izin, ke kawasan-kawasan bandar tetapi *grade* sekolah-sekolah kurang murid ini masih sama iaitu *grade B*'. Apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran supaya sekolah kurang murid ini yang telah dipindahkan ke kawasan bandar dapat diberi bantuan dari segi tenaga pengajar dari segi menaikkan gred sekolah tersebut, supaya sekolah itu akan dapat, memperoleh guru-guru yang cukup dan juga dari segi tenaga dan kakitangannya yang cukup. Seperti contohnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chee Wen di Subang Jaya masih dalam gred 'B'. Apakah usaha Kementerian Pelajaran? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak berapa jelaslah soalan Yang Berhormat kerana kalau sekolah kurang murid ini memang pelajarnya di bawah daripada 150 orang. Kalau dah lebih daripada 150 orang, itu bukan lagi sekolah kurang murid.

Jadi tentang percantuman sekolah, sekolah-sekolah yang dikatakan sekolah berpusat, iaitu apabila sekolah-sekolah ini berada jauh daripada satu-satu tempat, maka kita akan berusaha untuk kita cantumkan sekolah-sekolah ini untuk memberikan kemudahan pembelajaran kepada mereka.

Setakat ini kita telah pun mulakan projek rintis kalau hendak kata yang di luar bandar. Projek rintis itu kita telah melaksanakan dua buah sekolah pusat iaitu sebuah di Sabah dan sebuah di Sarawak, iaitu sekolah pusat yang kita lihat berjaya dilaksanakan adalah di Sekolah Kebangsaan Berpusat Pulau Bumbum daerah Semporna, Sabah dan juga Sekolah Kebangsaan Berpusat Mata Parang, Kuching. Jadi masalah sekolah Yang Berhormat sebut tadi saya kena periksa, saya kena semak sama ada sekolah itu masih lagi dianggap sebagai sekolah kurang murid ataupun tidak. Terima kasih.

5. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, sama ada kerajaan ada program ataupun bantuan untuk menolong penghuni-penghuni rumah panjang di Sarawak bagi membolehkan mereka membina rumah panjang dengan menggunakan besi dan konkrit supaya rumah itu lebih selamat daripada bencana kebakaran.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kementerian tidak menyediakan apa-apa bantuan khusus untuk memperbaiki rumah kepada rakyat termasuklah kepada penghuni-penghuni rumah panjang di Sarawak kecuali kepada golongan miskin tegar termasuk mereka yang duduk di rumah panjang. Golongan tersebut diberikan bantuan selaras dengan dasar kerajaan yang menetapkan matlamat untuk menghapuskan miskin tegar pada tahun 2010. Bantuan yang diberikan kepada golongan berkenaan adalah dalam bentuk pembiayaan kewangan untuk membina rumah baru dan juga memperbaiki rumah yang sudah uzur.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah soalan ini, ia ditimbulkan oleh sebab tiap-tiap tahun kita tahu, Timbalan Menteri juga dari Sarawak, dia tahu bahawa tiap-tiap tahun banyak rumah panjang di Sarawak terbakar dan dia melibatkan kerugian yang besar kepada mangsa. Jadi mangsa kebakaran ini lebih-lebih lagi di kawasan saya telah bercadang supaya mereka apabila membuat rumah baru memerlukan bahan binaan yang lebih tahan dan tidak mudah terbakar.

Jadi mereka juga bercadang supaya saya menyampaikan hasrat ini kepada kerajaan untuk menubuhkan satu skim pinjaman perumahan yang khas untuk rumah-rumah panjang yang terbakar ini, dan sebab itu saya fikir kerajaan melihat perkara ini dengan serius dan cuba menolong mereka yang telah menjadi mangsa kepada kebakaran ini. Minta penjelasan Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kanowit. Memang saya sedar bahawa ini merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat yang duduk di kawasan luar bandar khususnya di rumah panjang. Jadi kementerian sudah pun memohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak untuk membuat laporan dan juga cadangan bagi kita membuat semakan, penelitian yang lebih supaya kita dapat memohon daripada kerajaan.

Akan tetapi selain daripada itu kerajaan negeri juga sudah mempunyai satu skim melalui Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak, di mana mereka menyediakan skim pinjaman sebanyak RM10,000 untuk rakyat membina rumah panjang baru, di mana reka bentuk rumah panjang tersebut memiliki ciri-ciri keselamatan khususnya untuk mencegah kebakaran. Selain daripada itu, premium untuk polisi insurans juga dibangunkan di bawah skim pinjaman ini. Jadi skim pinjaman ini akan diberikan dengan keutamaan kepada penghuni-penghuni rumah panjang yang telah terlibat dengan kebakaran. Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan juga memberi bantuan kepada mangsa-mangsa ini. Sekian.

6. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan masalah kegagalan sistem LRT seperti yang berlaku pada Julai 2006 tidak akan berulang lagi dan adakah syarikat yang terlibat mempunyai SOP iaitu *Standard Operating Procedure* untuk waktu kecemasan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua daripada kejadian yang berlaku didapati bahawa apabila tren berhenti di dalam terowong terutamanya jika tren itu di dalam keadaan sesak. Penumpang akan cepat cemas dan akan cuba membuka pintu tren. Pintu tren yang telah dibuka ini boleh memanjangkan lagi tempoh tren tergendala. Bagi mengatasi keadaan tren berhenti lama dalam terowong, langkah serta-merta yang telah diambil untuk membawa tren berkenaan berhenti di stesen terdekat, apa juga masalah teknikal yang mengganggu perjalanan tren berkenaan.

Sesampainya tren di stesen, tren akan diberhentikan dan semua pintu tren dibuka sementara. Kakitangan syarikat di pusat kawalan menjalankan tugas memulihkan perkhidmatan. Setibanya tren di stesen, penumpang boleh memilih untuk terus menunggu di stesen yang berhawa dingin atau keluar mendapatkan pengangkutan yang lain. Pengendalian akan juga mempertingkatkan program latihan kakitangan tentang pelan tindakan kecemasan yang dikemaskinikan. Di samping itu juga beberapa peralatan dan perkakasan sistem kawalan tren akan diusahakan untuk dinaikkan taraf bagi menjamin kelancaran perkhidmatan iaitu dengan cara berikut:

- (i) menambahkan kemudahan perhubungan antara penumpang dengan pusat kawalan kereta api;
- (ii) menambahkan bilangan komputer bagi sistem kemasukan data;
- (iii) menaikkan taraf perkakasan komputer pusat pengurusan, sistem yang termasuk sistem sokongan yang lebih mampu berfungsi dengan lebih pantas; dan
- (iv) menambahkan bilangan paparan maklumat elektronik supaya boleh memaklumkan penumpang dengan lebih berkesan tentang perkhidmatan tren yang tergendala.

Pengendalian kereta api berkenaan memang mempunyai satu standard, dengan izin, *Standard Operating Procedure* untuk waktu kecemasan. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Saya rasa kita di Malaysia ini masih mempunyai satu tabiat yang tidak baiklah, iaitu kita selalunya begitu *reactive* daripada menjadi *preventive*. Selalunya bila masalah berlaku baru kita kelam-kabut untuk mencari jalan untuk mengatasi masalahnya. Walaupun langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan masalah-masalah yang mungkin berlaku, tetapi kita tidak boleh elak daripada akan berlakunya kadang-kadang masalah yang tidak dapat kita kawal.

Akan tetapi yang pentingnya bila masalah ataupun perkara yang seperti itu berlaku, kakitangan daripada pihak yang mengendalikan mesti mempunyai satu profesionalisme, tahap yang boleh memastikan bahawa ketenteraman akan diwujudkan dalam masa-masa kecemasan ini. Ini yang paling penting. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian akan menjalankan *drills* untuk *public transport* ini supaya bukan hanya kepada kakitangan tetapi kepada orang ramai, supaya kalau ada keadaan-keadaan yang cemas macam mana mereka patut *react*. Itu soalan tambahan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat itu. Inilah kita di pihak kementerian kita memang menyedari bahawasanya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *prevention is better than cure*. Kita selalu terperangkap dengan apa yang telah berlaku bukan sahaja dalam bidang LRT ini sahaja bahkan di bidang-bidang yang lain, iaitu kita kadang-kadang terperangkap kerana kita tidak membuat sesuatu persediaan awal untuk mencegah sesuatu yang berkemungkinan berlaku.

Akan tetapi ini telah kita sentiasa berbincang dan mengingatkan pihak yang terlibat, dan Yang Berhormat Kementerian ini hanya ada satu orang kata, *limitation* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu kerana ini semua telah di *privatize* kan. Jadi kita kadang kala juga kemungkinan ketinggalan dengan apakah cara-cara mereka yang diberi tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kepada pihak umum ini kadang kala kita sendiri pun tidak dapat satu penjelasan yang tepat. Jadi kita hanya dapat diberitahu apabila kita memanggil mereka ini, apabila sesuatu berlaku untuk mereka mengambil perkara ini serius. Jadi saya faham sangat atas pandangan Yang Berhormat itu, kemungkinan kita memerlukan satu perbincangan yang lebih berterusan untuk kita mengikuti perkembangan contohnya dalam sistem LRT ini dari satu masa ke semasa untuk memastikan perjalanan LRT ini berjalan dengan begitu baik. Dan kita tahu macam mana hendak berhadapan dengan sesuatu keadaan yang mencemaskan.

7. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah rasionalnya cadangan pihak kerajaan untuk meletakkan *'teaching hospital'* di bawah kementerian dan apakah hospital-hospital yang akan terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choong]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, definisi *'teaching hospital'* adalah hospital yang dibina oleh pihak institusi pengajian tinggi awam atau IPTA untuk tujuan pendidikan. Pada masa ini terdapat tiga buah *'teaching hospital'* yang dikenali sebagai Hospital Universiti, Pusat Perubatan Universiti Malaya di bawah Universiti Malaya, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Universiti Sains Malaysia di bawah Universiti Sains Malaysia.

Hospital Kementerian Kesihatan diwujudkan dengan fungsi utamanya untuk menyediakan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat. Selain dari itu, hospital Kementerian Kesihatan juga menyediakan *facility* untuk latihan dan penyelidikan. Dengan skop perkhidmatan serta tenaga pakar yang ada dalam Kementerian Kesihatan, beberapa hospital Kementerian Kesihatan juga telah diakui sebagai *'teaching hospital'* oleh IPTA dan IPTS. Pada masa ini terdapat lima buah hospital negeri dan 42 hospital daerah telah digunakan oleh pihak IPTA sebagai tempat latihan penuntut perubatan mereka. Di samping itu, tujuh hospital negeri dan 27 buah hospital daerah juga digunakan sebagai tempat latihan penuntut perubatan bagi tujuh buah IPTS di negara ini.

Secara keseluruhannya sebanyak 81 buah hospital Kementerian Kesihatan telah digunakan sebagai tempat latihan penuntut perubatan. Oleh kerana itu isu cadangan meletakkan *'teaching hospital'* di bawah Kementerian Kesihatan tidak timbul sama sekali memandangkan selama ini hospital Kementerian Kesihatan yang digunakan sebagai pusat latihan oleh IPTA. Sekian.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat peranan hospital biasa dengan *'teaching hospital'* ini berbeza sebab peranan hospital biasa fokusnya adalah kepada pesakit, kepada masyarakat dan sebagainya. Sedangkan *'teaching hospital'* sebelum ini ianya bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga sebagai memberi pendidikan dan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang membuat *attachment* ataupun membuat praktikal di situ. Dan *'teaching hospital'* juga oleh kerana ia adalah tempat pembelajaran, mempunyai *syllabus-syllabus* tertentu.

Jadi apabila *'teaching hospital'* ini tidak diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, diletakkan di bawah hospital biasa, jadi apakah tidak ianya akan memberikan kesan kepada sistem pembelajaran nanti Kerana sijil ataupun ijazah tidak dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan tetapi akan dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi iaitu melalui universiti-universiti dan sebagainya. Biasanya kita oleh kerana terlampau banyak kementerian itulah biasanya akan menyebabkan timbul masalah di dalam negara kita, ada pertindihan dari segi tujuan, kerja dan sebagainya. Jadi sekarang dah timbul pertindihan, timbul dua kementerian untuk satu perkara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi itulah saya hendak minta pandangan, sama ada akan memberikan kesan atau tidak kepada pelajar?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan hospital biasa dan juga *'teaching hospital'* ini, memang ada pandangan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tetapi setakat ini di negara kita, kita tidak rasa pertindihan itu kerana berkaitan dengan pengajian di hospital kita ini, ia adalah di peringkat klinikal. So ini bermakna penuntut perubatan ini apabila mereka datang ke hospital kita atau di *'teaching hospital'* mereka mendapat pengalaman bagaimana untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada pesakit-pesakit kita.

Setakat ini kerjasama di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan adalah rapat dan baik. Dan dalam keadaan ini, sistem yang sedia ada iaitu kita memberi pertolongan dan memberi peluang sebagai menggunakan Kementerian Kesihatan ini sebagai tempat di mana penuntut perubatan ini boleh dapat pengalaman dan *'teaching hospital'* di bawah Kementerian Pengajian Tinggi ini juga memberikan perkhidmatan yang sama kepada penuntut perubatan. Dan kita memang rasa tidak ada masalah dalam perkara ini. Sekian.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita tahu salah satu daripada subjek di dalam pengajian perubatan adalah anatomi maknanya kita memerlukan penuntut membelah mayat. Masalah yang mungkin zaman saya dahulu, kita menghadapi masalah untuk mendapatkan mayat walaupun sekarang ini mungkin saya rasa agak senang kerana ramai orang yang mati perang tetapi walau macam mana pun soalan yang ingin saya timbulkan ialah tentang IPTS, fakulti perubatan di IPTS. Dan tadi Setiausaha Parlimen ada menyebut tentang kerjasama antara IPTS dengan Kementerian Kesihatan.

Jadi bagaimanakah bentuk kerjasama yang telah dibentuk yang telah IPTS, fakulti perubatan dengan Kementerian Kesihatan untuk menggunakan kemudahan di hospital sama ada hospital besar, *'teaching hospital'* ataupun hospital-hospital di peringkat daerah. Kerana ada penyakit-penyakit yang kita tidak dapat di hospital besar tetapi wujud di hospital daerah. Saya bagi contoh macam *viper bite* ataupun *cobra bite*, sengatan ular tedung dan ular kapak. Memang di Hospital Besar Kuala Lumpur kita jarang jumpa tetapi kalau kita pergi ke Hospital Baling, memang hari-hari kita boleh jumpa. Jadi cara hendak merawat mungkin lebih senang kalau kita ke hospital daerah berbanding dengan hospital besar. Jadi apakah bentuk kerjasama yang telah terbentuk antara IPTS, fakulti perubatan dengan hospital-hospital Kementerian Kesihatan? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pengalaman ini, apabila kita adakan hospital dikhususkan untuk IPTS, sesebuah IPTS ini, kita bukan bagi dia satu hospital sahaja, tetapi kita bagi dia dua, tiga hospital iaitu kita ada Hospital Negeri yang besar atau bercampur-campur dengan hospital yang kecil seperti hospital daerah. So ini bermakna campuran kes-kes yang kita ada itu atau pendedahan pengalaman kepada penuntut perubatan kita memang agak keseluruhan bukan hanya ditumpukan di hospital kecil sahaja. Sekian.

8. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, punca kegagalan Dasar Wanita Negara dan pelajaran yang dapat dipelajari serta dicontohi daripada Vietnam yang kini berada di kedudukan tangga teratas selaku negara di mana 30% wanitanya adalah pembuat dasar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa meningkatkan usaha untuk mengintegrasikan wanita dalam arus perdana negara dalam semua bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan politik. Strategi dan pelan tindakan untuk mengintegrasikan wanita dalam arus perdana digariskan dalam Dasar Wanita Negara yang diperkenalkan sejak tahun 1989. Sejak itu, Dasar Wanita Negara dilaksanakan bukan sahaja oleh kementerian atau dulunya dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Wanita iaitu HAWA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada keseluruhannya pelaksanaan Dasar Wanita Negara telah berjaya mencapai beberapa kejayaan dan ini terbukti dengan kemajuan yang dicapai oleh wanita selangkah demi selangkah dalam pelbagai bidang seperti yang kita dapat lihat hari ini.

Umpamanya dalam bidang pendidikan wanita lebih maju berbanding lelaki, walau bagaimanapun dalam bidang politik dan pembuat keputusan, sasaran 30% wanita di peringkat pembuat keputusan, masih belum dapat dicapai. Namun begitu, sejak dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dipersetujui oleh kerajaan pada Ogos 2004, telah banyak kemajuan yang dapat dilihat. Contohnya pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan dan dua orang Naib Canselor Universiti terkemuka awam tempatan iaitu Naib Canselor Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini KPWKM akan terus berusaha untuk mencapai tahap penyertaan wanita yang lebih bermakna dan tinggi sebagaimana yang telah dicapai oleh negara-negara tertentu di seluruh dunia. Usaha ini memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak di dalam negara ini. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya suka juga untuk mengucapkan tahniah kepada wanita, tetapi yang perlu kita sedar ialah bukan sahaja jawatan-jawatan kritikal, gerakan massa itu perlu dikukuhkan bagi mencapai penglibatan wanita sekurang-kurangnya 30%. Tuan Yang di-Pertua, apakah bentuk-bentuk di samping konvensyen-konvensyen, perbincangan-perbincangan yang telah dilakukan di kalangan wanita untuk membincangkan kesaksamaan wanita ini. Apakah bentuk cabaran dan ujian yang telah dihadapi. Umpamanya kesedaran kaum Adam terhadap penglibatan wanita ini secara besar-besaran.

Yang kedua keengganan wanita itu sendiri di dalam menyertai arena-arena kritikal di negara ini dan akhir sekali ialah bagaimana dengan dasar yang disebutkan tentang 30% penglibatan wanita setiap peringkat tadi, adakah ia boleh digesa kepada pihak kerajaan untuk dijadikan sebagai kuota yang mesti dipenuhi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Untuk mencapai dasar 30% wanita di peringkat membuat keputusan, bagi mempercepatkan pencapaian tahap ini, KPWKM dengan kerjasama Unit Perancangan Ekonomi dan *United Nations Development Programme* kini sedang merangka pelan tindakan bagi mencapai 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan melalui:

- (i) penilaian dan analisis status wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam;
- (ii) mendokumentasikan dan berkongsi amalan terbaik daripada negara-negara maju yang telah mencapai sasaran 30%; dan
- (iii) memastikan semua pihak khususnya pengurusan atasan memahami dasar 30% ini dan diserapkan dalam program dan dasar pengambilan latihan dan pelan pengurusan sumber manusia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang lain, kalau kita ikut berdasarkan *human development report* tahun 2005 yang diterbitkan oleh *United Nations Development Programme*, Malaysia berada pada kedudukan ke-51 daripada 80 buah negara yang dinilai *Gender Empowerment Measure* iaitu GEM. Kalau dibandingkan dengan negara-negara Asia, Malaysia adalah di tempat keempat iaitu di belakang Singapura, Jepun dan Filipina. Oleh itu ini adalah menjadi satu perjuangan kementerian dan kita akan meneruskan program-program atau langkah-langkah yang kita telah ambil seperti kita akan melalui *focal point* yang setakat ini berada di hampir semua kementerian dan juga kita akan terus menjalankan analisis bajet *gender* supaya kita dapat mencapai tahap 30% ini, sekian terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat saya nampak usaha yang diambil oleh kementerian ini terlalu lambat, terlalu *slow*, dengan izin. Yang perlu ialah *political view*. Apakah pihak kementerian ada memberi satu tempoh untuk memastikan bahawa 30% wanita di dalam peringkat pembuat dasar ini dapat dicapai satu tempoh. Kalau kita sering kali dengar dalam Dewan, Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Tindakan Kaji Menganalisa, tetapi yang perlu ialah *political view* di peringkat Kerajaan Tempatan di peringkat Dewan Negara Senator pelantikan, jawatan pelantikan ini boleh dimulakan.

Apakah ada tempoh dan perkara yang kedua ialah berkenaan undang-undang untuk menghapuskan diskriminasi. Setiap kali sambutan Hari Wanita Malaysia kita dengar akan menghapuskan diskriminasi, undang-undang diskriminasi terhadap wanita. Tetapi, apakah tempoh yang telah ditetapkan untuk hapuskan undang-undang ini juga.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Walaupun setakat ini kerajaan belum ada satu tempoh untuk kita mencapai 30% ini, namun begitu, kerajaan telah bertungkus-lumus untuk cuba untuk mencapai dalam satu tempoh yang singkat. Bagi satu contohnya yang seperti Senator, seperti Dewan Negara kita setakat ini kita sudah pun mencapai 27.8% pada setakat ini dan mengenai akta-akta diskriminasi wanita dan kerajaan telah pun wujudkan satu Jawatankuasa Kabinet Kesaksamaan *Gender* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana kita ada mesyuarat beberapa akta-akta termasuk juga Perlembagaan, kita akan semak dan kalau kita dapati ada Seksyen-Seksyen yang mendiskriminasi wanita, kerajaan akan ambil tindakan untuk menghapuskan atau untuk membuat pindaan, sekian terima kasih.

9. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, didapati Projek Jalan Lingkaran Tengah Fasa I Seremban akan disiapkan pada hujung tahun ini. Bilakah Projek Jalan Lingkaran Tengah Fasa II Seremban dimulakan memandangkan jika dapat Fasa ke-2 ini dilaksanakan, barulah boleh mengatasi kesesakan lalu lintas di bandar Seremban dengan menyeluruh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Lingkaran Tengah Fasa I Seremban sedang berjalan dengan lancar dan dijangka dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada hujung tahun ini. Kontrak untuk Fasa II pula telah pun diselesaikan dan tarikh milik tapak adalah pada 28 Ogos 2006 dengan tempoh kontrak selama 30 bulan. Projek ini dijadualkan siap pada 22 Februari 2009, terima kasih.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya, oleh kerana ada projek ini telah dapat kurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Rasah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah banyak rumah kediaman kedai-kedai dan lot-lot tanah persendirian terlibat dalam projek Fasa II ini dan berapa banyakkah pampasan perlu dibayar oleh pihak kerajaan dan berapakah jumlah kos projek Fasa II ini. Sekian terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai projek yang berhubung kait di dalam kawasan Yang Berhormat terlibat juga dan secara latar belakangnya Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini dengan izin ia panggil, *Seremban Outer Ring Road* punya projek to *disperse the traffic congestion* di Pekan Seremban untuk memudahkan aliran lalu lintas dan oleh kerana soalan Yang Berhormat beberapa perkara *detail* dan spesifik insya-Allah saya akan memberikan jawapan bertulis terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, terima kasih.

10. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah langkah-langkah awal yang telah diambil oleh kerajaan bagi melindungi rakyat negara ini dari serangan Tsunami memandangkan negara ini terdedah dengan pantainya yang panjang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerana menunjukkan keprihatinan terhadap keselamatan orang awam yang mungkin terdedah kepada bahaya dan risiko gempa bumi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan semasa mewujudkan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia telah mengambil kira pelbagai faktor untuk memastikan kepentingan dan keselamatan orang ramai sentiasa terpelihara. Di samping menempatkan beberapa peralatan canggih dan berteknologi tinggi di kawasan-kawasan yang strategik dan berisiko, kerajaan juga telah mewujudkan satu rangkaian kerjasama di kalangan agensi-agensi kerajaan, NGO dan beberapa sektor swasta yang terlibat dalam pengurusan bencana negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap kejadian gempa bumi kuat yang berlaku di kawasan berdekatan dan boleh memberi kesan/risiko pada negara kita, Malaysia, Pusat Amaran Awal Tsunami Nasional akan menyalurkan secara terus maklumat berkenaan kepada agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana negara, pihak media cetak, media elektronik serta orang awam melalui pelbagai saluran komunikasi seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS), *hotline*, internet, telefon dan faks yang seterusnya akan disebar kepada orang awam melalui dengan izin, *breaking news* dan *crawler* di stesen-stesen televisyen tempatan.

Di samping itu, pelbagai persediaan awal menghadapi bencana gempa bumi dan tsunami juga telah diadakan bagi memastikan setiap mereka yang terlibat dalam melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Beberapa program kerjasama antara Bahagian Keselamatan Negara dengan agensi-agensi yang terlibat dan dengan pengurusan bencana negara seperti NGO. Setiap NGO telah mengadakan *road show* dengan izin, mengenai tsunami dan cara-cara sesuatu pendekatan yang perlu diambil setelah menerima amaran gempa bumi dan tsunami di negeri-negeri seperti Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Kelantan. *Road Show* dan pendedahan kepada orang ramai ini akan sentiasa diteruskan dari masa ke semasa ke seluruh negara bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kesediaan orang ramai terhadap risiko dan bahaya tsunami negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberi jawapan yang begitu panjang tentang persiapan awal yang dilakukan oleh negara kita. Soalan tambahan saya, apakah negara kita membuat pakatan bersama dengan negara-negara jiran kita, kerana tsunami yang telah berlaku ini bukan berlaku di negara kita tetapi berlaku di negara ataupun di sempadan negara kita.

Jadi pakatan-pakatan dan kerjasama serantau di kalangan negara-negara Asia ataupun negara ASEAN telah dibuat ataupun sedang dirangka supaya amaran awal ini dapat kita kesan di mana berlakunya di sebuah negara. Jadi negara kita dapat dikesan dengan lebih awal supaya kesan daripada tsunami yang berlaku di negara pertama tadi tidak merebak ke negara kita. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai contoh, di bawah kerjasama antarabangsa sebenarnya, satu latihan amal untuk bertindak apabila mendapat amaran mengenai tsunami telah kita laksanakan pada 17 Mei tahun ini bagi negara-negara persisiran Laut Pasifik yang bertujuan untuk menguji kaedah dan keberkesanan penyampaian maklumat, khususnya jabatan atau agensi dalam memberikan bantuan serta kesediaan masyarakat untuk mengambil tindakan-tindakan perlindungan bagi menjamin keselamatan masing-masing.

Bagi tujuan ini, Bahagian Keselamatan Negara telah memilih daerah Tuaran, Sabah untuk menjayakan latihan amal yang diadakan serentak di kalangan negara-negara Asia Pasifik. Selain daripada itu, Kerajaan Malaysia juga melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan satu bengkel kebangsaan berhubung dengan bahaya dan risiko gempa bumi dan bencana tsunami di Malaysia yang diadakan pada 24 dan 25 April tahun ini.

Manakala pada 27 dan 28 April pula telah diadakan satu Persidangan Meja Bulat Antarabangsa bagi membincangkan pelaksanaan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional dengan tekad untuk mencari satu pendekatan dan kaedah yang terbaik dan paling sesuai bagi mengurangkan risiko dan kemusnahan akibat daripada bencana gempa bumi dan tsunami. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah pun menempatkan pelampung-pelampung tsunami di lautan yang strategik. Pertama, saya ingin tahu berapakah bilangan pelampung ini? Yang kedua, daripada menerima kesan ini oleh pelampung-pelampung ini ataupun *buoys*, berapakah masa sehingga Pusat Amaran Awal Tsunami Nasional boleh menerima mesej ini dari pelampung-pelampung ini. Ini adalah penting bagi persiapan dan sebagainya supaya pelan yang tertentu dan strategik untuk memindahkan mereka yang mungkin akan menjadi mangsa kepada tsunami ini. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Untuk makluman, sebenarnya kita telah memilih tiga lokasi untuk diletakkan pelampung tsunami iaitu pertama berhampiran Pulau Layang-Layang, Laut China Selatan. Yang kedua, berhampiran dengan Pulau Rondo, Aceh dan Laut Andaman. Yang ketiga, kita akan meletakkan berhampiran dengan Laut Sulu. Proses ini masih belum dapat dilaksanakan kerana kita masih berbincang dengan Kerajaan Filipina untuk mendapatkan kebenaran dan kerjasama.

Seperti yang telah dinyatakan dan diminta pandangan untuk soalan yang kedua, sebenarnya soalan ini telah pun saya beri contoh jawapan pada jawapan yang sebelum ini. Sebagai contohnya, pada masa berlakunya gempa bumi dan tsunami pada 17 Julai 2006 iaitu pada jam 4.19 petang pada waktu Malaysia, Pusat Amaran Awal Tsunami Nasional sebenarnya telah dapat mengesan gempa bumi ini pada pukul 4.22 petang. Hanya tiga minit selepas berlaku. Daripada data-data dan maklumat yang dapat, bahawa kita telah putuskan memang akan berlaku tsunami dan kita telah memaklumkan kepada Kerajaan Indonesia, Filipina dan kerajaan-kerajaan jiran kita yang berhampiran berkaitan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat dari kawasan Parlimen Kuala Pilah, pelajar-pelajar sekolah dan guru-guru.

11. Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus] minta Menteri Kewangan menyatakan tentang prestasi Permodalan Nasional Berhad (PNB). Apakah jaminan kerajaan kepada pelaburan rakyat dalam saham-saham amanah yang diterbitkan dan diuruskan oleh PNB tidak merugikan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sejak pelancaran dana unit amanah yang pertama pada tahun 1981, PNB sehingga kini telah menubuhkan dan menguruskan lapan dana unit amanah dan dua dana amanah hartanah. Bermula dari hanya 540 juta unit pada tahun 1981, unit dalam edaran bagi dana-dana unit amanah PNB telah bertambah kepada lebih 60 bilion unit pada ketika ini. Bilangan pemegang akaun juga telah bertambah dari 800 juta orang pada tahun 1981 pada lebih daripada 8.4 juta pemegang akaun pada 31 Oktober 2006. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 350 dana unit amanah yang bersaing dengan dana-dana unit amanah yang diuruskan oleh PNB.

Namun begitu, PNB masih kekal sebagai peneraju industri unit amanah negara di mana 56 % nilai aset bersih dana-dana dalam pasaran negara pada 31 Ogos 2006 adalah dikuasai oleh PNB. Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap pelaburan mempunyai risiko yang tersendiri. Sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab, PNB sentiasa berusaha agar risiko yang diambil bersesuaian dengan pulangan yang dijangkakan. Setakat ini, produk-produk PNB mampu mengekalkan pulangan yang kompetitif setiap tahun berbanding dengan *instrument* pelaburan yang setanding. Setiap dana unit amanah yang diuruskan oleh PNB sehingga kini tidak pernah gagal membayar dividen kepada pelabur-pelaburnya setiap tahun. Sehingga 31 Ogos 2006, PNB telah berjaya membayar sejumlah RM50.9 bilion kepada pelabur dalam bentuk dividen dan bonus.

Bagi memastikan dana-dana unit amanah PNB terus memberikan pulangan yang kompetitif, PNB sentiasa mengambil langkah berhemah dalam mempelbagaikan portfolio dan strategi pelaburannya dengan mengambil kira faktor risiko serta memberi tumpuan kepada kecemerlangan korporat. Sehingga kini PNB dan dana unit amanahnya telah melabur dalam lebih daripada 350 buah syarikat di mana pelaburan tersebut adalah dalam sektor-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan meluas dalam pasaran serta penting terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

Pada masa ini PNB mempunyai pegangan strategik dalam pelbagai sektor korporat di Malaysia. Antaranya sektor kewangan, perladangan, hartanah, automatif, perkhidmatan serta pembuatan melalui pemilikan saham majoriti dalam Malayan Banking Berhad, Kumpulan Guthrie Berhad, Sime Darby Berhad, Golden Hope Plantation Berhad, Island and Peninsular Berhad, UMW Holding Berhad dan Chemical Company of Malaysia Berhad. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga setiausaha Parlimen. Dari segi penarafan produk-produk PNB oleh pihak ketiga tidak ada satu pun produk yang memenangi anugerah dari segi pengurusan saham-saham amanah. Dikatakan pencapaian PNB setakat ini jauh ketinggalan berbanding dengan pengurus-pengurus saham amanah yang lain. Contohnya seperti *Public Mutual Fund* yang telah dianugerahkan sebagai *Best Equity Group 2006* oleh *Edge-Lipper Malaysia*, sebuah syarikat penarafan saham-saham amanah.

Dari segi akaun, tengok kepada akaun PNB keuntungannya sebelum 1997 memang agak tinggi tetapi selepas tahun 1997, untungnya telah menurun sehingga kepada separuh sahaja. Pada tahun 2003, untungnya hanya RM412 juta berbanding dengan sebelum tahun 1997, untung puratanya adalah lebih kurang RM3 bilion. Apa yang menjadi kebimbangan saya ialah saya takut dan saya bimbang saham-saham amanah PNB ini akan menjadi seperti Skim Pak Man Telo.

Sebabnya masalah *liquidity* ataupun masalah kecairan yang dihadapi oleh PNB sekarang ini apabila hendak bagi sahaja dividen, dia mengeluarkan saham-saham amanah baru. Jadi sampai bila PNB akan melaksanakan skim-skim amanah yang baru ini. Jadi saya hendak tahu soalan tambahan saya adakah kerajaan menyedari keadaan ini dan apakah tindakan kerajaan untuk meningkatkan ataupun memperkasakan PNB?. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi bahawa PNB adalah sebuah badan yang mengendalikan lebih daripada 50% daripada unit *trust* di negara ini di mana operasinya adalah amat besar berbanding dengan unit-unit lain yang kecil yang memang mereka boleh beri tumpuan kepada dana mereka yang kecil itu dan tentulah mendapat pengiktirafan yang tinggi. Minat mereka hanya untuk mengambil untung tetapi dalam hal PNB, dia kena ambil kira semuanya termasuklah masalah negara dan membantu masyarakat dan sebagainya.

PNB juga terlibat dengan pelbagai aktiviti ekonomi yang juga mengambil kira sosioekonomi di mana mengambil kira juga faedah-faedah sosial kepada masyarakat. Jadi PNB tidak mengambil kira keuntungan yang berlebihan. Kerana hendak ambil untung lebih, maka dia tidak ambil kira tentang sosioekonomi ini. Jadi sebab itu operasi mereka banyak dapat untung dan tidak pernah gagal membayar dividen dan bonus tetapi tidaklah sehingga cemerlang oleh kerana tumpuan mereka adalah kepada perkara-perkara yang lain termasuklah masalah sosial dan sebagainya.

Memanglah tahun 1997 semasa ekonomi merosot, syarikat-syarikat pelaburan semuanya merosot, maka keuntungan juga merosot. Ini berlaku. Jadi terpaksa PNB mengambil kaedah lain untuk memastikan dapat membayar dividen dengan baik. Walau bagaimanapun PNB adalah di bawah kerajaan, maka kerajaan tentulah akan memastikan PNB berjalan dengan baik dan lancar dan PNB sentiasa berhati-hati dalam pelaburan mereka. Apa juga bentuk pelaburan yang mereka ceburi, mereka pastikan ianya tidak akan gagal. Ada kaedah-kaedah yang diikuti, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pelancaran amanah saham dan keupayaannya begitu rapuh oleh kerana manipulasi di peringkat akar umbi di mana pihak bank yang diamanahkan tidak menjalankan tanggungjawab sehingga orang yang hendak mohon untuk saham-saham ini tidak berjaya memperolehnya kerana di kaunter mereka kata, disebut, diberitahu, "Tidak ada, habis dah."

Maka apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kita ada satu mekanisme baru untuk memastikan bahawa amanah-amanah saham baru yang dilancarkan sampai kepada peringkat atau golongan yang benar-benar memerlukannya dan bolehkah kerajaan menjamin dan memberi keutamaan kepada 3% untuk golongan masyarakat India untuk memperolehi ekuiti negara dalam Wawasan 2020 yang telah diilhamkan melalui pelancaran amanah saham-saham baru.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau ikut rekod yang ada, PNB menguruskan lapan dana. Empat dana adalah khas untuk bumiputera dan empat lagi dana adalah untuk semua orang. Saya boleh sebut di sinilah untuk semua orang, Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Nasional Tiga Imbang dan Amanah Saham Gemilang.

Semuanya masih ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh dilanggan melalui bank-bank. Tidak ada timbul masalah tidak ada....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, pergi sudah habis dia kata.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sudah habis?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ha.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang saya difahamkan ada sebenarnya tetapi mungkin kuota bank itu sudah habis tetapi walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands itu saya akan bawa kepada PNBlah tentang hendak mengekshakan 3% kuota untuk masyarakat India boleh saya bawa kepada PNB tetapi yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, memang ada skim untuk orang-orang miskin ini yang diberi dan masih lagi kekal kepada mereka, Tuan Yang di-Pertua.

12. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, sama ada kementerian bercadang mengadakan satu sistem pemilihan Ketua Kampung bagi JKKK. Jika tidak, mengapa dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, pemilihan Ketua Kampung dan juga Pengerusi JKKK adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Oleh yang demikian, kementerian tidak bercadang memperkenalkan apa-apa sistem pemilihan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK. Sekian.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih. Kementerian ini mempunyai peranan untuk memajukan kawasan luar bandar dan saya hendak tahu apakah sistem sekarang boleh menjamin kepada rakyat jelata bahawa mereka akan dapat menikmati pembangunan bagi projek-projek yang dikendalikan oleh kementerian dan tidak menjadi mangsa manipulasi politik JKKK yang merupakan pelantikan politik ini.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat yang sangat prihatin kepada masyarakat luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan khasnya kementerian memang sudah mempunyai sistem-sistem yang telah terbukti dapat membela nasib masyarakat luar bandar. Di peringkat akar umbi memanglah JKKK mempunyai peranan untuk mengenal pasti projek-projek yang diperlukan, membuat cadangan kepada pihak-pihak tertentu tetapi di peringkat daerah kita mempunyai Jawatankuasa Bertindak, Jawatankuasa Pembangunan Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah.

Daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga mempunyai peranan untuk mengenal pasti dan memastikan projek-projek dapat dijalankan dengan sebaik mungkin dan di peringkat negeri, kita juga mempunyai sistem di mana negeri mempunyai Exco yang bertanggungjawab ke atas pembangunan luar bandar. Di Sabah dan Sarawak, kita juga mempunyai kementerian khas Kementerian Pembangunan Luar Bandar di Sabah dan juga Sarawak.

Selain daripada itu, kementerian atau Kerajaan Persekutuan juga mempunyai satu agensi yang dinamakan *State Development Office* ataupun Pejabat Pembangunan Negeri di setiap negeri yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja jawapan lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Tindakan Kasar MPSP Meroboh Tokong Kuning di Bukit Mertajam

11.30 pagi

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) mengenai perkara tertentu, berkenaan dengan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua usul saya berbunyi pada 17 November 2006 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menghantar pasukan penguat kuasanya untuk merobohkan sebahagian Tokong Kuning atau dikenali sebagai 'Tau Boo Kong' yang beralamat di Lot 2284 Jalan Maju Bukit Mertajam Pulau Pinang dengan cara yang kasar di hadapan wakil-wakil rakyat termasuk Ahli-ahli Exco Pulau Pinang Yang Berhormat Lau Chiek Tuan. Tokong tersebut terletak di atas sebidang tanah milik tokong tersebut.

Pada awal bulan Oktober 2006, dua Ahli Exco Pulau Pinang iaitu Yang Berhormat Lau Chiek Tuan dan Yang Berhormat Datuk Dr Toh Kin Woon telah mengadakan perbincangan mengenai pembinaan bangunan tokong dengan Yang di-Pertua MPSP dan bersetuju untuk membawa isu tersebut dan diputuskan di Mesyuarat Exco Pulau Pinang akan datang. Akan tetapi sebelum Mesyuarat Exco diadakan, pihak MPSP telah mengambil tindakan merobohkan Tokong Kuning yang merupakan tempat ibadat bagi masyarakat Cina di Bukit Mertajam. Tindakan ini dianggap tidak menghormati Ahli Exco kerajaan dan boleh di sifat sebagai *insubordination* kepada kerajaan negeri. Pohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pada hari Isnin, 20 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menangguhkan kerja-kerja merobohkan dan perkara ini adalah dalam perhatian pihak kerajaan negeri Pulau Pinang serta akan dibawa dalam Mesyuarat Exco kerajaan negeri itu untuk mendapat penyelesaian. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BIO-KESELAMATAN 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan; untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksporan dan kegunaan terkawal organisma diubahsuai yang hidup; dan pelepasan hasilan organisma sedemikian, dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi, dan jika terdapat ancaman kerosakan yang tidak dapat dikembalikan seperti sedia kala, kekurangan bukti saintifik yang sepenuhnya tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak mengambil tindakan untuk mencegah kerosakan itu; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kesebelas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.28 [Jadual] -

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2007] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Pengangkutan. Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya jemput Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam untuk menyambung berucap.

11.35 pagi

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin bertanya penjelasan dari kementerian mengenai *e-Plate*. Dasar *e-Plate*, saya difahamkan oleh Persatuan Perikatan Pengusaha Iklan Malaysia bahawa kementerian ingin melaksanakan dasar *e-Plate*. Iaitu semua kenderaan di Malaysia mesti memakai tukar kepada *e-Plate*. Sekarang ialah plat yang tidak e lagi. Tadi belum dicipta jadi dia merasa ini kurang maju kerana tidak pakai *e-Plate*. Saya rasa Singapura, Korea mereka lebih maju daripada kita belum pakai *e-Plate* lagi. Boleh pakai juga bukan kata tidak boleh, tetapi pada waktu sekarang mereka tidak tahu apakah dasar itu dan mereka tidak diberi sebarang makluman mengenai *e-Plate* walaupun mereka merayu, merayu dan merayu tolonglah beritahu kita apa itu *e-Plate*. Saya rasa ini Tuan Pengerusi pun tahu kerana ramai mereka ini datang dari Johor.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya baru masuk saya tidak tahu apa Yang Berhormat cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak apa saya akan maklumkan bahawa Pengerusi Persatuan Perikatan Pengusaha Iklan Malaysia adalah dari negeri Johor tetapi negeri Johornya sayangnya kerana tidak ada Ahli Parlimen dari parti DAP mereka terpaksa panggil saya daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau sudah hantar mesej dia hendak bangkitkan perkara ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah hantar mesej. Boleh hantar mesej ke?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Baguslah kita sama-sama timbulkan ya. Ini kerana mereka merayu dan tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab juga. Saya pun tidak tahu mungkin menteri sangat sibuk ke sini, ke sana untuk merasmikan banyak acara termasuk juga tidak kena-mengena dengan kementerianya tetapi kita Malaysia ini kita sudah *e-passport*, sudah *e-card*, *my card* adalah *e-card*. Kita mesti gunakan elektronik ini supaya tidak ada pemalsuan. Adakah ini betul? Tidak betul kerana pemalsuan pasport masih banyak lagi dan lebih senang kerana guna kan e ini lebih senang. Mengapa..., kerana hanya negara Malaysia yang pakai pembaca 'e' punya. Hanya di Malaysia sahaja ada mesin pembaca.

Kalau pergi ke England mereka tidak ada lagi. Jadi, di Malaysia, warganegara dari China, dari Vietnam mereka datang ke Malaysia, mereka *somehow* mereka dapat Pasport Malaysia yang palsu punya. Mereka boleh keluar dari Lapangan Terbang Bayan Lepas di Pulau Pinang. Mengapa..., kerana di *Airport* Penang dia tidak sama dengan *airport* lain-lain tempat. Di mana terminal *foreign*, luar negeri dan terminal domestik adalah sama. Kalau warganegara China yang memakai pasport palsu Malaysia, mereka beli dua tiket. Satu tiket ke England, satu tiket ke Johor Bahru. Mereka masuk menggunakan *domestic channel* dan mereka tidak perlu melalui Kastam memeriksa pasport mereka. Imigresen jadi mereka tidak memeriksa pasport mereka kerana kita sekarang sudah pakai *e-passport* kita tidak cop ke atas pasport kita untuk memastikan sudah diperiksa.

Mereka masuk melalui domestik. Masuk dalam domestik, mereka boleh naik kapal terbang pergi ke England dan sampai di England, dia buka pasport, cop sahaja kerana mereka tidak pakai e-pasport. Membaca e-pasport. Inilah lebih senang untuk memalsukan ataupun warganegara lain, negeri lain, boleh memakai pasport palsu Malaysia dan ini menjejaskan imej Malaysia. Sampai ada warganegara kita yang gadis, yang muda hendak pergi ke Europe mereka tidak dibenarkan masuk kerana mereka kata, saya tidak pasti sama ada awak adalah warganegara Malaysia ataupun warganegara China yang memegang pasport palsu Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, yang penting ialah saya hendak penjelasan mengenai *e-car plate* kerana kita mempunyai lebih kurang 2,760 orang yang terlibat dalam perniagaan ini. Sekiranya kita memakai *e-plate*, adakah kerajaan atau kementerian menimbangkan untuk memberi kepada mereka *business e-plate* ini atau JPJ sendiri hendak *monopolies e-plate*. Keberkesanan JPJ semua orang tahu bukan sangat baik kerana ada juga lesen terbang tidak lama dahulu. Banyak perkara yang mereka tidak dapat membuat dengan berkesan tetapi JPJ Pulau Pinang, mereka sangat berkesan. Apa yang berkesan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Berkesan dengan dulu kita pergi ke JPJ, tidak perlu bayar *parking*. *Parking free*, sekarang pergi sana *parking* satu jam RM1. Saya hendak tanya sama ada dasar ini patutkah? Pergi membuat urusan di JPJ dan dulu tidak payah bayar sekarang kena bayar. Siapa yang untung daripada pembayaran ini? Adakah JPJ sendiri ataupun dia diswastakan kepada kroni dia. Mengapa perlu RM1 dikutip, apa maksudnya? *E-plate* dikatakan sekarang satu *plate* yang dibuat ini RM10 boleh dapat, *e-plate* RM100.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah okey? Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya hendak tahu apa rasionalnya hendak pakai *e-plate*. Kerana kalau dikatakan ia boleh mengelakkan pemalsuan, itu tidak betul. Itu tidak boleh diterima.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, tunggu jawapanlah. Boleh? Yang Berhormat cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tapi Tuan Pengerusi, saya rasa ada satu perkara yang sangat penting lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi tidak pentingkah Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu sama penting, ada penting juga. Itu tadi ialah melibatkan kepentingan 2,700 orang lebih pengusaha dan kita juga semua, kerana kita nanti terkena juga tukar *e-plate* tetapi sini ialah satu perkara lagi yang saya rasa adalah amat penting iaitu baru-baru ini berlaku, semalam. Surat khabar semalam yang RM50 *million chips* yang telah dirompak dari MAS Kargo di Pulau Pinang. Ini dikatakan bukan *robbery at Cargo Complex*, bukan kali pertama. Dulu pun pernah berlaku pada Oktober 2005, 11 Februari 2004 pun pernah berlaku. Ini telah menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur. Mereka katakan bahawa dengan izin, *MAS was warned of robbery, say forwarders* mereka telah dapat *information*, maklumat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka mengatakan akan berlakunya kalau bukan di KLIA ialah di Pulau Pinang tetapi ialah *security* tidak ditingkatkan dan bagaimana ia boleh berlaku? Sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sangat marah kerana ini menjatuhkan seri muka Malaysia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang lebih penting ialah keyakinan pelabur *foreign investor*. Jadi apakah kita hendak buat. Apakah Kementerian yang hendak buat. Tapi Yang Berhormat Menteri pun tiada di sini. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, nanti dia akan sampailah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti dia akan sampai. Saya harap nanti dia akan sampai, kalau tidak perkara yang penting seperti ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Beliau kalau tidak sampai, tidak eloklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat beri peluang kepada Ahli Berhormat yang lain berucap. Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa Kementerian ini diperuntukkan satu hari, belum sampai satu hari...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bukan satu orang, ramai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Ada ramai kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ramai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Semalam hanya ada lima sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semalam sudah satu hari Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah cakap dua hari. Cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]* Dan satu lagi saya rasa adalah sangat penting ialah ia dia *robbers came in Relu uniform*. Jadi ini adalah pentingnya kita memandangkan, kerajaan memandang dengan serius perkara ini dan saya harap dapat satu penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Tebrau apa yang telah dibangkit tidak payah bangkit. Saya beri Kinabatangan.

11.46 pagi

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membangkit dua perkara iaitu Butiran 010500, 010200 dalam penelitian saya perkara ini tertentu kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bukan Peraturan Mesyuarat 18(1).

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya melahirkan rasa marah, kekecewaan, dukacita, rentetan, rungutan, orang ramai masyarakat di Malaysia. Terutama sekali di Sabah, di Sarawak dan di Semenanjung Tanah Melayu berhubung dengan pentadbiran baru 'syarikat pengangkutan Malaysia' ataupun MAS yang saya rasa orang ramai menganggap mereka ini bukan lagi hilang arah tetapi sudah hilang akal. Sudah tiba masanya kerajaan melihat kalau boleh merombak struktur MAS ini serta-merta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu Butiran?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Butiran 010500, pengangkutan udara. Ahli Lembaga Pengarah dia, pengerusi dia, CEO dia, sudah gila, itu orang kata. Kenapa tidak gila? MAS ini milik negara, milik kerajaan tetapi mereka sudah menodai kepercayaan kerajaan dan rakyat. Di atas, mereka meminta bantuan kerajaan untuk membiayai kepentingan pengurusan operasi MAS. Dalam masa yang sama mereka menghirup darah rakyat iaitu menaikkan harga 300% dan mereka berbohong dengan menteri. Saya mohon menteri kalau boleh periksa. Dia jawab 25% naik. Kepala otak dia Tuan Pengerusi.

Dia naik meningkat lebih 100% dan ini satu penipuan. MAS ini syarikat kerajaan, bukan pengerusi punya, bukan Munir punya, bukan Jala punya. Jangan hendak memandai-mandai. Yang rakyat tanya kerajaan, parti Barisan Nasional pilihan raya dia kata tunggu. Bukan dia pegawai MAS. Ini kena ditengok. Kita ada beberapa lapangan terbang yang canggih termasuk di Senai, di Johor...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tempat Tuan Yang di-Pertua punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan saya punya Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan mewakili rakyat yang jadi mangsa kepada pengurusan MAS. Memang sewajarnya baik Munirnya, baik si Jalanya, halau daripada pentadbiran MAS. Dia telah mencekik, menghirup darah rakyat. Dia telah menipu kerajaan dan juga rakyat. Rakyat sebenarnya amat tertekan dengan harga yang berlipat ganda...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini soalan saya tujukan kepada Kinabatangan Tuan Pengerusi. Ini rintihan apa yang dibawa oleh Kinabatangan dirasai oleh seluruh rakyat yang menggunakan penerbangan ini. MAS ini namanya saja cantik Tuan Pengerusi. MAS, tetapi isi yang mentadbirkan MAS ini amat mengecewakan rakyat Tuan Pengerusi. Rakyat tidak boleh tahan, tidak boleh terima dan kesannya kepada kerajaan.

Saya amat bimbang Tuan Pengerusi, kebaikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, segala ketelusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh agensi-agensi GLC seperti inilah yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: GLC-GLC seperti inilah yang merosakkan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukuplah..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Nama pemimpin, nama kerajaan dan sudah sewajarnya ditamatkan perkara-perkara yang menyakitkan hati rakyat ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, masa cukup!!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya, tolong Tuan Pengerusi... [*Ketawa*] Ini perkara saya sebut tadi kepentingan orang ramai. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Contoh dia, kita banyak lapangan terbang yang dinaik taraf. Canggih berbilion-bilion, macam Johor di Senai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya!!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Malam, pukul 7 sudah tidak ada penerbangan. Kota Kinabalu, dahulu jam 9.45 penerbangan terakhir. Hari ini, pukul 7.15 malam, semua lengang. Ini, pentadbiran apa ini? Ini rasa saya memang betul. Orang cakap, bukan saya cakap! Orang ramai cakap! Rakyat cakap, ini Pengerusi, ini CEO sudah gila, dia kata. Saya sampaikan! Kalau orang fikir dia sudah gila, memang saya tengok kerja dia memang kerja orang gila. Banyak lapangan terbang malam sunyi sepi. Orang Johor nak ke Kuala Lumpur waktu malam, dia kena pergi Singapura. Singapura-Kuala Lumpur.

Kementerian Pelancongan telah menyatakan, kita kerugian berbilion-bilion ringgit dalam industri pelancongan sebab orang tidak mahu datang. Pelancong tempatan tidak mahu naik kapal terbang, pelancong luar pun begitu. Kita untung sedikit dari MAS, tetapi kita rugi besar dalam industri pelancongan. Bagaimana kita hendak menarik perhatian 20 juta pengunjung menjelang 2007? Ini omong kosong. Jadi ini tidak berlaku. Saya punya cadangan, kerajaan harus mengambil perhatian dan tindakan yang lebih tegas dan serius, sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Kalau boleh, pecat mereka!... [*Disampuk*] Butiran terakhir. Ini juga kepentingan orang ramai. Di Kota Kinabalu, MAS melantik syarikat Gardenia untuk membekal bahan-bahan makanan kepada MAS. Malangnya Tuan Pengerusi, *Gardenia* ini tidak mempunyai lesen halal dan didapati dia membekal bahan-bahan yang haram iaitu ayam yang dibekal tidak dipotong mengikut cara orang Islam. Yang membekal ayam iaitu 'Everseal', Everseal pula kontrak dengan 'Daesang Farm'. Jadi 'Daesang Farm' ini pula membekal ayam yang tidak halal. Sudah berapa tahun? Orang Islam memakan makanan yang tidak halal. Dalam masa yang sama juga, *Gardenia* juga membekal makanan kepada beberapa syarikat penerbangan seperti Dragon Air dan Far Eastern dan penerbangan-penerbangan ini memang memesan makanan yang tidak halal. Jadi ini merupakan satu penganiayaan dan terdapat satu orang kakitangan MAS yang prihatin, yang *incharge Gardenia*. Beliau telah membuat lawatan ke pusat *Gardenia* ini dan telah menerima surat amaran daripada *incharge* MAS di Kuala Lumpur...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Iaitu, kalau ada lawatan-lawatan, hendaklah dimaklumkan satu minggu dia kata. Tidak boleh *spot checking*. Jadi, apa makna ini? Saya minta kerajaan kalau boleh menilai perkara ini sebab ini melibatkan orang ramai, maruah dan juga agama. Tidak boleh dipermainkan-mainkan. Kenapa lantik syarikat yang tidak ada lesen halal dan tidak berkualiti?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini melibatkan orang Melayu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ..Orang Islam. Jadi, saya mintalah Tuan Pengerusi, Menteri panggil mereka yang telah melantik *Gardenia* ini dan buang kontrak mereka. Tidak perlu diteruskan lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

11.54 pagi

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Butiran 050000 - Pengangkutan Udara. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa kenaikan harga MAS itu memang keterlaluan. Dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur, penerbangan harian, setiap hari itu, hanya pada 7 pagi dan juga 6.40 petang. Yang lain itu, tidak ada. Yang lain itu, 8.45 pagi hanya pada hari tertentu kecuali Sabtu dan Ahad dan pada 12 tengah hari, hanya pada hari tertentu kecuali hari Isnin dan malam, 8.40 petang, hanya pada hari Khamis sahaja. Dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru juga, penerbangan harian hanya terdapat pada 9 petang sahaja. Yang lain, sebelah pagi, 7.25 pagi hanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata 9.00 petang, tiap-tiap hari?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, ya, 9 'petang' tiap-tiap hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Daripada?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Malam, 9 malam!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Johor Bahru ke Kuala Lumpur?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, Kuala Lumpur ke Johor.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Saya yang dapat tiap-tiap hari sahaja. Yang lain tak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Johor Bahru ke Kuala Lumpur, tak adalah?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang lain, selang-selang. Kadang-kadang ada, kadang-kadang tak ada. Jadi, memandangkan di sini kawasan pembangunan Iskandar sedang pesat dibangunkan dalam beberapa tahun ini, saya minta Menteri Pengangkutan meninjau semula keperluan penerbangan MAS di antara Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Ini adalah amat penting kalau kita hendak melihat kejayaan pembangunan kawasan Iskandar di Johor itu yang sudah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini satu.

Butiran kedua, ialah 020300 - Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan dan juga Butiran 06000 - Pembaikan dan Pembinaan Jeti Jabatan Laut Semenanjung. Jadi peruntukan bagi tahun 2006 hingga 2010, ialah RM294 juta. Jadi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang permintaan rakyat di kawasan Tebrau untuk membaik pulih jeti Kong Kong di Kampung Kong Kong di kawasan Tebrau. Jeti Kong Kong ini sudah uzur dan setengah tiang jeti ini sudah runtuh. Jadi, memandangkan jeti ini digunakan oleh penduduk-penduduk di Tanjung Surat, Tanjung Buai, Sungai Papan dan Belungkol di persekitaran Kampung Kong Kong itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang jumlahnya lebih kurang 5,000 orang penduduk dan setiap hari lebih 100 menggunakan jeti untuk mencari nafkah hidup mereka. Jeti-jeti ini sudah mulai retak dan membahayakan penggunaannya. Saya sudah pun menghantar gambar-gambar yang menunjukkan kerosakan struktur jeti ini pada awal tahun ini. Saya mintalah menteri mengambil tindakan segera, secepat mungkin untuk membaik pulih jeti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Akhir sekali, saya juga ingin mengemukakan permintaan penduduk-penduduk Orang Asli di kawasan Tebrau semoga Yang Berhormat Menteri memberi peruntukan untuk membina sebuah jeti sederhana bagi 20 keluarga nelayan Orang Asli di Kampung Pasir Salam kawasan Tebrau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu di bawah Kementerian Pengangkutan atau kementerian yang lain?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Pengangkutan, Pengangkutan. Oleh sebab Kampung Pasir Salam ini terpencil dan tiada perhubungan jalan tar dengan kawasan bandar, jadi Orang Asli di Kampung Pasir Salam sangat memerlukan satu jeti sederhana untuk memudahkan pengangkutan hasil tangkapan nelayan setiap hari dan anak-anak mereka yang pergi ke sekolah melalui laut, khususnya apabila air surut mereka terpaksa mendukung anak-anaknya ke sampan yang tidak dapat menghampiri pantai bila air surut...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran.

11.59 pagi

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada perkara 050000 - Pengangkutan Udara. Saya mohon pada lawatan menteri yang akan datang ke Kota Kinabalu, untuk melihat keadaan *ticketing office* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Kerana saya melihat MAS tidak prihatin terhadap kesukaran masyarakat untuk membeli tiket di pejabat tiket MAS di Lapangan Terbang Kota Kinabalu.

Puncanya adalah disebabkan MAS menutup *Ticketing Office* nya di Bangunan *Karamuning Complex* dan tidak bersedia pula untuk mengadakan kemudahan *ticketing* di Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Tuan Pengerusi di Lapangan Terbang Kota Kinabalu dia cuma ada lima kaunter tiket, ada lima orang pegawai pada setiap masa mengendali *Ticketing Office*...

Seorang Ahli: Tiga sahaja.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tiga, kadang-kadang kurang daripada lima. *You looked at*, tengok lihat keadaan *passenger* yang berbaris untuk membeli tiket setiap hari. MAS tidak bersedia untuk mengadakan kemudahan yang baik di lapangan terbang sebelum menutup Pejabat Tiket, *Ticketing Office* di Bangunan Kompleks Karamuning dan ini menyusahkan orang ramai. *Line* yang panjang, pembeli yang begitu panjang, sistem *aircondnya* yang tidak baik dan langsung tidak diendahkan oleh MAS. Saya minta agar Menteri masuk Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan melihat keadaan ini dan mengambil tindakan yang perlu. Tidak ada kaunter untuk *business*, tidak ada kaunter untuk *enrich gold*, tutuplah *enrich gold* Sabah tidak pakai *enrich gold*, *Enrich Card* tidak guna Tuan Pengerusi, tidak digunakan tidak ada kaunter untuk itu, tidak ada. So minta tolong Menteri untuk melihat keadaan ini....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya dengar Tuan Pengerusi dia kata ada *passenger* duduk di lantai. Itu masuk dalam ucapan saya memang ada *passenger* duduk atas lantai menunggu giliran... [Ketawa]

Perkara sama MAS harap agar diambil tindakan segera kerana kita juga membayar harga yang sama, harga yang 100% dan naik sama macam juga lapangan terbang-lapangan terbang lain tetapi di Lapangan Terbang Kota Kinabalu kemudahannya teruk dan tidak diambil endah oleh MAS. Begitu juga Tuan Pengerusi saya ingin minta penjelasan adakah kementerian ini puas hati dengan indeks tanggungjawab sosial yang dibuat oleh MAS. Tambang murah untuk warga tua dan juga tambang murah untuk OKU iaitu orang kurang upaya. MAS tidak endah dia bagi tambang murah Tuan Pengerusi tetapi ada syarat lapan hari untuk satu penerbangan efektif. Mengapa ada syarat lapan hari?

Mengapa MAS tidak bagi OKU bagilah terus *if they want to fly* hari ini bagilah terus. Kalau orang tua yang warga tua hendak terbang hari ini bagilah hari ini kenapa mesti *booked* lapan hari, kenapa ada syarat? Adakah Kementerian sedar ini, adakah Kementerian melihat dari sudut indeks ini tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh MAS, adakah Menteri tidak melihat ini Tuan Pengerusi?

Kalau hendak bagi tambang murah bagi tambah murah. Jangan ada syarat-syarat. Apa bezanya terbang hari ini dengan terbang lapan hari kemudian? Bagi MAS kalau hari ini ada 20 orang warga tua, 20 orang OKU hendak terbang lapan hari kemudian adakah ini akan mengganggu akan merugikan MAS jika mereka juga 20 orang terbang hari ini. Saya tidak nampak dia akan memberi kekurangan keuntungan bagi MAS tetapi kalau MAS ikhlas hendak bagi tambang murah kepada dua kategori penumpang ini OKU dengan warga tua, MAS tidak perlu letakkan syarat lapan hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya. Satu perkara lagi Tuan Pengerusi 060800 JPJ Sabah. Saya mohon agar Kementerian melihat *runner-runner* yang berurusan dengan JPJ di semua Pejabat JPJ di Sabah terutama Pejabat JPJ di Kota Kinabalu. Saya lihat bahawa pegawai JPJ ini lebih suka berurusan dengan *runner* daripada orang ramai yang berurusan sendiri untuk membaharui lesen kenderaan dan juga *road tax*. *You go* pergi JPJ Kota Kinabalu. Saya membaharui lesen baru-baru ini satu *runner* itu bukan satu lesen dibawa untuk dibaharui, lebih 10 lebih 20. Tuan Pengerusi, *if you happen to queue in the line behind a runner*, di belakang *runner* ini, rambut gugur menunggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekejap boleh gugur rambut.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Sekejap boleh gugur. Panas hati Tuan Pengerusi. Saya sampai kepada pegawai dia kata, "Eh takkan tidak berurusan dengan *runner*." Dia lebih suka kita berurusan dengan *runner*, mereka lebih suka untuk mengambil pembaharuan lesen ini daripada *runner* daripada kita. Saya tidak tahu Tuan Pengerusi, saya minta Menteri *check* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup, cukup, cukup.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kalau Menteri tidak dapat pergi pun hantulah pegawai-pegawai yang senior pergi *check*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik baik. Ipoh Timor sila.

12.05 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, Butiran 050000. Yang pertama adalah Yang Berhormat Menteri yang baru-baru ini dapat gelaran bahawa Menteri Pengangkutan yang terbaik sekali tetapi nampaknya adalah pun *the great chip robbery*. Ada satu sistem pengangkutan di mana apabila berlaku peristiwa-peristiwa ini yang tidak akan memberi nama yang baik kepada negara kita. Sepatutnya sistem pengangkutan udara dalam butiran-butiran di sini patutlah menjadi sebab faktor untuk menarik pelabur-pelabur tetapi inilah tidak berlaku. Dan sebab itu ini perlulah diambil perhatian yang serius khasnya kita tengok apa yang dalam *the great chip robbery* apa yang dalam *New Straits Times*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah dibaca oleh Bukit Mertajam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak dia tidak baca, dia tidak baca.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah rujuk perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini secara langsung berkaitan dengan iklim pelaburan *but the shabbiest circumstances of the country's biggest larceny make it a merely costly embarrassment, Malaysian attraction to foreign investors has been in infrastructure the nifty roots, port and industrial location that clean in the eyes of the exporters without the same logistics however this competitive advantages in the country is drawn as investment destination for high value manufacturing will suffer*.

Tidak ada bererti langsung. Sekarang kita tengok bahawa dalam surat khabar *for those association* MAS sekarang tuduh menuduh siapa yang bertanggungjawab tetapi kepada iklim pelaburan inilah tidak akan membantu. Dan sebab itu kita harap bahawa Yang Berhormat Menteri nanti datang untuk memberi penjelasan kenapa kerap kali ini berlaku. Dalam tahun 2005 ada kargo *containing Samsung LCD screens* RM4 juta - Oktober yang perompak KLIA berlaku adalah Nokia *handphone* RM130,000 yang berlaku rompak. Dan baru-baru ini Nokia *handphone* yang bernilai RM1.6 juta.

Saya bangkit hal ini oleh kerana ini sangat mustahak dan dalam masa menggulung dasar Bajet 2007 Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa mengenai isu yang saya ada bangkit ialah MAS MSS *Golden Handshake* di mana adalah orang yang dapat dekat RM700,000 untuk MSS MAS. Dan antara berapa orang itu dapat *Golden Handshake* 23 orang yang dapat *Golden Handshake* antara RM600,000 ke RM700,000 bahawa perkara ini dia akan beri jawab kalau ini dibangkit dalam peringkat *committee*. Sekarang saya bangkit dalam peringkat *committee* dan saya harap dia akan datang selepas mesyuarat Kabinet untuk jawab. Tunjuk beliau boleh layak dengan gelaran *The Best Transport Minister*. Dan tadi kita selalu dengar *complaint* mengenai Ahli-Ahli Parlimen khususnya Sabah Sarawak mengenai perkhidmatan MAS baru-baru ini.

Baru-baru ini saya dan Yang Berhormat Seputeh di Tawau dan mereka rungutan kenapa MAS tidak boleh dengan serta-merta untuk memulihkan perkhidmatan penerbangan *direct flight* KL-Tawau dan semua tempat di Sabah Sarawak. Masalah ini ialah *rationalization* perkhidmatan MAS sudah berlaku berapa lama? Lebih tiga bulan kenapa kita mahu selalu bermesyuarat di sini bangkit perkara ini. Kenapa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang terbaik sekali tidak berminat? Kenapa tidak berminat ambil tindakan untuk selesai isu ini kita patut menyalahkan MAS tetapi kenapa, *why is the minister* untuk menyelesaikan masalah ini. Dan dalam mesyuarat dahulu mengenai memulihkan perkhidmatan penerbangan ke Ipoh AirAsia. Yang Berhormat Menteri akan ambil tindakan supaya perkara ini boleh diselesai. Saya harap nanti Yang Berhormat Menteri pun boleh memberi penjelasan kedudukan sekarang mengenai penggunaan Ipoh *Airport* supaya *air service* boleh dipulihkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Dan sebab itu akhirnya saya harap bahawa semua ini dijawab khasnya mengenai MAS MSS kenapa dekat RM500 juta dibelanja secara di mana segelintir orang sahaja dapat nikmat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu.

12.10 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan tentang Butiran 060000 - Pengangkutan Darat. Di mana saya telah menyebut di dalam perbahasan ketika di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tentang usia-usia bas yang disyaratkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan supaya ianya mestilah berumur sekurang-kurangnya lima tahun bagi mengangkut anak-anak sekolah.

Dan saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bagi Jasin ketika itu supaya keselamatan adalah menjadi faktor utama untuk bagi memperbaiki kecekapan dan keberkesanan sistem lalu lintas awam termasuk mengangkut anak-anak sekolah ini. Jadi saya pohon kepada Kementerian Pengangkutan supaya melihat perkara ini, apabila kos yang untuk membeli sebuah bas sama ada *secondhand* ataupun baru adalah begitu tinggi harganya tetapi kita tahu bahawa hari ini negara China telah menyediakan bas-bas 40 tempat duduk ini dalam nilai yang begitu murah. Kalau dibeli tanpa cukai, ia mungkin boleh jatuh hingga ke RM150,000 sebuah bas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bas siapa yang bertanggungjawab? Kementerian mana?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita boleh letak di bawah Kementerian Pengangkutan kerana boleh memberikan *recommendation* untuk tanpa cukai pembelian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini Pengangkutan Darat – 060000, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ha, betulkah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Eh, betul. Apa tak betul pula?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You* sudah silaplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak ada. Saya kaitkan dengan apa yang saya bangkitkan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sekarang kita bawa ke pengangkutan darat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah. Cukuplah, cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Supaya pihak kementerian boleh memberikan sokongan cukai-cukai atau duti-duti untuk membawa masuk kenderaan ini untuk memperbaiki sistem pengangkutan kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat bagi Hulu Langat boleh jawablah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat bawah kementerian lain. Saya minta kementerian. Tuan Pengerusi, cerita dia ialah koordinasi di antara kementerian-kementerian. Ini yang saya katakan ada *collective responsibility* di antara kementerian. Kementerian Pengangkutan beri cadangan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi boleh kuatkan lagi, barulah dapat *Best Transport Minister* tadi itu. Jadi Tuan Pengerusi, itu yang pertama saya minta supaya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Seputeh, dia bagi saya sekejap sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekejap sahaja. Saya nak tanya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak apalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah minta dia gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, tengok sekarang...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya nak gulung ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Bas bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak, saya bercakap tentang pengangkutan darat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Bererti bukan di bawahnya. Adakah ini menunjukkan yang Menteri Pengangkutan kita ini sebenarnya tiada kuasa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa berikan kebenaran untuk berucap?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tak nak benarkan. Saya dah sebut tentang *collective responsibility*. Jadi saya minta Kementerian Pengangkutan pun ambil berat tentang perkara ini supaya ia dapat dirasai bersama tanggungjawabnya oleh setiap kementerian. Yang kedua Tuan Pengerusi, ialah tentang Kempen Keselamatan Jalan Raya. Dan ini juga kita menyebut tentang bagaimana setiap kementerian boleh mengadakan satu bentuk kerjasama dengan terperinci. Kempen Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Pengangkutan ada, Kementerian Kerja Raya ada dan sebagainya.

Jadi saya minta suatu mekanisme diwujudkan secara dekat dan secara terperinci memerhatikan bahawa setiap kempen ini sampai ke sasaran yang kita sasarkan supaya ia tidak menjadi tudingan jari apabila berlaku kemalangan besar di *highway*, kita panggil Kementerian Kerja Raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apabila kemalangan yang kecil-kecil, kita panggil Kementerian Pengangkutan. Jadi saya kira, kalau ada bentuk kerjasama yang begitu memerhati persamaan dan perbezaan ini, maka kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

12.14 tgh.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tajuk 080000 - Keselamatan Jalan Raya, Butiran 100700 - Pembiayaan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di Sekolah dan Butiran 060400 - Pengujian dan Pelesenan Pemandu.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa tahap kemalangan di negara kita ini semakin mencemaskan dan setiap statistik kemalangan meningkat dan kementerian akan mengeluarkan pendekatan-pendekatan baru untuk mengimbangi data kemalangan yang berlaku di negara kita. Kita tahu bahawa JPJ mempunyai penguatkuasaan undang-undang yang begitu banyak tetapi persoalannya adalah iaitu pendekatan-pendekatan ini merupakan pendekatan yang akan menyelesaikan masalah kemalangan yang berlaku di negara kita ataupun tidak.

Tuan Pengerusi, sedangkan pendidikan keselamatan jalan raya ini yang kalau kita lihat memang tidak begitu terasa dan hanya bermusim dan tidak berterusan. Oleh itu Tuan Pengerusi, sejauh manakah pembiayaan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di sekolah di seluruh negara kita dan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk setiap sekolah dan kekerapan sekolah menjalankan Kempen Keselamatan Jalan Raya. Begitu juga Tuan Pengerusi, kerajaan perlu mempertimbangkan juga mata pelajaran keselamatan jalan raya sebagai mata pelajaran di peringkat sekolah khususnya di peringkat sekolah menengah dan rendah untuk kita terapkan kepentingan keselamatan jalan raya di kalangan kanak-kanak di peringkat yang lebih awal lagi. Dan bagi mewujudkan kesedaran dan keinsafan di kalangan pemandu di negara kita, saya dapati bahawa di mana-mana pun tidak terletaknya gambar-gambar kemalangan yang ngeri dipamerkan untuk ditonton oleh rakyat di negara kita. Setidak-tidaknya ini akan menjadi satu pendidikan dan keinsafan supaya mereka memandu secara berhemah di jalan raya.

Tuan Pengerusi, kementerian juga perlu mempertimbangkan pemberian lesen kepada pemandu-pemandu motosikal memandangkan masalah 'mat rempit' yang semakin menjadi-jadi di negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Siapa sebenarnya yang bertanggungjawab terhadap isu semakin banyaknya kemalangan di jalan raya dan kematian? Pihak polis, Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun Kementerian Pengangkutan? Pada pandangan Yang Berhormatlah tetapi pada saya, sebenarnya kita harus berterima kasih kepada polis kerana polis ini sebenarnya mempunyai data dan statistik menyimpan.

Akan tetapi dari segi kempen tadi, saya sangat bersetuju bila Yang Berhormat kata bahawa sekolah harus dijadikan satu institusi yang bukan sahaja mendidik, tapi menyematkan satu budaya untuk mereka ini peka terhadap keselamatan jalan raya. Dan peruntukan bagi program bersama antara JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Pelajaran harus diperbanyakkan daripada yang diletakkan di situ RM20 juta. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat. Tanggungjawab sebenarnya adalah memang tidak kita nafikan terletak pada semua. Tak kira di mana kementerian sekalipun dan begitu juga pada kita tetapi disebabkan kerana kita lalai dan kita lupa tentang nyawa keluarga, nyawa diri sendiri dan ingin cepat sampai ke destinasi, maka berlakunya kemalangan-kemalangan ini.

Oleh itu untuk kita mengurangkan kemalangan-kemalangan ini, maka di sinilah saya kira kementerian perlu memainkan peranan untuk supaya rakyat akan sentiasa disedarkan secara berterusan dan kalau kita lihat bahawa pihak polis hanya menjalankan penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa terhad.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Okey. Hanya menjalankan penguatkuasaan tetapi tidak mempunyai unsur-unsur pendidikan. Oleh itu, kita amat mengharapkan juga iaitu pihak polis juga bukan sekadar mengenakan kompaun tetapi sebenarnya perlu mempunyai unsur pendidikan untuk menginsafkan juga rakyat tentang keselamatan di jalan raya. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya memang mengharapkanlah. Melihat kepada remaja kita hari ini dengan gaya mereka memandu dan menunggang motosikal dengan begitu laju, maka memang menjadi hasrat kita supaya golongan ini yang merupakan satu golongan yang bagi kita adalah aset negara, perlu kita lihat dan kita kaji semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Sama ada pemberian lesen untuk motosikal ini kita naikkan had umur daripada 16 kepada 21 tahun. Dengan ini saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jasin. Begitu ramai lagi. Yang Berhormat bagi Jasin, untuk makluman saya akan tutup perbahasan pada jam 1 petang, jadi saya minta Yang Berhormat bagi Jasin ringkaskan.

12.21 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, saya hendak perkara keadaan dua butiran iaitu 060000 – Pengangkutan Darat, dengan Butiran 020000 – Pengangkutan Laut.

Saya mulakan dengan darat dahulu Tuan Pengerusi. Saya pun hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah rasionalnya RIMV sebab baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa dia akan mencari kenderaan-kenderaan yang mempunyai cermin gelap di belakang.

Yang menghairankan saya itu rungutan daripada orang yang membeli kereta ini. Dahulu RIMV telah membenarkan mereka membeli kereta-kereta MPV, Harrier dan sebagainya yang mempunyai cermin gelap di belakang dan RIMV juga telah mendaftarkan kenderaan ini. Dan baru-baru ini telah keluar kenyataan mengatakan bahawa dia hendak pergi periksa pula kenderaan yang bercermin gelap ini. Yang engkau sudah daftar, lepas itu engkau hendak periksakan, membebaskan rakyat Tuan Pengerusi. Membebaskan rakyat. Memarahkan rakyat.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya hendak pergi ke Butiran 02000 - Pengangkutan Laut. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang mana di bawah Butiran 036000, kerja-kerja pengerukan kuala-kuala sungai kecil di pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia melibatkan belanja RM38 juta. Saya hendak minta tanya kepada Yang Berhormat Menteri, ini Pelabuhan Kuala Linggi ini yang saya terbabit saya punya kepentingan, termasuk atau tidak dalam pelabuhan-pelabuhan ini kerana pada hari ini Tuan Pengerusi, banyak di antara bot-bot tersekat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Ini apa cerita ini Yang Berhormat bagi Jasin ini. Boleh cerita tentang butiran laut ini? Dua tiga hari ini surat khabar cerita yang lain pula, jadi saya agak kalau Yang Berhormat bagi Jasin terangkan macam mana, apa biji butir cerita dia ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bangkit bawah mana satu butiran?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bertanya pasal Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan tentang laut, saya ceritalah ini masalah berkaitan dengan laut yang dia, dua tiga hari surat khabar ini Tuan Pengerusi. Itu yang saya hendak talah, kalau bolehlah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang ini Yang Berhormat bagi Sri Gading minta penjelasan. Yang ini saya tidak *report* polis. Apa yang berlaku hari itu, saya minta penjelasan kepada maritim. Dia pula *report* polis. Penjelasan Tuan Pengerusi kerana kita tengok akhir-akhir ini, pelabuhan ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri seolah-olah Jabatan Laut tidak ada peranan.

Kalau dahulu Tuan Pengerusi, saya berniaga pelabuhan lama, kalau dahulu yang berkuasa di pelabuhan ini Datuk Shahbandar daripada zaman sejarah dahulu tetapi pada hari ini Jabatan Laut seolah-olah tidak ada peranan sehinggakan saya hendak tahu sahaja daripada Kementerian, macam *Port Clearance Certificate*, PCC ini sepatutnya mana negara pun yang kita pergi, yang berkuasa tentang keluar masuk kapal ini dan memberi izin untuk kapal belayar adalah Jabatan Laut atau Shahbandar tetapi di Melaka ialah Kastam.

Kastam pula mengeluarkan sijil *Port Clearance*, saya pun tak tahu. Mestilah Shahbandar ini. Ini yang dekat Melaka, maritim pun sudah ukur kayu. Ini yang saya apa yang berlaku hari itu maritim pergi ukur kayu, dia bukan pakar kayu. Dia pula mengukur kayu dan menghalau bot dari masuk ke pelabuhan. Pelabuhan Melaka dan Pelabuhan Kuala Linggi ini Tuan Pengerusi, RM45 juta kerajaan membelanjakan. Kalau bot hendak masuk dihalau, bot masuk dihalau...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Apa guna ini pelabuhan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung ya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Apa guna ini pelabuhan? Itu yang saya minta *clarification* daripada maritim. Wah! Dia pun laporkan kepada polis, macam-macam hendak siasat, saya tak kisah Tuan Pengerusi. Saya sudah *go through* ini semua. Yang penting bagi kita supaya wang kerajaan RM45 juta yang dibina pelabuhan ini jangan jadi 'gajah putih'. Kalau pelabuhan untuk bot datang dan yang berkuasa di pelabuhan ialah Shahbandar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, ini penjelasan sama dia *corrupt* atau tidak *corrupt* ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Siasat oleh ACA. Bolehkah kita percaya apa semua ini? Apabila angka kerajaan pun boleh percaya, apakah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat boleh dibenarkan. Tak tahulah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ipoh Timor!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti kita boleh panggil menteri yang bertanggungjawab, maritim yang berautoriti datang memberi pandangan atau pendirian.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Anytime*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Corrupt* atau tak *courpt* kita pun mahu tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malu kepada parlimen.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini bukan soal *corrupt*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tak *corrupt*, soal apa? Yang Berhormat bagi Sri Gading kata selalu ada dalam surat khabar, MP disiasat, ACA, itu pun malulah. Ah, malu!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini bukan malu Tuan Pengerusi. Saya hendak beritahu. Setiausaha DAP pernah jumpa *traders* ini. *Traders* ini tolak, itu sebab DAP malu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab apa itu? *Corrupt* tak *corrupt*, masalah bukan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *What is? Yes.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *One eye jack, corrupt* tak *corrupt*, itu masalah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu *you* tengok surat khabar. Surat khabar *New Straits Times* bukan boleh pakai.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bersorak*]

Seorang Ahli: Surat khabar lama.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Surat khabar lama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *New Straits Times* tidak pakai? *Straits Time* boleh! *Straits Times* boleh! *Straits Times* boleh!... [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak boleh! Tak boleh! Tak boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: UMNO pun tak boleh pakai. UMNO pun tak boleh pakai.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: UMNO tak boleh pakai.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun*][*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini dia hendak melakukan surat khabar. Saya minta Tuan Pengerusi, saya mintalah ini surat khabar jangan dirujuk sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Ini terkeluar, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hah! Ini saya balik kepada cerita ini Tuan Pengerusi. Saya hendak minta kepada kementerian supaya 02000...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Minta soalan, boleh?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hendak soal pula saya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat membezakan di antara Jabatan Laut dengan Maritim, yang mana yang bergaduh dengan Yang Berhormat di Melaka itu.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak bergaduh Tuan Pengerusi. Saya tidak bergaduh dengan mana-mana! Saya datang dengan hormat ke pejabat dia. Saya hendak bertanya. Lepas itu saya tinggalkan kad saya. Minta dia telefon saya. Bukan soal Jabatan Laut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya hendak tanya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, itu soalan. Adakah itu soalan dia?

Datuk Douglas Uggah Embas: Adakah ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampak, dia pun tak faham soalan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Jabatan Lautkah, ada perbezaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bukan Jabatan Laut, Maritim, Maritim.

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu saya hendak tahu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hah!

Datuk Douglas Uggah Embas: Kerana mungkin ada Yang Berhormat tidak faham antara bezanya antara ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak, tidak, tidak, saya lebih faham.

Datuk Douglas Uggah Embas: Dekat yang lain tak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, macam mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Maritim, Maritim, di bawah kementerian inikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Saya boleh dengar tiga orang cakap sekali.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak, bukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak minta Jabatan Laut, saya hendak minta Jabatan Laut supaya *vacant* tempat kapal-kapal hendak lalu itu. Kita bagi peruntukan banyak, jangan letak dekat Pelabuhan Klang sahaja tetapi pelabuhan-pelabuhan yang lain juga perlu, penanda-penanda arah supaya memudahkan kapal masuk di pelabuhan-pelabuhan. Ini sekarang ini banyak ditimpa ke Pelabuhan Klang sahaja tetapi pelabuhan-pelabuhan lain, apa hal? Saya minta supaya kementerian melihat balik soal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

12.27 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun bercakap dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat.

Merujuk terus kepada satu butiran iaitu Butiran 100500 – Kempen Keselamatan Jalan Raya. Data menunjukkan dalam Ops Sikap, dalam masa 15 hari, lebih 15,000 kemalangan jalan raya berlaku. Maknanya dalam satu hari lebih seribu kemalangan berlaku. Ini dalam Ops Sikap. Kemungkinan, saya ingin tahu daripada Kementerian Pengangkutan khususnya. Bagi saya yang bertanggungjawab sebenarnya tentang keselamatan jalan raya dan data sebenarnya ialah Jabatan Pengangkutan, bukannya pihak polis. Pihak polis hanya membantu sahaja. Kita harus berterima kasih kepada mereka.

Oleh kerana itu, Sabak Bernam melihat bahawa kementerian ini macam kehabisan idea ataupun cara untuk mengatasi ataupun mengurangkan masalah keselamatan jalan raya. Oleh kerana itu, dalam peruntukan yang diberikan untuk jalan raya itu lancar, cekap, selamat maka Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya Kempen Keselamatan Jalan Raya itu dinilai semula selain daripada yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tadi supaya dalam kurikulum pendidikan ataupun pelajaran dimasukkan secara strategi supaya anak-anak kita daripada peringkat sekolah menekankan tentang keselamatan jalan raya, kita juga menekankan supaya kempen menggunakan *billboard* itu dengan izin, supaya diberi nilai tambah.

Sabak Bernam pernah menyarankan supaya bukan diletakkan di situ setakat "Berhati-hati Di Jalan Raya", itu tidak memadai bagi Sabak Bernam. Itu separuh sahaja. Sepatutnya, "Berhati-hati dan Bertimbang Rasa di Jalan Raya". Unsur tidak bertimbang rasa ini sebenarnya menimbulkan banyak kemarahan pengguna jalan raya.

Saya telah menyatakan kalau saya hampir daripada Lembah Klang ke Sabak Bernam kira-kira 200 kilometer, sepuluh kali pergi dan balik, kita dapati sepatutnya kita memotong dengan jalan raya *dual carriage* itu yang begitu baik dengan izin, pengguna jalan raya itu begitu berhati-hati, dia tetap menggunakan jalan di sebelah kanan menyebabkan yang hendak memotong terpaksa menggunakan jalan sebelah kiri atau memotong *double line*, dengan izin.

Jadi, ini bila sudah empat, lima kali perkara ini berlaku, maka perasaan pengguna jalan raya itu sudah pasti akan membara dan ini boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya. Sabak Bernam hampir pasti mengenai perkara ini.

Perkara yang kedua, Sabak Bernam ingin menyarankan supaya koordinasi ataupun kerjasama antara Kementerian ini dipertingkatkan. Umpamanya, selain daripada pihak polis ialah dengan pihak AADK, kita dapati di sepanjang Ops Sikap itu ramai yang telah dikesan memandu dalam pengaruh najis dadah. Ini juga menjadi penyebab kemalangan jalan raya itu berlaku. Oleh kerana itu sekali lagi Sabak Bernam sangat berharap supaya kempen ini harus berterusan bukan pada musim-musim tertentu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

12.31 tgh.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Satu butiran sahaja iaitu Pengangkutan Udara Sabah - 09900. Semalam kita telah bincang mengenai pembangunan Lapangan Terbang Labuan dan juga Kota Kinabalu yang mana Yang Berhormat bagi Sandakan telah pun menyatakan bahawa Sandakan juga perlu dibangunkan.

Di Sabah terdapat beberapa buah lapangan terbang yang perlu dipertingkatkan lagi - dinaikkan taraf disebabkan apabila kita bercakap berkenaan dengan Cuti-cuti Malaysia atau *Visit Malaysia 2007* ini, saya rasa ramai pelancong yang memerlukan penerbangan yang boleh mengangkut mereka dengan cepat dan selepas itu balik ke pusat umpamanya Kota Kinabalu ke Ranau ataupun Kota Kinabalu ke Kudat ataupun Kota Kinabalu ke Keningau dan sebagainya. Kesemua lapangan terbang yang ada sekarang ini saya rasa perlu dinaiktarafkan lagi supaya penggunaan lapangan terbang ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Lebih-lebih lagi pada ketika ini dengan pertumbuhan ekonomi kita yang begitu pesat sekali ramai pengusaha dan peniaga yang memerlukan perkhidmatan ini dengan cepat.

Oleh yang demikian saya dengan ini meminta supaya lapangan-lapangan terbang yang kecil ini yang boleh memuatkan kapal terbang jenis *Twin Otter*, *Cessna* atau *Fokker Friendship* ini dapat digunakan. Sekarang ini kita lihat banyak perkhidmatan kapal terbang yang terbuntu dan sebagainya, umpamanya di Sarawak ramai orang terkandas disebabkan tidak cukup penerbangan. Saya rasa ini yang perlu kita lihat secara makro, mikro dan pada keseluruhannya.

Oleh yang demikian, saya mintalah supaya lapangan terbang di pedalaman, khususnya di Keningau ini perlu dipertingkatkan lagi. Saya rasa ini adalah satu logistik yang perlu kita gunakan kerana ini selalunya digunakan oleh Tentera Udara Malaysia di bahagian Keningau tetapi nampaknya tidak ada seorang pun yang melihat untuk membangunkan lapangan terbang ini. Saya kurang pasti sama ada Jabatan Pengangkutan di Sabah khususnya *Civil Aviation* ini yang dapat melihat ini sebagai satu perniagaan ataupun satu tumpuan strategik, bukan sahaja untuk pengusaha tetapi juga bagi tentera-tentera kita apabila kita menghadapi masalah pada masa-masa yang akan datang. Jadi saya mintalah kepada Kementerian untuk memberi perhatian terhadap masalah yang kita hadapi ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tenom.

12.35 tgh.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jangan bising.

Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu Butiran 01400 berkenaan dengan Projek Pembaikan Kereta Api Negeri Sabah. Kita tahu bahawa perkhidmatan kereta api di negeri Sabah adalah merupakan satu produk pelancongan yang penting. Apabila kita lihat pada tahun 2004 seramai 1.2 juta orang datang ke Sabah dengan perolehan sebanyak RM1.4 bilion dan dijangka pada tahun 2006 ini sekurang-kurangnya daripada 1.6 juta orang pelawat datang ke negeri Sabah dengan perolehan lebih kurang RM2 bilion.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menyediakan peruntukan untuk membaiki perkhidmatan kereta api negeri Sabah. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah projek ini dapat disiapkan dan saya berharap terdapat beberapa perubahan seperti mana yang telah dikatakan oleh Pengurus KTMB yang melaksanakan projek ini supaya perkhidmatan kereta api ini dapat dipertingkatkan dan adalah menjadi harapan yang besar juga kepada penduduk-penduduk yang terlibat seperti mana di kawasan saya, di kawasan Kampung Rayu dan Kampung Pangi yang masih lagi menggunakan perkhidmatan kereta api sebagai pengangkutan utama mereka.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apabila kerja-kerja penyelenggaraan ataupun pembaikan ini dijalankan, bagaimana dengan masalah orang-orang kampung yang tinggal di tepi-tepi landasan kereta api ini. Adakah mereka diberi pampasan atau pun penyediaan tempat baru ataupun bagaimana mana? Kita harap pihak kementerian ini dapat membantu penduduk-penduduk kampung yang terlibat itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tenom. Kereta api ini dari kawasan saya pergi ke kawasan Tenom. Jadi kita harus bertanya-tanyalah mengenai masalah pelaksanaan projek ini. Saya minta sedikit pendapat daripada Yang Berhormat, setakat ini kita sudah dimaklumkan bahawa kontrak ini sudah diberikan. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kontraktor yang dilantik ini belum membuat apa-apa lagi ke atas landasan kereta api ini? Saya tidak tahulah kalau di kawasan Yang Berhormat sudah ada tanda-tanda yang kontraktor ini sudah menjalankan projek ini.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Sebab itulah saya mengemukakan masalah ini di Dewan yang mulia ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mereka juga ada membuat kerja-kerja seperti mana di tempat saya stesenya sedang dalam pembinaan sekarang ini. Jadi, saya harap perkara ini dapat diberi perhatian dan berharap perkhidmatan kereta api di negeri Sabah ini bukan sahaja sebagai produk pelancongan tetapi dapat membantu kawasan-kawasan kampung yang telah saya katakan tadi yang masih lagi menggunakan perkhidmatan supaya mereka dapat menikmati pengangkutan yang terbaik. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

12.37 tgh.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, ulang sekali lagi. Yang Berhormat tidak payah berucap lagi nanti.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Di bawah Butiran 13000 iaitu Pembinaan dan Naik Taraf Lapangan Udara di Semenanjung.

Tuan Pengerusi, Lapangan Terbang Pengkalan Chepa telah diserahkan atau telah pun diberi milik kepada Lembaga Penerbangan ini lebih kurang lima tahun dahulu. *Runway* ataupun landasan ini belum cukup panjang. Peruntukan hanya lebih kurang RM80 juta sahaja. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah ada rancangan ini tetapi belum dilaksanakan. Jadi, saya hendak bertanya kementerian, bilakah projek memanjangkan lapangan terbang di Kota Bharu ini dapat dibuat? Adakah peruntukan ini disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan?

Kalau ada berapa dan bila hendak dilaksanakan, sedangkan kerajaan negeri telah serahkan lebih daripada lima tahun dahulu.

Kedua, penerbangan MAS dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur bagi kelas ekonomi telah dinaikkan tambangnya kepada RM240 daripada RM169 dan kelas *business* daripada RM225 naik kepada RM360, tetapi *golden lounge* bagi kelas *business* tidak ada, servisnya sangat sedih, dilayan di lapangan terbang ini seperti kelas ekonomi! Tidak bolehkah MAS dengan menaikkan tambang yang begitu tinggi dilayan kelas *business* ini sebagaimana di lapangan terbang lain, adalah bilik *golden lounge* bagi penumpang-penumpang kelas *business*.

Yang ketiga, kelas ekonomi, servisnya sangat sedih..., lebih daripada tambang yang belum naik. Kalau dulu tambang di kelas ekonomi ini RM169 tetapi servisnya, dengan kuihnya, dengan minumannya lebih banyak. Sekarang ini, kacang satu dan jus oren atau milo satu, lebih teruk daripada dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Patut kena ayam gorenglah...
[Ketawa]

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Sepatutnya Tuan Pengerusi, MAS ini mempunyai fikiran sikit, sudahlah dia naikkan tambang begitu biarlah servis itu padan dengan tambangnya sedikit. Saya harap kementerian ambil perhatian ini. *Backbenchers* semua kita daripada Kelantan sama ada BN atau tidak BN merungut perkara ini, yang kedua.

Yang ketiganya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Satu sahaja. Saya mohon, bolehkah MAS menimbangkan untuk memberi kepada kelas ekonomi ataupun kelas *business* di luar negara ini, potongan 25% setahun sekali. Ahli Parlimen ini berilah keistimewaan sedikit. Bukan domestik sahaja tetapi sepatutnya di luar negara pun bagi sekali setahun untuk dua - sepasang, suami isteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat hendak buat catatan, pentadbiran lagi mahal... [Ketawa]

Dato' Haji A. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Kita kena bayar 75% tetapi 25% dipotong bukan sahaja domestik tetapi di luar negara juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sudah tunggu lama. Sila.

12.41 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini mengenai KTM. Tuan Pengerusi, sistem KTM nampaknya sangat diragui oleh pihak-pihak yang menggunakannya. Hingga sekarang di antara Rawang dan Ipoh, servisnya telah sangat kurang. Dan, apakah terjadi kepada projek-projek KTM di antara Rawang ke utara dan bilakah ia akan disiapkan?

Jangan kita lupa pada masa 50-an, 60-an dan 70-an, lebih daripada 35% pihak-pihak yang mengguna jalan raya, udara, atau laut selalu menggunakan KTM tetapi sekarang bukan lagi menjadi sistem penggunaan yang utama. Dan, apakah terjadi supaya lebih ramai masyarakat dapat digalakkan menggunakan KTM, supaya ia menjadi sistem *affordable*, *reliable* dan efisien.

Mengenai pembinaan projek KTM di antara Rawang dan Ipoh, adakah semua ubahsuai dan pengambilan tanah telah habis diambil? Dan, juga setinggan-setinggan yang duduk di antara Sungkai ke Ipoh, adakah mereka telah diberi pampasan? Berapakah setinggan-setinggan yang telah dikenal pasti di antara Batu Gajah, Ipoh dan Rifle Range di Ipoh?

Tiga tahun dahulu orang-orang yang tinggal, setinggan-setinggan yang duduk di Rifle Range, di mana mereka telah menghuni lebih daripada 60 tahun telah diusir keluar dan rumah telah dirobohkan. Sehingga hari ini, mereka tidak dibayar apa-apa pampasan walaupun KTM telah menjanjikannya. Apakah keadaan mengenai perkara itu?

Dan, juga orang-orang yang tinggal di merata tempat Rifle Range, di mana mereka telah diberi pampasan sebanyak RM250 sebulan, tetapi sebagai ganti rugi sewa dan menjanjikan rumah pangsa akan dibina tetapi hingga hari ini belum dibuat.

Yang akhir sekali ialah mengenai landasan kereta api di Ipoh, di mana kerajaan negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan bahawa Air Asia patut digalakkan mengadakan penerbangan di antara Ipoh dan Senai, tetapi mereka tidak dapat menggunakan DC10 di Ipoh. Apakah ini benar? Apakah pendirian kerajaan supaya lebih *aircrafts* dapat menggunakan landasan di Ipoh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

12.44 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin menyentuh Butiran 07000 – Kereta Api. Terengganu adalah di antara negeri-negeri yang tidak ada sebarang laluan kereta api di sini. Memandangkan masa depan di negeri Terengganu, iaitu pembangunan Koridor Pantai Timur, saya ingin bertanya kepada kementerian ini apakah ada perancangan untuk memastikan Terengganu juga memiliki laluan kereta api untuk memastikan pembangunan yang lebih rancak di kawasan Koridor Pantai Timur. Yang pertama.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang pelesenan iaitu pemandu-pemandu kita yang mendapat lesen-lesen ini. Saya ingin tahu sejauh manakah lesen yang diperolehi oleh pemandu kita itu benar-benar sah dari segi kelayakan memandunya. Sebab kita lihat seperti mana yang disebut oleh rakan saya tadi, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kematian di jalan raya terutamanya semasa hari raya baru-baru ini satu peristiwa bermandi darah sering kali dan berulang kali berlaku. Saya mencadangkan di sini supaya disemak balik dari segi kurikulum untuk menawarkan pelesenan dan juga latihan yang diberikan.

Kita tahu sekarang ini kos untuk mendapat lesen semakin hari, semakin lama, semakin mahal, tetapi apakah ia berbaloi dari segi keberkesanan dapat benar-benar mengawal. Saya juga ingin mencadangkan supaya dalam kurikulum itu dimasukkan juga satu elemen yang disebut dalam bahasa Inggeris, *anger management*, supaya dapat dikawal perasaan gemuruh dan juga memberontak dalam jiwa pemandu kita ini. Barangkali boleh difikirkan bagaimanakah masuknya elemen-elemen psikologi dan kejiwaan ini kepada penerima-penerima lesen itu.

Akhir sekali yang saya hendak sebut di sini ialah dari segi penguatkuasaan. Banyak program yang telah dibuat oleh kementerian khususnya dalam keselamatan jalan raya tetapi dari segi penguatkuasaannya, pemakaian topi keledar, selain daripada itu adalah motosikal ataupun kereta yang dibaiki ataupun dibetulkan pula dari segi ekzosnya dengan serba macam lagi itu, adakah ada tindakan-tindakan pengawalan yang ketat dibuat pencegahan.

Demikian juga pemasangan cermin gelap yang sekarang ini semakin diperkatakan di dalam akhbar. Ini adalah merupakan elemen-elemen penguatkuasaan supaya dapat dicegah, supaya dapat kita memastikan kita mencapai, mengurangkan kemalangan jalan raya setaraf dengan negara maju seperti mana yang tercatat dalam program 8 – Keselamatan Jalan Raya ini. Kita hendak mencapai taraf yang tinggi seperti mana negara maju. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands baru masuk... [Disampuk] Memang baru masuk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak apa, bagi *chance* pada mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru masuk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dua minit sahaja. Dua minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak. Yang Berhormat bagi Tanjong. Dia diam-diam, bagi dia dahulu... [Ketawa]

12.46 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat tidak kata yang diam dapat... [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terserah kepada Speaker.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya lah, ya lah. Butiran 01500 – Monorel di Pulau Pinang, di mana RM10 juta diperuntukkan di bawah belanjawan tahun hadapan. Saya ingin kementerian menjelaskan apakah tujuan RM10 juta ini diperuntukkan dan sama ada kementerian akan memastikan tender terbuka akan diguna pakai di bawah projek monorel di Pulau Pinang ini. Dan, berapakah syarikat diminta oleh kementerian untuk membuat pelan pembangunan untuk projek ini.

Butiran 88000 – Projek Pelabuhan. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menangani masalah yang wujud di Tanjong City Marina, di mana selepas berpuluh juta dipakai untuk projek ini, nampaknya tidak begitu berjaya sebab masalah teknikal yang memaksa pihak bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja mengorek di tempat itu sepanjang tahun supaya kapal-kapal belayar dapat menggunakan Tanjong City Marina itu. Selepas setahun lebih beroperasi cuma menarik 300 buah kapal untuk singgah di tempat itu. Saya berharap kementerian dapat mengatasi dan menangani masalah di Tanjong City Marina.

Baru-baru ini Penang Port Sdn. Bhd. ada membuat cadangan supaya selepas kerja-kerja siap di Port Swettenham, Penang Port Sdn. Bhd. ingin bercadang untuk menggugurkan nama Port Swettenham dan diberikan satu nama yang baru. Saya rasa tindakan ini tidak wajar bahawa hakikat negara ini pernah dijajah adalah satu hakikat yang tidak dapat dielakkan. Memandangkan pelabuhan itu adalah khususnya untuk menarik pelancong-pelancong asing, kapal-kapal perairan antarabangsa tidak wajar untuk menukar semata-mata satu pelabuhan yang sudah pun dikenali dengan nama itu.

Jadi saya berharap kementerian akan mengambil satu pendirian bahawa nama sedia ada dikekalkan. Mungkin Tanjong City Marina pun satu nama yang tidak begitu sesuai sebab Tanjong memang tidak dikenali di peringkat antarabangsa tetapi Penang dikenali di peringkat antarabangsa mahupun Georgetown dikenali di peringkat antarabangsa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanjong kawasan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tanjong cuma dikenali di kawasan itu sahaja tetapi untuk kebaikan negara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat tidak hendak kawasan dikenali satu dunialah?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tidak apalah untuk kebaikan negeri dan negara saya relalah mengorbankan nama Tanjong dinamakan Tanjong City Marina, mungkin nama yang lebih baik, Penang City Marina ataupun Georgetown City Marina. Saya berharaplah kementerian dapat memberi pertimbangan terhadap apa yang saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

12.50 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Beberapa perkara bangkitkan, Butiran 060000. Bajet ini ada menyatakan bahawa kerajaan akan meningkatkan kecekapan pengangkutan awam. Saya ingin mengetahui dalam memperbaiki pengangkutan awam ini. Apakah langkah yang akan diambil atau telah dirancang untuk memastikan pengangkutan awam yang disediakan ini akan lebih sensitif dan *user friendly* dengan izin, kepada golongan OKU.

Syarikat Rapid KL akan menambahkan basnya sebanyak 1000 buah, saya hendak tahu berapa buah di antaranya yang *user friendly* kepada golongan OKU. Perkara kedua ialah Tabung Pembangunan Pengangkutan yang akan diberikan peruntukan permulaan RM200 juta, ada yang berminat untuk memohonnya. Apakah prosedurnya dan di mana mereka boleh memohon tabung yang telah ditubuhkan ini?

Usia teksi dan bas telah dihadkan, teksi tujuh tahun, bas 10 hingga 15 tahun. Jadi saya hendak tahu setakat ini... [Disampuk] Tuan Pengerusi, saya pohon boleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu boleh bagi saya dengan lancar membuat ucapan tanpa gangguan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tadi saya cakap dia orang bising.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tahulah saya hendak jawab.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi tadi saya bas cakap dia orang bising...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk. Yang Berhormat bagi Tangga Batu duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya cakap dia cakap, saya hendak cakap pun tidak boleh. Saya cakap bas dia kata kementerian lain, ini dia cakap bas boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Batu Gajah...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cakap tidak serupa bikin dia cakap boleh saya cakap tidak boleh macam mana ini Tuan Pengerusi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hanya pohon. Oleh itu, kerana masa kurang sekarang kerana masa kurang. Saya haraplah saya hendak tahu dalam dasar had usia ini, ada berapa buah bas yang telah ditetapkan di bawah dasar ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat juga berlaku kepada Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tahu, saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat juga berucap Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi saya kesuntukan masa, saya hanya pohon kerjasama.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat tadi saya cakap bas tidak boleh dia cakap bas boleh. Selalu dia buat boleh kita buat tidak boleh apa benda Tuan Pengerusi?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya haraplah saya hendak tahu dasar ini akan melibatkan berapa buah bas yang di mana had usianya telah lebih daripada sepuluh hingga 15 tahun dan teksi tujuh tahun ini. Buat masa ini ada berapa buah bas dan teksi ini yang telah lebih had usia masih berada di jalan raya.

Akhirnya perkara berkenaan AirAsia. AirAsia kita ada nampak *online booking* dan ada dikenakan *airport tax* dan *fees*. Kalau penumpang itu gagal menggunakan untuk pergi menggunakan tiket tersebut dia ada syarat menyatakan ia tidak boleh dipulangkan tetapi apa berlaku kepada *airport tax* di mana mereka tidak menggunakan perkhidmatan *airport* dan mereka ingin tahu, ini saya diminta untuk bangkitkan, ke manakah pergi *airport tax* ini dan akan digunakan untuk tujuan apa? Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bagan.

12.54 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dari mula saya berdiri dan selalunya dapat terakhir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu yang anggap.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya tunggu lagi belum terakhir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang anggapkan Bagan banyak mustahak.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Susahlah. Butiran 020000, Pengangkutan Laut semenanjung Malaysia. Pihak kementerian melalui SPPP pernah menimbang untuk melaksanakan *passenger speed boat*, dengan izin atau bot laju penumpang di antara Pulau Pinang dengan Butterworth tetapi baru-baru ini saya dapat satu jawapan dari pihak kementerian di mana oleh sebab ada pelaksanaannya jambatan kedua maka rancangan ini di tangguh tanpa had masanya. Saya ingin menanya Yang Berhormat oleh sebab *second bridge* atau jambatan kedua ini hanya akan disiapkan dalam masa lima, enam tahun.

Dalam masa lima, enam tahun ini *volume passenger* akan menambah maka masih *available* untuk melaksanakan bot laju di antara Pulau Pinang dengan Butterworth. Saya minta kementerian menimbangkan cadangan ini. Kompleks Perhentian Bas telah diruntuhkan oleh sebab kebakaran dan kami mendapat tahu dan juga akta-akta pelabuhan pun telah dipinda dalam Dewan yang mulia ini kerana maksud atau kegunaan tanah belum selesai tetapi sekarang sudah selesai.

Saya mendapati bahawa pemaju yang mengemukakan cadangan Kompleks Perhentian Bas ini mungkin akan dilucutkan haknya dan diberi kepada satu-satu kontraktor atau pemaju yang lain. Saya meminta kerajaan memberi satu penjelasan berkenaan dengan status Kompleks Perhentian Bas ini. Bilakah ia akan dilaksanakan dan sama ada perubahan pemaju betulkah dia dilakukan.

Butiran 060000, Pengangkutan Darat. Saya masih hendak merakamkan bahawa pemilihan tapak *North Butterworth Container Terminal (NBCT)* bukan satu tempat yang sesuai oleh sebab dengan perkembangan NBCT, jalan-jalan di bandar Butterworth sekarang telah disesakkan oleh *thriller-thriller* kontena siang dan malam, 24 jam. *Volume* NBCT atau *volume* kontena makin tambah makin sesak. Saya berharap kerajaan boleh memikirkan satu *solution* supaya jalan raya-jalan raya di bandar Butterworth dapat ditingkatkan.

Saya seperti Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam hendak menanya mengapa JPJ di Seberang Jaya mengutip *parking's fee*. Adakah dasar ini dikuatkuasakan di seluruh negara dan bukan sahaja di Seberang Jaya. Jikalau hendak menguatkuasakan JPJ mengutip bayaran *parking* di semua tapak-tapak *parking* maka ia perlu dilaksanakan di semua negara dan bukan di satu tempat sahaja, di Seberang Jaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dua minit.

12.58 tgh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bahas Butiran 060100, Pengurusan Pejabat di Bawah Pengangkutan Darat, tidak lama. JPJ, Jabatan Pengangkutan Jalan Raya kini di Cameron Highlands di bawah bidang kuasa Kuantan, Pahang sedangkan perjalanan ke sana adalah lima jam daripada Cameron Highlands dan ke Ipoh adalah 45 minit. Maka saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri supaya mengalihkan bidang kuasa ini ke Ipoh kerana JPJ selalu membuat *road block* di Cameron Highlands dan saman dikeluarkan sedangkan penghuni di sana ataupun warga di sana menghadapi masalah untuk bayar sehingga mereka kena pergi ke sana untuk bayar ke Kuantan lima jam. Maka saya minta supaya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah ramai?

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ramai kerana pelancong begitu ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta mereka mematuhi undang-undang lalu lintas.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ya, kadang-kadang insan ini sukar untuk tukar minda dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: So saya mohon supaya perkara ini diambil serius dan suatu tindakan dibuat untuk kepentingan penghuni-penghuni di sana. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Seputeh.

12.59 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan cepat menghabiskan ucapan ringkas saya. Sebelum saya datang saya terima aduan daripada pelatih pemandu, mereka rasa Yang Berhormat Menteri jarang mengadakan pertemuan dan dialog dengan mereka, dengan Persatuan Institut Latihan Pemandu, sehingga beliau tidak memahami masalah yang dihadapi oleh mereka. Para pengurus Institut Latihan Pemandu merasa kesal dasar JPJ yang hanya membenarkan pembaharuan lesen bagi Institut Latihan Pemandu yang mempunyai sekurang-kurangnya 100 pelajar setahun sahaja. Dasar ini merupakan satu dasar yang diskriminasi terhadap Institut Latihan Pemandu yang ber *skill* kerja.

Sehubungan dengan itu JPJ juga menggalakkan Institut Latihan Pemandu yang ber *skill* kerja untuk bercantum dengan Institut Latihan pemandu yang lebih besar. Percantuman seperti akan menyebabkan semua hartanah Institut Latihan Pemandu yang kecil itu disatukan di satukan kepada Institut Latihan Pemandu yang lebih besar dan cantuman institut seperti ini kadang-kadang sukar dijalankan kerana bukan semua pengurus Institut Latihan Pemandu yang kecil sudi berbuat demikian dan ini adalah amat tidak adil bagi pengurus Institut Latihan Pemandu yang kecil. Sehubungan dengan itu saya ingin tanya sama ada pihak kementerian akan meningkatkan pelengkapan sistem pengkomputeran JPJ.

Sistem pengkomputeran yang selalu rosak bukan sahaja menyusahkan orang yang ingin memperbaharui lesen tetapi ia juga menyusahkan pelatih pemandu yang ingin mendaftar nama pelajar yang ingin menyertai peperiksaan pemandu kereta. Selain itu apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menghapuskan rasuah yang kerap berlaku dalam pengujian pemandu baru dan juga kes gangguan seksual yang dihadapi oleh pelajar wanita yang menghadapi peperiksaan pemandu seperti yang berlaku kepada anak perempuan pemimpin MCA di Wilayah Persekutuan...

Satu lagi pertanyaan ialah adakah sekarang MyKad kita ini tidak lagi mengandungi lesen memandu kerana kawan saya pergi memperbaharui lesen memandunya dan dia juga telah diberitahu bahawa MyKad kita tidak boleh pakai lagi. Saya ingin tanya kenapa tidak ada pengumuman dibuat oleh pihak kementerian ataupun JPJ ataupun pihak keselamatan dalam negeri.

Saya juga menyokong tadi cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang mencadangkan bahawa penerbangan MAS harus dipulihkan dari KL ke Tawau dan KL ke Sandakan dan juga berulang-alik. Saya mendapati bahawa penerbangan Air Asia ke Tawau dan Sandakan selalunya penuh dan ini adalah amat susah bagi orang Tawau dan juga Sandakan untuk naik penerbangan terus ke Kuala Lumpur selain daripada Air Asia.

Akhir sekali saya hendak menyampaikanlah perasaan kesal saya terhadap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang menghalang cadangan polis untuk mengurangkan kos saman trafik pada beberapa bulan yang lepas. Saya setuju atas cadangan daripada pihak polis untuk mengurangkan kos saman trafik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran, butiran?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: JPJ, JPJ.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran saya hendak tahu butiran JPJ yang minta.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini JPJ, tetapi ini relevan kerana saya rasa kita semua ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran senang sahaja beritahu saya butiran?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dengar, dengar ini Butiran 080000 - Keselamatan Jalan Raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, bukan. Saya hendak tanya apakah sebab yang cadangan polis itu dinafikan kerana kita semua ini selalu terima saman dan kita selalu rasa tidak suka untuk bayar membayar saman kita kerana ia terlalu mahal. Saya rasa yang menaikkan harga kos saman itu tidak mengurangkan kes kemalangan jalan raya, orang tetap mati dan saya rasa yang lebih betul ialah kita mengadakan satu kajian menyeluruh apakah yang menyebabkan kes kemalangan yang selalu meningkat. Adakah kita harus mengubahsuai sistem pengangkutan kita sekarang. Jadi ini saya mintalah kalau boleh pihak kementerian menerima cadangan polis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang masa sekarang pukul berapa, cukup. Jadi lepas petang ini Yang Berhormat boleh jawablah saya tutupkan perbincangan.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Pengangkutan, sila mulakan jawapan. Saya jemput Timbalan Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang pertama bagi pihak kementerian, saya ingin ucap terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat yang berminat mengenai beberapa perkara, beberapa isu yang berkaitan dengan kementerian. Dan kita mengambil maklum semua perkara yang telah disentuh.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru dan Ketereh serta Santubong telah pun mengemukakan pandangan dan cadangan mengenai dasar pengangkutan harus memberi lebih tumpuan kepada pengangkutan darat berbanding dengan pengangkutan udara. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam peruntukan perbelanjaan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah menerima sebanyak RM9.5 bilion. Daripada jumlah keseluruhan sukacita dimaklumkan bahawa sektor darat telah menerima peruntukan sebanyak RM5.4 bilion ataupun 55% daripada keseluruhan peruntukan. Manakala sektor udara telah menerima sebanyak RM2.6 bilion atau sebanyak 32%. Dan bakinya adalah untuk sektor maritim.

Berdasarkan maklumat tersebut, adalah tidak benar sama sekali bahawa sektor udara mendapat lebih peruntukan berbanding sektor darat. Sebenarnya kementerian telah memberi lebih tumpuan ke atas pembangunan pengangkutan sektor darat di mana melalui agensi seperti jalan JPJ, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kereta Api Tanah Melayu dan Unit Monorel dan sebagainya telah pun menerima peruntukan lebih besar berbanding dengan sektor-sektor lain. Sebagai contoh, projek-projek yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah terminal pengangkutan bersepadu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta laluan Tuan Pengerusi. Kita diberitahu bahawa Yang Berhormat akan datang bahawa Menteri Pengangkutan yang terbaik sekali akan datang untuk jawab, kenapa dia tak datang?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, kita diberitahu bahawa dia akan datang, kenapa dia tidak datang untuk jawab?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, yang pertama Yang Berhormat Ipoh Timor tidak tahu peraturan. Dia perlu minta izin dengan saya sebelum bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu tidak penting.

Datuk Douglas Uggah Embas: Dia dah berapa lama dah dekat sini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita minta penjelasan, ini penting kenapa Menteri yang kata akan datang, tidak datang. Dan digelar Menteri Pengangkutan yang terbaik sekali, terbaik sekali dalam Parlimen, mana boleh terbaik sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu sebab, mahu sebab.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, itu juga satu pembohongan. Mana ada Menteri kata dia hendak datang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia beritahu Tuan Pengerusi tadi, dia akan datang, Tuan Pengerusi pagi tadi dia akan datang.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi mana? Saya duduk sini sepenuh masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, waktu pagi ini ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak ada orang beritahu Dewan ini bahawa Menteri akan datang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada, jangan begitu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu meliputi Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen lah itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya duduk sini sepanjang masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita ada *imply* ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak ada jawab, tidak ada orang beritahu bahawa Menteri akan datang. Yang tak mencadangkan Menteri datang adalah Yang Berhormat sendiri, jangan putar belitkan isu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita ada *imply*, ada..., cakap hendak datang.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat jangan putar belitkan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri teruskan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Apa, *no standard* lah *you*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia mengaku dia yang terbaik sekali. Kita mahu dia datang untuk sokong.

Datuk Douglas Uggah Embas: *This is*, ini peluang saya, Yang Berhormat duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak datang, bolehkah memberi sebab? Adakah sebab ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Kelmarin Yang Berhormat tanya soalan begitu, ini tiap-tiap kementerian dia tanya soalan sama, tanya Menteri datang, Menteri datang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Kalau Menteri tak datang, kita akan tanya. Ini hak kita untuk tanya kenapa Menteri tidak datang. Pagi ada tanya dia tidak datang, petang pun ada Kabinet.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk. Teruskan Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh tanya tapi jangan bohong. Jangan membohongi di Dewan ini bahawa ada Menteri dah berjanji nak datang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan berbohong, tapi kita di*understood* oleh Tuan Pengerusi tadi, Datuk Lim Si Cheng ada *imply* dia akan datang, itu *understanding*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, teruskan Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya ingin membetulkan fakta, Menteri tidak ada berjanji akan datang petang ini. Itu satu pembohongan oleh Ketua Pembangkang, sekarang dia ketua pembohongan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri bohong. Oleh kerana ini *imply understanding* dan sebab itu, pagi ada ucapan kata Yang Berhormat Menteri akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan inilah reaksi daripada Timbalan Tuan Pengerusi masa itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Siapa kata Menteri akan datang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok rekod.

Datuk Douglas Uggah Embas: Esok buka rekod, *imply*, itu yang *you* putar belit isu sekarang *imply* lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa dia lari? Kenapa dia tak datang? Semasa elak-elak, kenapa dia tak datang?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Timbalan Menteri teruskanlah jawapan.

Datuk Douglas Uggah Embas: *Imply understanding*, mana yang betul?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok, pagi saya ada ucap masa itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Santubong juga minta bidang kuasa kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Johor Bahru, Santubong dan Ketereh, bahawa pengangkutan udara dan rel telah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Manakala bagi pengangkutan terminal bagi pengangkutan darat seperti bas dan teksi diletakkan di bawah bidang kuasa kementerian lain. Bagi pengangkutan darat selain rel, kementerian ini juga bertindak sebagai agensi penguat kuasa. Walau bagaimanapun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang saya umumkan tadi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan buang masalah dengan cerita-cerita yang tidak betul itu. Banyak sangat, tiap-tiap hari kita gaduh macam itu, jadi kerja kita yang sepatutnya dibuat di sini pun tak jadi. Balik kepada soalan prasarana pengangkutan, memang kalau kita sebut berhubung dengan prasarana pengangkutan darat dan udara. Kita lihat daripada nisbah dia, berapa juta manusia bergerak di jalan raya dan berapa juta bergerak di atas udara. Jadi berlandaskan itu kita mendapat bahawa pengangkutan darat, penekanan kepada jalan-jalan sahaja, sedikit saja benda lain.

Jadi kalau benarliah dari segi nisbah kalau ada perhitungan telah dibuat menunjukkan bahawa pengangkutan darat diberi satu penekanan yang khusus. Kenapa pula satu penyelidikan asas tidak dibuat di tiap-tiap bandar sebelum bandar itu menjadi begitu besar, tidak boleh di *manageable*. Kita berbincang dengan kerajaan negeri yang mempunyai tanah untuk mendapatkan terminal-terminal tertentu. Kita mesti melihat perkara ini sebelum bandar itu menjadi mahal sangat, kita hendak beli tanah untuk terminal stesen dan sebagainya, kita perlu mengadakan terminal-terminal ini. Saya cukup yakin kementerian mempunyai bijak pandai yang mencukupi untuk merangka prasarana untuk pengangkutan.

Walaupun kita menerima juga hakikat, lesen diberi oleh Lembaga Pelesenan di bawah Kementerian Usahawan. Dan jalan dibuat oleh JKR, dan pengangkutan pengolahan lesen-lesen pemandu dan sebagainya.

Jadi, sepatutnya kita tidak boleh mengatakan yang ini dibuat itu yang kita sepatutnya sebagai kerajaan memandangkan secara *holistic* supaya ia dengan lengkap. Kalau berlaku pada seketika nanti, kalau bandar itu jadi besar, kita hendak cari tempat itu tanah tidak ada lagi. Kalau ada pun mahal, jadi kerajaan akan berbelanja lebih untuk mendapati kemudahan-kemudahan mewujudkan terminal-terminal di luar bandar untuk tempat simpan kereta-kereta dan bas yang lebih besar, itu saya hendak sebut, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong. Sebenarnya isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat patutlah dikemukakan kepada *Central Agency* kerana merekalah merancang segala sebagai *holistic* perancangan tetapi, walau bagaimanapun, kementerian kita memang menyumbang...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ada kaitan, ada kaitan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh saya selesaikan jawapan? Kementerian Pengangkutan memang menyumbang pandangan kepada pihak perancang pusat untuk menentukan segala masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang diambil perhatian dan perancangan juga harus dibuat. Saya tahu Yang Berhormat sendiri mempunyai pengalaman di Sarawak di mana beliau sebagai Pengerusi LPKP juga beberapa isu yang berhadapan dengan *parking space* dan sebagainya. Jadi, kita akan sampaikan kepada *Central Agency*, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini soalan yang berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Saya hendak tanya sejauh manakah pandangan-pandangan *traffic impact study* yang dibuat di semua PBT berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan sejauh manakah kajian-kajian ini diambil kira dalam pelan induk pembangunan yang sedia ada. Sebagai contohnya, kita lihat Subang, sekarang ini trafiknya tidak boleh ditangani lagi kerana *high rates building* itu terlalu banyak densiti penduduk sehingga kenderaan itu sampai sebuah rumah tiga. Maka tidak boleh lagi, sama dengan Hartamas dan Mont Kiara. Benda yang sama berlaku di Cameron Highlands. Dari Ipoh ke Simpang Pulai sejam, tetapi dari Blue Valley sampai ke Tanah Rata dua jam, pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Ini adalah satu fenomena seluruh negara dan di mana dia punya lubang-lubangnya atau *holes* dia, di mana kita boleh betulkan. Tidak boleh kita katakan ianya satu *Central Agency*, kerana benda ini adalah suatu yang melibatkan rakyat dan bagaimanakah hal ini boleh ditangani. Sekiranya trafik jem tidak boleh diselesaikan, tetapi boleh ditangani dan boleh dikurangkan, apa pandangan daripada Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang seperti saya jawab kepada Yang Berhormat bagi Santubong tadi, perkara ini adalah memang sentiasa ditimbang oleh Kementerian Pengangkutan dalam kita merancang apa-apa projek yang kita jalankan tetapi, untuk keseluruhannya kerana pelbagai jabatan-jabatan, pelbagai kementerian ada sama-sama terlibat dalam perancangan dan kemudian dalam pelaksanaan projek, maka *Central Agency* perlu yang akan menjadi *secretariat* untuk menentukan segala perkara ini dapat kita atasi.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai Program Keselamatan Jalan Raya. Untuk makluman Dewan ini, saya ingin menegaskan bahawa di sini Kempen Jalan Raya yang telah kita jalankan oleh kementerian selama ini, didapati menunjukkan keberkesannya walaupun masih ada masalah.

Walaupun terdapat peningkatan mendadak bilangan kenderaan berdaftar dalam tempoh sepuluh tahun daripada RM7.7 juta pada tahun 1996 kepada RM14.8 juta pada tahun 2005 atau peningkatan sebanyak 92%.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah berjaya menurunkan kadar kematian jalan raya bagi setiap sepuluh ribu kenderaan berdaftar yang mencatatkan penurunan dalam tempoh sepuluh tahun iaitu dari 8.2 tahun 1996 kepada 4.2 tahun 2005. Kementerian dalam rangka program keselamatan jalan raya lima tahunnya telah menasarkannya bahawa angka kematian kita diturunkan kepada dua bagi sepuluh ribu kenderaan berdaftar pada tahun 2010.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan. Tentang Kempen Jalan Raya, kita lihat akhir-akhir ini, kebanyakan kemalangan melibatkan motosikal, penunggang dan juga pembonceng, tetapi dalam masa yang sama, kita telah meluluskan kilang, dan penggunaan tayar motosikal yang disebut tayar sotong yang mana tayar ini digunakan khas untuk hendak *race*, tetapi mat rempit dan juga penunggang-penunggang motor menggunakan tayar ini. Kalau ini kita tidak periksa, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya kira lebih banyak kemalangan. Seolah-olah kita menggalakkan mereka ini lari. Jadi, kita kena balik kepada pangkal, kalau kita luluskan penggunaan tayar sotong ini, saya kira lebih banyak kemalangan akan datang. Jadi, kita mengadakan kempen apa semua sia-sia belaka, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat, memang seperti yang Yang Berhormat sebut iaitu hampir 60% dari kematian di jalan raya kita adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Yang Berhormat bagi Jasin cukup arif mengenai angka. Itulah tumpuan kita dalam rancangan pembangunan ke dalam lima tahun ini, adalah menumpu kepada penunggang-penunggang dan pembonceng motosikal termasuk motosikal sendiri. Saya setuju dengan Yang Berhormat kalau tayar motosikal itu tidak *road worthy* itu tidak patut berjalan di jalan raya dan ia akan menyusahkan. Di antara usaha-usaha kerajaan dalam menangani isu keselamatan jalan raya adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang telah kita tubuh dan dalam beberapa bulan yang akan datang, kita akan menubuhkan Jabatan-jabatan Keselamatan Jalan Raya di negeri-negeri;
- (ii) penubuhan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya;
- (iii) pelaksanaan pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah rendah mulai tahun 2007;
- (iv) mencadangkan memperkenalkan sistem *e-enforcement* bagi memperkuatkan lagi kesan program penguat kuasa terhadap undang-undang trafik; dan
- (v) Kementerian Kerja Raya telah pun dipertanggungjawabkan untuk meluaskan program *road safety audit* di seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kerajaan sedar bahawa usaha-usaha berterusan...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Penjelasan. Minta penjelasan sedikit.

Datuk Douglas Uggah Embas: ...Perlu diadakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: ...Biar saya habiskan. Kerajaan sedar bahawa usaha-usaha berterusan perlu diadakan dari segi pendidikan penguatkuasaan dan kejuruteraan dan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Ya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi, jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa salah satu daripada tindakan yang akan diambil ialah untuk memperkuatkan undang-undang trafik. Kita dapati kalau di Kelantan dan saya rasa seluruh negara sebahagian besar anak-anak muda kita di bawah umur 15, rata-ratanya menunggang motosikal secara liar dan juga mereka tidak ada lesen, apa tindakan yang akan dibuat oleh kementerian?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang pertama, terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang pertama saya minta bantuan Yang Berhormat untuk menasihatkan pemuda-pemuda ini yang belum ada lesen jangan menunggang motosikal. Tolong bantu kami supaya mereka tidak menunggang motosikal tanpa lesen. Kalau mereka ditangkap oleh JPJ ataupun polis, memang mereka akan dihukum mengikut undang-undang negeri.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah mendengar bahawa usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan tetapi, usaha-usaha yang sedemikian memang tidak memadai. Jadi, saya suka menyarankan kalau boleh kementerian mencadangkan kepada kerajaan supaya sekolah-sekolah memandu ini memberi pendidikan moral kepada pelajar-pelajar yang baru ini, pelatih-pelatih yang baru. Sebab mereka apabila ada lesen bermakna lesen itulah yang memberi mereka kebenaran untuk memandu sama ada untuk membunuh orang, membunuh diri ataupun menyelamatkan penggunaan jalan raya itu sendiri. Di *educate* mereka bagaimana penggunaan jalan raya itu sendiri usaha macam mana pun tahun-tahun meningkat kematian kemalangan.

Jadi di mana kesedaran itu? Saya setuju bahawa ramai penganalisa luar negara menyatakan rakyat Malaysia ini memang peramah tetapi mereka menjadi gila, hilang akal apabila membawa kenderaan. Jadi bagaimana kita hendak mendidik mereka supaya mereka tidak menjadi hilang akal apabila memandu, minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Itulah satu cadangan yang baik dan kita memang menuju ke arah itu untuk menentukan bahawa sikap pemandu-pemandu itu perlu kita tukar dan ini juga kita harap dapat dijalankan oleh institut-institut memandu kita. Dengan itulah kita akan menjalankan beberapa program di sekolah-sekolah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang bangun, hendak beri jalan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang sila.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dengan keselamatan jalan raya yang telah dihuraikan beberapa langkah diambil termasuklah membaiki kejuruteraan atau audit keselamatan daripada JKR. Kalau jalan itu seperti yang saya bangkitkan dahulu, seperti di kawasan itu sudah 284 kes kemalangan berlaku oleh kerana audit keselamatan memang nyata untuk membaiki tetapi tidak ada peruntukan yang sampai. Biarkan keadaan demikian diteruskan banyak lagi kemalangan berlaku, apa cadangan Yang Berhormat kementerian supaya jalan itu dapat diperelokkan untuk elakkan kemalangan berlaku.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah pun mengumumkan peruntukan untuk membaiki jalan-jalan raya yang bahaya ini dan kita berharap jalan yang disebut dan dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dapat dimasukkan oleh Kementerian Kerja Raya. Kalau Yang Berhormat boleh beri saya nama jalan itu mungkin kita dan kementerian boleh sampaikan kepada kementerian tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat prihatin tentang keselamatan jalan raya dan beliau sendiri mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet mengenai keselamatan jalan raya bagi merangka dan merumus dasar dan program-program keselamatan jalan raya yang berkesan dan *effective*.

Di samping itu satu bentuk koordinasi di antara kementerian, jabatan juga terus diadakan dalam jawatankuasa Kabinet itu dan juga satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri kerana tadi ada beberapa Yang Berhormat menyentuh perkara masalah kerjasama di antara kementerian dan jabatan dan inilah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menentukan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan penggunaan, pembinaan jalan raya sama-sama untuk duduk untuk melihat bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah kementerian telah melakukan satu kajian bahawa lebuh raya atau jalan raya atau pemandu kereta yang merupakan satu faktor utama meningkatkan kadar kematian atau kecederaan dan kemalangan kenderaan. Adakah satu kajian yang terus bahawa cari satu punca untuk mengatasi masalah ini. Adakah kementerian telah mengkaji masalah ini, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang kita selama ini buat kajian dan kita pun ada satu juru perunding untuk mengkaji dengan mendalam isu-isu ini dan kerajaan memikirkan cuma menggunakan perkara luar tidak cukup maka kerajaan menubuhkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya. Dari situlah kita harap nanti akan satu kajian yang lebih mantap dan lebih mendalam akan dijalankan untuk mengatasi masalah kesempitan jalan raya ini.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan juga melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi memperkenalkan penyelidikan keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah. Bagi peringkat pertama sebanyak 1000 buah sekolah rendah di seluruh negara akan dipilih bagi melaksanakan penyelidikan keselamatan jalan raya dan di sinilah dengan mata pelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar tahun satu mulai April 2007 sebanyak RM10.9 juta telah diperuntukkan untuk peringkat pertama pelaksanaan pendidikan keselamatan jalan raya. Di sinilah kita harap cadangan dari rakan saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan kita dapat dilaksanakan nanti di sekolah-sekolah supaya kita dapat menyemaikan sikap yang betul supaya berhati-hati dan berhemah menggunakan jalan raya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Santubong telah menyentuh mengenai masalah pengeluaran lesen PSV. Kementerian memang memperkenalkan dan memang sedar tentang masalah ini dan kita memperkenalkan peningkatan kurikulum berlesen PSV, GDL sejak tahun 1998. Yang mana salah satu syarat mendapatkan lesen PSV atau penyediaan bas dan lori diwajibkan menjalani latihan teori dan amali selama 15 jam dan menduduki ujian teori dan amali yang dijalankan oleh pegawai-pegawai JPJ. Bagi memantapkan kecekapan pemandu kementerian bercadang untuk melaksanakan kursus lanjutan kepada pemegang-pemegang lesen tersebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua-dua bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan yang mana satu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat dua tiga kali saya cuba memberi pandangan kerana hari ini kita ucap terima kasih kepada Lembaga Pelesenan kerana di belakang lori, bas dan sebagainya dia ada nombor telefon *hotline* ataupun talian terus kepada Lembaga Pelesenan.

Saya memohon kalau boleh nombor telefon *owner* atau pemilik ataupun syarikat harus diletak di belakang kenderaan-kenderaan berat ini supaya apabila mereka memandu dengan cemerlap atau tidak tertib sekurang-kurangnya kita boleh menelefon terus kepada syarikat dia.

Macam kita tengok *tanker* minyak milik Shell, Petronas dia letakkan di belakang kenderaan itu nombor telefon syarikatnya. Jadi kalau pemandu itu tidak memandu dengan cermat maka kita boleh hubungi terus kepada *owner* itu dan *owner* itu boleh menghubungi balik pemandu itu menasihati beliau supaya memandu dengan cermat. Ini sekurang-kurangnya kita boleh *on the spot* ataupun pada waktu itu juga mengambil satu tindakan untuk memberi maklumat dan satu lagi Tuan Pengerusi, saya dapati lori-lori kalau bas-bas ekspres ini ataupun *tanker-tanker* yang besar ini mereka ada lampu Yang Berhormat mencukupi di bahagian belakang tetapi saya nampak kenderaan-kenderaan terutama sekali lori ini tidak mempunyai lampu yang mencukupi kerana pengalaman saya sendiri pun kadang-kadang terserempak kerana kita agak-agak dalam masa hujan lori itu berada dalam jarak yang jauh tetapi kita terserempak berdekatan dengan kita kerana tidak mencukupi lampu di bahagian belakang untuk memberi maklumat kepada pemandu di belakang bahawa di hadapan kita adalah jenis ataupun kenderaan yang berat.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri kalau boleh tidak menyalahi dan boleh kita gunakan untuk menjaga keselamatan di jalan raya, terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun pula Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, hendak sambung sedikit Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Ini berkaitan dengan pihak polis untuk sekolah-sekolah. Satu cadangan kementerian yang baik di kawasan luar bandar terutama sekali yang mana telah disarankan tadi, rata-rata murid-murid yang tidak ada lesen ini memandu dan apabila kita dapati apabila dia kena terpaksa dia pergi ke wakil rakyat supaya tidak dikenakan saman dan sebagainya.

Kita tidak boleh hendak buat kerana ini adalah undang-undang tetapi apabila kita tidak dapat menyelesaikannya dia akan salahkan wakil rakyat jadi kita menyambut baik. Apakah kementerian tahu di sekolah-sekolah luar bandar ini begitu banyak sekali dan pihak polis ini cukup sedikit bilangannya yang ada di bandar-bandar. Sedangkan sekarang pun kalau buat penjelasan ini sudah tentu yang naik motosikal tanpa lesen ini tidak berlaku dan kalau berlaku pun ibu bapa sudah tahu.

Apakah langkah kementerian? Kalau ada rancangan sahaja tetapi perkara ini tidak menepati sedangkan kita menuju ke arah negara maju dan perkara ini berlaku di kawasan luar bandar. Macam di kawasan saya sana, di Kuala Krai hampir hari-hari ada berlaku ini. Bila kena saman, dia ke wakil rakyat. Bila tidak dapat, dia menyalahkan wakil rakyat.

Jadi kita sambut baiklah pihak kementerian supaya dapat mengatur perkara ini dengan rancangan yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan yang begitu banyak supaya dapat menyalurkan ke sekolah-sekolah yang di luar bandar ini kerana banyak sekolah dan sudah tentulah pihak polis akan mengatur supaya dapat ke sekolah rendah dan sekolah menengah supaya ibu bapa akan tahu peranan dan tanggungjawab mereka terhadap undang-undang yang kita patuhi. Bagaimana pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat. Yang pertama mengenai nombor telefon di belakang. Kita akan sampaikan cadangan Yang Berhormat kepada kementerian yang berkenaan kerana itu adalah satu cadangan yang baik juga.

Yang kedua mengenai lori yang tidak ada cukup cahaya lampu. Ini memang ada syarat-syarat yang dikenakan oleh JPJ. Jadi kalau dia tidak memenuhi syarat-syarat ini, itulah Yang Berhormat nampak cahaya lampu itu tidak cukup di belakang lori tersebut. Maka adalah satu kesalahan untuk tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh JPJ.

Manakala perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai masalah budak-budak sekolah ini yang menggunakan motosikal tanpa lesen, ditangkap oleh JPJ dan kemudian mengadu kepada Yang Berhormat. Saya sendiri pun mempunyai pengalaman yang sama. Lebih teruk lagi saya di Kementerian Pengangkutan dan dia fikir kita mesti ada kuasa untuk beritahu JPJ bahawa jangan kenakan denda kepada mereka. Memang ini masalah. Inilah sebab kita mengadakan program pendidikan di sekolah-sekolah. Satu cara kita untuk memperjelaskan cara menggunakan jalan raya yang baik, yang betul dan berhemah, maka mereka yang di bawah usia janganlah gunakan *motorbike* dan juga gunakan topi keledar dan sebagainya.

Mengenai masalah pegawai penguat kuasa, JPJ pun mengalami masalah yang sama tetapi kita berharap masyarakat termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat samalah tolong membantu mengenai perkara ini. Yang Berhormat bagi Beluran ada...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan...? Sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memujilah kementerian kerana merancang secara *holistic* untuk mengatasi masalah keselamatan jalan raya, khususnya bermula daripada rebung. Saya memang sudah sepuluh tahun bercakap di Dewan ini berhubung dengan pengajian bermula di sekolah. Bahkan saya sendiri terlibat pada awal tahun 70-an, penyelidikan di Tokyo, macam mana mereka buat kajian dan pelaksanaan di peringkat sekolah. Lebih menyeluruh lagi, di negara Jepun pada ketika itu menggunakan beberapa modul termasuk memasang *traffic light* dalam sekolah-sekolah. Jadi orang yang berjalan kaki itu, kalau dia jumpa merah dalam bangunan sekolah, dia boleh berhenti. Kalau yang *green* itu dia berjalan dan seterusnya macam di jalan raya tetapi dalam bangunan sekolah.

Jadi saya pernah sebutkan perkara ini. Jadi saya ucapkan tahniah tetapi persoalannya Tuan Pengerusi, daripada falsafah dan daripada praktiknya, undang-undang ini dibuatkan satu kesalahan, diadakan satu *sanction*. Jadi *sanction* maknanya orang yang melakukan ini akan didapati bersalah dan didapati bersalah ini, dia kena hukum tetapi kalau penguatkuasaannya masih lemah longlai bagai yang ada sekarang, buat apalah perancangan, Tuan Pengerusi.

Kenapa orang di Singapura begitu yakin mengikuti undang-undangnya? Kerana penguatkuasaannya. Begitulah berlaku di negara-negara lain. Dia tidak berfikir, tidak cakap, tidak bincang dan tidak marah dengan orang tetapi kalau berlaku kesalahan, dia beri tuduhan saman dan sebagainya dan kenakan. Tidak ada *negotiation*, tidak ada rundingan, tidak ada apa benda. Jadi penguatkuasaan ini amat penting kerana dengan itu sahaja kita membudayakan pematuhan kepada undang-undang. Kalau tidak, dia tidak pakai, Tuan Pengerusi. Itu satu.

Kalau kita lihat di Kuching sebagai modul, satu bandar yang begitu ghairah sekali pemandu keretanya menukar macam menukar api, lampu tukar kuning, tukar biru, tukar hijau, tukar macam-macam warna. Ada yang begitu terang sekali, kita pandang dari hadapan itu motor pun habis jatuh kiri kanan kerana nampak begitu terang tetapi apabila penguatkuasaan tidak dibuat, orang ini tidak buat tetapi kempen yang dibuat oleh pihak polis dan JPJ yang sebulan sekali, dua bulan sekali atau tiga bulan sekali, tunggu pegawai kanan daripada Kuala Lumpur datang, tunggu *Director General* daripada kementerian datang, buat satu besar-besaran tetapi selepas itu reda, tidak ada. Pegawai sudah hilang semua, tidak buat apa-apa.

Jadi macam mana hendak membudayakan undang-undang dan membudayakan *compliance* kepada undang-undang dengan izin, kalau ini tidak berterusan sepanjang masa. Kalau Datuk hendak lihat, datang ke tempat pejabat saya, duduk setengah jam dalam satu kedai kopi, *you* tengok apa yang dibuat. Orang suka hati buat. *Compliance is completely voluntary* sebab orang kata polis tidak ada, JPJ tidak ada, tidak ada tangkap, saya buat suka hatinya. Kalau kita hendak buat, kita kena lanyak nanti. Jadi Datuk, ini kena dilihat juga.

Di samping kita melaksanakan di peringkat sekolah, yang budak sekolah diperbaiki dan di lentur dan sebagainya nanti, kalau dia sudah keluar tengok ibu bapa dia buat macam itu, dia lupa yang buat di sekolah, dia ikut yang sini sedap lagi..., jalan pintas, jalan pendek, jalan panjang, semua boleh ikut itu. Masuk dalam yang *no entry*, yang *one way street*, semua boleh buat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, pendekkan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi akhirnya... [Disampuk] Cukuplah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah cakap panjang, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Akhirnya ialah kita kena membudayakan undang-undang dan *compliance* mesti dengan *sanction* tertentu. Maknanya polis dan JPJ kena kerja sepanjang masa, bukan kempen tunggu DG ataupun IGP datang.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat. Memang apabila kita meluluskan rang undang-undang di dalam Dewan ini, kita mempunyai matlamat tertentu dan kebanyakan undang-undang itu adalah untuk menyelesaikan masalah tetapi untuk undang-undang itu berkesan memang kita memerlukan pihak melaksana, mengawasi dan menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat mengemukakan bahawa polis dan JPJ hanya menguatkuasakan undang-undang jalan raya dan keselamatan jalan raya ini hanya apabila bos-bos dari Kuala Lumpur datang. Memang mereka tiap-tiap hari menjalankan tugas mereka masing-masing tetapi saya tidak mahu mengulang apa-apa masalah yang kita hadapi kerana itu telah pun disentuh dalam Dewan ini tetapi polis dan JPJ juga sekarang sedang bergiat untuk menambahkan jumlah kakitangan mereka untuk membolehkan mereka ini ramai lagi dapat menjalankan penguatkuasaan undang-undang. Jadi, memang dasar yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita sokong.

Yang Berhormat bagi Beluran telah menyentuh mengenai JPJ di Kota Kinabalu lebih suka berurusan dengan *runners*. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana JPJ Sabah ada menyediakan kaunter khas untuk *runner*. Urusan yang dibuat di kaunter ini adalah merupakan urusan pukal. Bagi orang ramai, mereka boleh membuat urusan di kaunter lain yang dikhususkan untuk mereka. JPJ Sabah akan memantau perkara ini dan kita juga minta Yang Berhormat memberi maklumat tertentu kalau *runner* itu mengambil alih pejabat JPJ di Kota Kinabalu.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi menyentuh mengenai mengapa JPJ mengenakan bayaran...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya kalau ditolak, tidak di masuk kira perlakuan sebenarnya dan sebabnya kemalangan yang tinggi di Malaysia ialah kerana motosikal - 60%. Jadi kalau tidak kerana motosikallah, mungkin kita antara negara yang lebih selamat. Bukan salah polis, bukan salah JPJ tetapi perlakuan penunggang motosikal. Dan baru-baru ini, mutakhir ini ditambah lagi dengan mat rempit... [Disampuk] Ini satu..., saya hendak cakap apa, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tanya Yang Berhormat tidak payah berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah saya bertanya ni dalam bertanya ini sebab itu saya tanya Tuan Pengerusi hendak disebut apa balak ini. Kita orang muda dengan dadah, dengan seks bebas belum selesai lagi tambah lagi satu penyakit, mat rempit. Dan mat rempit ini menyusahkan orang lain. Menyusahkan sangat.

Saya mohon Timbalan Menteri ada tak perancangan dari segi Kementerian Pengangkutan jangan serahkan kepada polis semata-mata tetapi ada tidak dari segi kementerian satu perancangan bagaimana kita hendak memansuhkan semua benda ini dijadikan perlakonan manusia dan tidak ada pun satu keperluan mustahak hendak *race* motor laju-laju ini bukan satu benda yang mustahak. Satu tindakan liar sahaja. Ada tidak perancangan yang boleh kita menghapuskan sekali gus penyakit yang amat menyakitkan, amat merugikan, amat mengganggu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi peluang kepada Timbalan Menteri menjawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi sudah tidak sabar, Tuan Pengerusi saya terima, Tuan Pengerusi punya ketidaksabaran itu...
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sabar Yang Berhormat .
Duduk sini lama lagi.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Tuan Pengerusi adalah seorang yang sabar. Terima kasih Yang Berhormat memang betul kata Yang Berhormat seperti yang saya sebut awal tadi penunggang dan pembonceng motosikal adalah antara mangsa-mangsa yang ramai kena akibat kemalangan jalan raya. Kita pun telah ditunjukkan angka-angka di mana perbandingan di antara negara maju dengan negara yang jumlah motosikal dia agak kurang di situ jumlah kematian jauh lebih kurang dari kita. Jadi memang inilah satu masalah, tetapi ini di negara kita motosikal ini juga memainkan peranan yang penting untuk membantu masyarakat yang berpendapatan rendah.

Mengenai masalah mat rempit, ini memang kita bekerjasama dengan pihak polis untuk mencari jalan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini kerana inilah satu masalah yang berhadapan dengan kita, yang kementerian memikirkan perlu diatasi dengan secepat yang mungkin. Kalau kita dapat secepat mana yang diseru dan dirayu oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi menanya....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat sebab Yang Berhormat lompat terus ke Bukit Mertajam. Saya berucap sebelum Bukit Mertajam terus ke Beluran jadi saya hilang di tengah-tengah. Jadi saya ada buat dua pertanyaan. Sebelum itu saya setuju kalau dikatakan Tuan Pengerusi ini seorang yang sabar sehingga kadang-kadang sabar dia itu sabar itu marah kepada sabar tidak tahan lagi. Tahniah lah Tuan Pengerusi.

Soalan yang saya tanya ialah dua perkara yang pertama adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu terminal bas yang terbesar di Kuala Lumpur ini sebab pada masa ini yang pergi ke Pantai Timur pergi ke Putra. Yang pergi ke Pahang terminal lain, yang pergi ke selatan terminal lain. Kita tidak ada satu terminal bas yang terbesar yang elok yang kita buat sama macam kita bagi terminal pada LCCT kepada AirAsia. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya tanya kenapa Kementerian Pengangkutan *insisted*, dengan izin, seolah-olah memaksa Lembaga Pelesenan memberi lesen bas untuk AirAsia *operate* dari LCCT ke Kuala Lumpur. Kenapa tidak bagi orang lain? Ini terbukti bila kita naik AirAsia dari Kota Baharu ke Kuala Lumpur dia akan jual tiket bas atas kapal terbang, seolah-olah orang lain tidak reti buat bas. Dia sudah ambil pengangkutan udara ambillah. Pengangkutan darat bagilah kepada orang lain. Itu tidak terjawab, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya memohon maaf kepada Yang Berhormat kerana sistem saya menjawab adalah mengikut sektor dalam kementerian. Yang tadi saya jawab ialah mengenai pengangkutan darat. Jadi nanti apabila mungkin ada yang salah mengenai Yang Berhormat jadi kita akan jawablah. Jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap awal kalau isu-isu yang *you* bawa tidak saya sebut atau lompat-lompat, itulah sebab dia tetapi mengenai cadangan untuk terminal bas tadi memang dari awal tadi Yang Berhormat belum datang. Kita ada beritahu bahawa kita akan mengadakan satu terminal pengangkutan bersepadu di Gombak dan di Bandar Tasik Selatan dengan anggaran kos RM630 juta dan inilah akan dibuat. Jadi seruan Yang Berhormat telah pun disahut oleh kerajaan.

Mengenai Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sangat susah hendak jawab Bukit Mertajam ini selalu ada gangguan. Mengenai soalan dari Bukit Mertajam, rambut dia pun putih, mengenai bayaran letak kereta di kawasan pejabat JPJ untuk makluman Yang Berhormat memang ada beberapa pejabat JPJ ada telah pun mengenakan bayaran bagi tujuan untuk mengawal tempat letak kereta adalah untuk digunakan bagi mereka yang berurusan dengan JPJ. Kerana di beberapa tempat, saya tidak ada nama tempat bagi pejabat yang berkenaan di sini. Kalau Yang Berhormat hendak saya bagikan kepada Yang Berhormat nanti. Kita mendapati kadang-kadang ada kumpulan yang tidak bertanggungjawab menggunakan tempat letak kereta, jadi apabila orang hendak berurusan dengan JPJ akan menghadapi masalah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Ini bukan satu alasan yang baik kerana JPJ Seberang Jaya terletak di satu tempat yang asing. Di sebelah JPJ hanya ada sebuah *police station* itu sahaja. Yang lain-lain tidak ada. Jadi ni bukan satu alasan yang baik. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau mahu menerima alasan atau tidak. Yang Berhormat Tuan Pengerusi

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Sini, sini. Terima kasih Timbalan Menteri. Kalau itu adalah alasannya, jadi maksudnya ialah untuk melindungi kepentingan rakyat yang hendak mendapat perkhidmatan dari JPJ, betul tujuannya. Jadi saya ada satu cadangan, sesiapa yang pergi ke JPJ yang ada urusan dengan JPJ diberikan satu cop dan apabila keluar tidak payah bayar. Ini adalah sama dengan apa yang telah dilaksanakan oleh di 'Adventice' Hospital. Ini kerana ramai orang, *take advantage*, hospital terletak di tengah-tengah bandar raya. Orang pergi ke *shopping* pun letak kereta di hospitalnya.

Jadi dia ada satu pengurusan macam ini. Jadi sesiapa yang pergi ke hospitalnya urusan dengan hospital, dia tidak perlu bayar atau dia hanya bayar dengan minimum sahaja. Hanya mereka yang bukan datang untuk berurusan dengan hospital tetapi gunakan *parking* hospital maka dikenakan bayaran. Jadi saya cadangkan JPJ Seberang Jaya pun pakai sistem ini, apakah pendapat Timbalan Menteri?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan berbincang dengan JPJ tentang cadangan Yang Berhormat tersebut. Yang Berhormat Bukit Mertajam juga menyoal mengenai plat. Untuk makluman Dewan ini pelaksanaan *e-Plate* masih dalam pertimbangan dan kajian kerajaan. Cadangan ini adalah untuk mencegah pemalsuan nombor plat tetapi saya ingin memberi jaminan di sini kita akan berbincang dengan beberapa pihak berkenaan sebelum program ini dilaksanakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Terima kasih saya pun faham bahawa dia masih dalam peringkat pengkajian. Mengapa tidak berunding dengan beberapa pihak? Pada waktu sekarang sebelum membuat keputusan kerana apabila semua tahu, apabila kementerian buat keputusan baru hendak berunding dengan pihak berkenaan. Itu sahaja yang bukan benda hendak dengar cadangan mereka tetapi hanya sebagai satu diplomasi sahaja, dan bukan mereka ingin terus mengambil bahagian dalam perundingan atau perbincangan tetapi hanya hendak mereka bersetuju dengan apa keputusan yang telah dibuat. Jadi saya rasa untuk sebuah kerajaan yang dikatakan lebih telus, lebih mesra kepada rakyat patutlah kerana ada masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak berkenaan umpamanya pengusaha yang buat *e-plate* itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat saya faham....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tentulah kementerian tidak faham jadi saya cadangkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya faham soalan Yang Berhormat....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka pun rayu, rayu dan rayu kenapa tidak jumpa mereka?

Datuk Douglas Uggah Embas: Cukup, terima kasih. Seperti yang saya sebut tadi saya harap Yang Berhormat faham kita masih dalam kajian dan ada satu ketika nanti kita memang hendak berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan, sebelum kita melaksanakan. Kerana itu ada kaitan dengan banyak kepentingan dengan peniaga-peniaga kita.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ada menyentuh mengenai keselamatan penumpang LRT...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengenai lapangan terbang...

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak bagi jalan, minta Yang Berhormat duduk, saya sudah cukup, tiada cerita lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Adakah Yang Berhormat...

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Bukit Bintang...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya nak tanya saja, adakah Yang Berhormat akan menjawab tentang Lapangan Terbang Bayan Lepas?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Janganlah mengganggu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu belum sampai

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bayan Lepas, *airport*...

Datuk Douglas Uggah Embas: Belum sampai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan jawab...

Datuk Douglas Uggah Embas: Terpulang kepada sayalah. Kalau saya tidak jawab, tidak jawablah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana ini adalah sama...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang sila duduk, jangan ganggu lah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa, jangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Bintang

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Sangat bagi peluang kepada Timbalan Menteri kalau boleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau orang tidak bagi laluan tidak usahlah cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila duduk

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini merupakan satu masalah yang sangat penting yang boleh menjejaskan nama...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan juga *security*, *security* negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah beritahu Yang Berhormat, saya sudah tegur Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Douglas Uggah Embas: Inilah masalah apabila bos dia tidak tahu bagaimana hendak ikut peraturan anak-anak buah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Anak buah dia pun ikutlah, tiada peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia belum...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Akan juga kerana sudah sampai, sudah jawab soalan perkara yang saya...

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya minta rakan saya Bukit Bintang

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Menyampuk*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya sudah beritahu kita jawab mengikut sektor dalam kementerian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan ikut dia punya suka, ini bukan *you* punya Dewan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini bukan dia punya Dewan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Eh, Kinabatangan tidak ada *airport*, jangan bisinglah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ada menyentuh berkaitan dengan masalah penumpang LRT monorel. Pagi tadi pun ada jawapan dari kementerian mengenai perkara ini tapi saya akan baca juga. Iaitu semua syarikat kereta api yang ada di negara kita diperlukan mempunyai pelan tindakan kecemasan. Syarikat-syarikat memang hadapi sendiri dan masing-masing dikehendaki mengadakan latihan tindakan kecemasan ataupun *emergency response Malaysian* yang akan mengikut kala tertentu yang melibatkan agensi-agensi seperti Jabatan Bomba Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, Hospital DBKL atau PBT seperti mana yang kita baru lakukan di sini di Kuala Lumpur.

Pelan tindakan kecemasan yang lengkap dengan proses tindakan penyelamatan yang...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bukit Bintang Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tindakan yang diterima panggilan..., boleh saya selesaikan? Panggilan kecemasan dan pusat kawalan operasi menghubungi agensi penyelamat keluar dan syarikat sendiri serta penyelaras tindakan penyelamat, pemulih perkhidmatan dan akhirnya sekali sehingga perkhidmatan kembali seperti sedia kala.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu apakah langkah yang konkrit jika monorel berlaku kebakaran di landasan atas. Apakah langkah-langkah yang konkrit diyakinkan kepada penumpang-penumpang bahawa mereka terjun dari *coach* atau tunggu kebakaran berlaku. Apakah langkah yang konkrit yang saya ingin tahu? Sebab saya salah satu penumpang yang sering menaiki monorel. Sebab ramai penumpang memberitahu kepada saya bahawa jika berlaku kebakaran di landasan apakah jalan untuk menyelamatkan mereka. Inilah satu soalan pokok, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagi Bukit Bintang. Saya rasa perlu beri jawapan keseluruhannya jadi dari melihat jawapan keseluruhan nanti baru Yang Berhormat faham bagaimana keadaan yang seperti itu dapat kita tentukan tidak akan mengorbankan nyawa. Kerana seperti jabatan kereta api juga telah pun mempelajari apa yang telah berlaku di Shanghai baru-baru ini di mana *back lift* yang menggunakan sistem yang sama terbakar.

Kita juga belajar dari mereka bagaimana hendak menentukan kalau-kalau, kita berharap tidaklah yang berlaku seperti itu bahawa semua dalam *coach* monorel itu akan selamat. Jadi pelan tindakan kecemasan meliputi kebakaran atas *train* bagi KL Monorel cara menyelamatkan dari kebakaran atas *train* terbahagi kepada tiga:

- (i) menunda *train* ke stesen yang terdekat;
- (ii) dengan perkongsian ataupun *evacuation* penumpang dari *train* ke *train-train* yang lain yang bersebelah; dan
- (iii) dengan cara perkongsian penumpang dari *train* ke daratan.

Bagi memastikan kesan kebakaran atas *train* diminimumkan, *train* monorel KL disediakan dengan peralatan atau dilengkapi seperti berikut:

- (i) pengesan haba panas (kita ada pengesan haba panas itu, kita berharap tindakan dapat diambil sebelum api menyala kepada peringkat bahaya);
- (ii) lapisan penebat api yang boleh tahan kebakaran selama 30 minit mengikut piawaian kebakaran Amerika NFPA 130;
- (iii) di dalam *coach* itu juga dibekalkan dengan pemadam api;
- (iv) cermin tingkap kecemasan dan tukul-tukul;
- (v) kipas angin menarik udara dari luar, untuk membukakan pintu kecemasan;
- (vi) sistem perhubungan antara *train* dan pusat kawalan;
- (vii) peti pertolongan cemas;
- (viii) kaedah atau alat pemulihan operasi yang disediakan untuk Monorel KL ialah penjana elektrik bantuan yang berupaya membawa *train* ke stesen terdekat; dan
- (ix) dua ronda '*run flight*' yang membolehkan *train* dengan roda yang bocor dibawa dengan laju 25km sejam ke stesen terdekat atau ke stesen.

Terbaru sekali satu latihan tindakan kecemasan telah pun diadakan pada 16 November 2006 oleh Monorel KL dengan senario kebakaran atas *train* antara stesen di Jalan Sultan Sulaiman dengan menjalankan perkongsian secara *train* ke *train*, dari *train* ke darat. Latihan ini melibatkan semua badan penyelamat termasuk bomba dan penyelamat. Pihak bomba dan penyelamat didapati telah dapat tiba di tempat kejadian dalam masa yang dikehendaki.

Jadi itulah beberapa langkah yang diambil dan kita berharap dengan langkah-langkah tersebut pengguna-pengguna *train* kita yakin bahawa pelbagai langkah telah diambil untuk menentukan mereka selamat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu, ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kementerian ada menubuhkan satu unit untuk memantau bahawa syarikat Monorel ini ada mengikut apa-apa langkah yang diutarakan baru-baru ini, sejauh mana mereka telah memakai apa-apa alat atau langkah yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab ini kita memastikan bahawa nyawa penumpang hendaklah terjamin bahawa kalau berlaku kebakaran mereka boleh menyelamatkan diri sendiri. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, di bawah kementerian ada satu jabatan kereta api. Mereka ini ialah badan pengawal selia yang selalu memantau segala program-program keselamatan yang dijalankan oleh *train-train* kita.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat bagi Pasir Mas ada menyentuh mengenai perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur dan mengadu bahawa keadaannya adalah teruk. Yang Berhormat bagi Ketereh tiada di sini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh ada sebut ya..

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, *sorry*. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Ketereh dan Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Untuk makluman Dewan ini bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM120 juta untuk melaksanakan kerja-kerja *overhauling, coach* penumpang. Jadi untuk makluman Yang Berhormat tersebut untuk meningkatkan perkhidmatan penumpang di Pantai Timur 30 *coach* akan dinaikkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di samping itu peruntukan pembangunan infrastruktur di sekitar Pantai Timur di bawah Rancangan Malaysia Kelapan adalah sebanyak RM64.9 juta yang telah dibelanjakan manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM73.6 juta diperuntukkan. Di bawah peruntukan RMK-9 sebanyak RM22.8 juta disediakan untuk pembinaan 20 jambatan penjalan kaki di Rangkaian KTM Bhd. Pembinaan adalah berasas keutamaan dan kecukupan peruntukan.

Yang Berhormat Kuala Terengganu ada tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, bangun. Yang Berhormat, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih banyak kepada menteri yang berkaitan dengan ubah suai kepada kereta api-kereta api ataupun gerabak kereta api yang diguna khususnya di Pantai Timur. Saya sebagai pengguna kereta api, kerana di hadapan rumah saya itu memang *railway* jalan kereta apinya Pasir Mas terus ke Kuala Lumpur. Jadi, apa yang saya lihat, gerabak-gerabak itu sudah lama. Jadi cadangan untuk mengubah gerabak baru itu perlu disegerakan.

Yang kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri, stesen-stesen kereta api ini terlalu menjolok mata. Bukan sekadar buruk. Buruk itu satu halnya, tetapi robek pula. Tak tahulah, robek itu apa? Tak tahu saya. Jadi, robek itu punah, sepunah-punahnya. Sehingga yang ada itu, hanya pelapik yang terdiri daripada tempat-tempat duduk yang hak 50 tahun dahulu. Contoh saya buat, daripada Stesen Wakaf Baru. Stesen Wakaf Baru, okey. Masuk Stesen Bunut Susu, punah-ranah. Stesen Slow Machang punah-ranah. Stesen Pasir Mas, baik. Stesen Batu Tiga, rosak. Sampai ke..

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang penting Yang Berhormat Tuan Pengerusi ..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi saya minta, saya minta daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu cerita ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: KTMB tahu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...Kerana tak naik kereta api.

Datuk Douglas Uggah Embas: KTMB tahu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya yang naik kereta api, saya tahu. Saya boleh bilang satu-satu. Jadi, minta supaya stesen-stesen ini yang..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...Dicakap tadi bukan dibaiki, tapi dibuat baru, supaya tidak menjolok mata.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, kita memahami. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan kemudahan KTM.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Lama dah menteri, lama benar dah. Dah 40, 50 tahun.

Datuk Douglas Uggah Embas: Sabarlah. Yang Berhormat dari Tenom ada menyentuh mengenai projek kereta api di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini dimulakan pada 24 November 2005 dan akan siap 30 bulan pada 23 Mei 2008. Pampasan kepada setinggan tidak diberi, namun kerajaan negeri bersetuju menempatkan semula setinggan yang terlibat mulai kawasan Tanjung Aru, Beaufort, ke rumah murah Kinarut. Sehingga 31 Oktober 2006, kemajuan adalah seperti berikut:

- (i) 20% projek telah dijalankan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada bertanya mengenai projek Rawang-Ipoh. Tarikh siap yang diharapkan adalah Disember 2007. Pengambilan balik tanah telah selesai. Semua setinggan terbabit diberi:

- (i) sagu hati RM1,000; dan
- (ii) sewa bulan RM300, bukan RM250 seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat tadi dan ini diberi sehingga rumah gantian mereka siap.

Yang Berhormat bagi Tanjong bertanya mengenai Projek Monorel Pulau Pinang. Projek Monorel Pulau Pinang akan dilaksanakan secara penswastaan. Jadi peruntukan RM10 juta bagi tahun 2007 adalah untuk kos kajian perundingan dan bayaran tanah. Bilangan syarikat terlibat yang ditanya oleh Yang Berhormat belum ditentukan.

Yang Berhormat bagi Jasin meminta penjelasan kenapa JPJ baru-baru ini mahu mengenakan tindakan ke atas pemilik kenderaan yang memasang cermin gelap.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dan JPJ memandang serius isu pemasangan penggunaan cermin gelap pada kenderaan kerana ia menyalahi undang-undang. JPJ tidak pernah dan tidak akan mendaftar mana-mana kenderaan yang memasang cermin gelap melainkan ada kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada golongan-golongan yang layak untuk menggunakan cermin gelap. Jadi itulah sebabnya, JPJ akan mengambil tindakan kepada mereka ini. Yang Berhormat bagi Seputeh menyentuh mengenai sekolah institut memandu.

Kementerian dan JPJ sentiasa dari masa ke semasa berbincang, berdialog, bermesyuarat dengan persatuan sekolah institut memandu. Contohnya semasa perasmian mesyuarat persatuan sekolah institut memandu baru-baru ini. JPJ sentiasa membaharui permit sekolah institut memandu berdasarkan kepada rekod latihan yang aktif dan giat. Juga mengenai masalah penguji wanita, masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, JPJ telah pun melantik...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: ...Pengawal wanita telah dilantik untuk menjalankan ujian kepada calon-calon wanita. Seramai 60 orang penguji wanita sedang berlatih pada masa ini. Mengenai lesen MyKad itu tadi, masih berjalan seperti biasa dan akan diperluaskan dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran. Ya, sila.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih. Saya balik sedikit kepada *tinted glass* ini. Ada dua isu. Satu, ada sesetengah pembekal ini yang mengatakan bahawa *tinted* atau penggelap itu mendapat kelulusan daripada JPJ. Banyak kedai ini yang mengatakan bahawa mereka ada kelulusan daripada JPJ. Sama ada ini berlaku? Adakah JPJ memantau. Ada satu *brand* dipanggil *v-cold*. *V-cold* ini dengan iklan mereka, mengatakan bahawa JPJ *allowed*. Ada kelulusan. Saya ingin penjelasan sama ada ini berlaku, ada kelulusan JPJ?

Isu kedua, ada sesetengah kereta yang diimport ini yang mempunyai kegelapan daripada *factory*. *Already been tinted from the factory*, dengan izin. Jadi, saya diberitahu oleh sesetengah pemilik kenderaan, kenderaan mereka ini juga yang input dalam keadaan *factory* itu. Dalam keadaan kegelapan daripada *factory* juga ditahan oleh JPJ dalam sesetengah *road block*. So, mereka dalam dilema kerana kereta yang mereka beli dalam keadaan *original*. *Tinted* itu dalam berkeadaan *original* daripada *factory*.

Kereta-kereta yang diimport daripada Jepun, Toyota Land Cruise, Land Cruiser yang besar. Adakah ini juga terlepas pandang daripada pengimport kereta dan tidak ada kerjasama antara JPJ dengan pihak kastam dan akhirnya memberi beban kepada pemilik kenderaan? Saya ingin penjelasan dua isu ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai perkara yang pertama, sama ada JPJ ada meluluskan cermin gelap ini. Dalam keadaan yang satu, mungkin dia ada oleh sebab dia dapat kelulusan yang diberikan kepada beliau untuk menggunakan cermin gelap. Kalau tidak, saya pasti JPJ tidak akan meluluskan penggunaan cermin gelap ini kerana ia salah mengikut undang-undang.

Mengenai kereta yang dibawa masuk yang ada *tinted glass* dari *factory*, JPJ menghendaki bahawa *tinted glass* itu ditukar tetapi kalau ada yang kita lihat di jalan raya, mungkin itu dia terlepas. Ini adalah satu kefahaman di antara kastam dengan JPJ.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Kuala Terengganu ada menyentuh mengenai...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Seputeh.

Datuk Douglas Uggah Embas: Oh!!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Dia cakap banyak, tak perlu bagi jalanlah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh!! Sedikit sahaja. Mengenai MyKad yang terkandung lesen pemandu itu. Saya bangkitkan isu ini kerana kawan saya pergi memperbaharui lesen memandunya dengan membawa MyKad sahaja ke JPJ Kuala Lumpur dan permohonannya telah ditolak. Pihak JPJ kata sekarang dasar baru, tidak boleh masukkan lesen pemandu ke dalam MyKad. Jadi adalah bertentangan dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Mungkin pihak kementerian perlu menjalankan siasatan sama ada ini dasar baru hanya dilakukan oleh JPJ Wilayah Persekutuan ataupun di seluruh negeri? Kerana ada sedikit percanggahanlah. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat boleh memajukan masalah itu kepada kementerian. Nanti kita teliti dengan melihat bagaimana.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyoal sejauh manakah kelayakan memandu. Jadi pada masa ini, seseorang yang ingin mendapat lesen memandu, perlu menjalani latihan teori amali selama 21 jam minimum dan seterusnya menduduki ujian oleh penguji JPJ. Pemandu juga perlu memegang lesen percubaan selama dua tahun yang tertakluk kepada Sistem KEJARA sebelum layak mendapat lesen *competent*. Jadi kita yakin bahawa kebanyakannya yang pemegang-pemegang lesen kita adalah layak memandu.

Bukit Gantang ada menyentuh dan mencadangkan bahawa lesen pemandu motosikal had umurnya dinaikkan kepada 21 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet telah pun mencadangkan untuk menaikkan had umur lesen memandu motosikal dari 16 kepada 17 tahun. Had umur ini adalah berdasarkan kajian Universiti Putra Malaysia. Pada masa ini pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah dibuat dan akan dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang cukup hangat dibincangkan dalam Dewan ini adalah mengenai MAS dan satu perkara yang hangat, sangat-sangat membingungkan banyak pihak adalah mengenai tambang yang telah dinaikkan. Untuk makluman Dewan ini, MAS telah menjalankan penyemakan tambang bermula 21 Ogos 2006. Kementerian mengakui bahawa memang terdapat kenaikan tambang domestik MAS berbanding tambang sebelum ini. Namun demikian adalah dimaklumkan bahawa MAS kini telah memperkenalkan struktur tambang yang baru iaitu *multi-tier fares* yang mana turut menawarkan kadar-kadar tambang yang murah.

Saya telah diberi izin oleh Menteri untuk mengumumkan, membahagikan senarai tambang-tambang yang dikeluarkan oleh MAS kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya Yang Berhormat dapat meneliti dengan mendalam apakah bentuk jenis tambang yang telah diaturkan oleh MAS. Kini MAS menerima dua tambang perniagaan dan lima jenis tambang bagi kelas ekonomi. Selain itu pengguna juga berpeluang menikmati tambang ekonomi yang rendah. Maka berhubung dengan komen Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi bahawa kenaikan tambang MAS adalah mencecah 300%. Kementerian mendapati bahawa ini adalah kurang tepat.

Setelah MAS menjalankan penyemakan tambangnya kementerian mendapati bahawa tambang-tambang tertinggi MAS adalah bagi sektor Kota Kinabalu-Miri iaitu 107% dan Kuching-Bintulu ialah sehingga mencapai 88%. Namun demikian selepas Yang Berhormat Menteri mendengar aduan Ahli-Ahli Yang Berhormat ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan. MAS berbohong dengan kerajaan, dia kata 30%, 25%. Siasatan 107%, 80%, kenapa MAS boleh bohong?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya betul Yang Berhormat. Itulah kita hendak bahagikan senarai ini supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat dapat meneliti ada sektor-sektornya adalah lebih kurang misalnya Kuala Lumpur-Kota Kinabalu kalau kita *booking* gunakan Kelas Ekonomi, tambangnya adalah RM270 lebih rendah dari RM437 tambang asal. Jadi senarai ini kita akan bagi kepada Yang Berhormat...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta jalan sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh saya selesaikan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fasal bayar tambang Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, ya, saya selesaikan tambang ini. Namun demikian selepas Yang Berhormat Menteri mendengar aduan-aduan daripada Yang Berhormat pada sesi penggulungan yang lepas, kementerian telah mengarahkan pihak MAS untuk menyemak semula tambang penerbangan bagi beberapa sektor yang dikenal pasti mengalami kenaikan yang sangat tinggi iaitu sektor Kota Kinabalu-Labuan, Kota Kinabalu-Miri dan Kuching-Bintulu. MAS telah menyemak semula tambang mereka dan ini akan dilaksanakan mulai 1 November 2006.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kota Kinabalu-Sandakan pun tinggi.

Seorang Ahli: Betul, betul..., sokong

Datuk Douglas Uggah Embas: Jadi ini Yang Berhormat menunjukkan bahawa dari semasa ke semasa kita memang cari jalan bagaimana hendak menyelaras kembali tambang-tambang yang dianggapkan terlalu tinggi dinaikkan oleh MAS.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Bung sekejap Bung ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Kelmarin saya ada bertanya tentang mengapakah pihak MAS tidak boleh setanding dengan Saudi Air dalam pengangkutan jemaah haji daripada Kuala Lumpur-Pulau Pinang dan Johor ke Jeddah ataupun Madinah, kerana Tabung Haji telah berzaman-zaman bersama dengan MAS tetapi hari ini kos, mungkin perbezaan saya tidak dapat tepat, perbezaan di antara Saudi dengan MAS lebih kurang RM500. Hinggakan terpaksa kita kerana hendak menyenangkan jemaah tidak membebankan dengan kos menunaikan haji, maka saya dapati bahawa kita kena guna banyak Saudi Air daripada MAS.

Jadi apa rasionalnya sebagai penerbangan yang telah banyak Tabung Haji memberi dan insya-Allah sampai bila-bila selagi ada Tabung Haji, MAS itu akan dipergunakan tetapi MAS tidak mahu berunding.

Jadi di sini menunjukkan MAS itu dia tidak mahu berniaga. Dia mahu keuntungan tetapi tidak mahu mengurus niaga. Jadi, saya macam saya kata semalam saya berasa tidak puas hati kerana kita terpaksa menggunakan penerbangan negara lain untuk membawa jemaah Malaysia. Lagi satu saya hendak minta Yang Berhormat terangkan juga kepada saya pasal masalah warga emas yang terpaksa membuat *booking* dua minggu sebelum menaiki pesawat. Ya...

Seorang Ahli: Lapan hari.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha lapan hari. Ya minta maaf. Fakta tidak betul kerana bila saya pergi lapangan terbang pegawai yang bekerja di lapangan terbang kata saya dua minggu jadi saya tanya dua minggu. Kalau dia kata lapan hari saya kata lapan harilah. Ini pegawai yang kerja di *airport* yang mengatakan kepada saya.

Apa rasionalnya kalau penerbangan itu kosong dan orang warga emas yang menunggu ini apabila kaunter penerbangan ditutup dan masih ada lagi tempat duduk yang kosong, apa salahnya warga emas ataupun OKU diberi peluang untuk menaiki pesawat tersebut. Sekurang-kurangnya MAS ada juga untung walaupun 50% daripada kos dia. Jadi dua nilai Yang Berhormat tolonglah jawab bagi saya seronok sedikit. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta jalan sekejap sambung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Pengkalan Chepa.

Datuk Douglas Uggah Embas: Sambung, perkara sambung kah?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Hendak sambung.

Datuk Douglas Uggah Embas: Jawab dululah.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Bukan bukan sama. Ini Barisan Nasional punya.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, dia jawab dahulu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Tuan Pengerusi banyak perkara-perkara yang disentuh di Dewan ini kementerian dan kerajaan memang merasa perkara-perkara ini adalah perkara yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan. Oleh demikian maka keputusan telah dibuat bahawa ada satu mesyuarat pada 24 November ini dengan Menteri Pelancongan untuk melihat beberapa isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Termasuk juga isu warga emas bukan lapan hari Yang Berhormat dia perlu *booking* tujuh hari. Itu memang syarat yang dahulu, tetapi yang dibezakan sekarang adalah kalau dia tidak gunakan kapal terbang itu tujuh hari tidak beri notis awal dari tujuh hari tambang dia akan hilang.

Ini yang ada beberapa Yang Berhormat memikirkan tidak munasabah dan inilah kita akan timbang dan cadangan Yang Berhormat tadi kalau ada tempat kosong, kalau warga emas memerlukan tempat itu apa salah diguna. Itu juga cadangan yang baik, sekurang-kurangnya MAS dapat kutip 50% tambang daripada kerusi yang kosong tadi. Jadi semua perkara-perkara ini saya akan bawa kepada mesyuarat 24 hari bulan November yang akan dihadiri oleh Menteri Pelancongan dan Menteri Pengangkutan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, ya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta penjelasan dua perkara. Pertama sekali denda. Bila tukar tiket sahaja ada denda.

Apa kewajaran dia denda yang begitu banyak kepada penukaran tiket sedangkan kertas yang hendak ditukar itu ialah kertas biasa seperti AirAsia juga bukan tiket lain sangat, itu satu. Yang kedua, kategori katalah Kelas Ekonomi berapa persen yang tambangnya yang paling murah iaitu RM145, berapa persen yang RM170, berapa persen yang lebih mahal iaitu RM140 lebih bersekali dengan *tax airport*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Itulah antara-antara perkara yang kita akan bincang 24 hari bulan kerana dulu kalau pembatalan, kita kena denda. Sekarang tukar kena denda juga. Ini juga kita menerima maklumat dari Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak wajar, jadi kita akan timbanglah perkara ini. Kita bincang dengan MAS. Mengenai perkara yang kedua apa tadi?...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Kategori...

Datuk Douglas Uggah Embas: Oh, saya tidak ada angka. Tidak ada angka bagi kategori. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada menyentuh mengenai MSS mengapa 23 orang kakitangan MAS menerima pampasan yang seperti disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ingin saya maklum kepada Dewan ini bahawa formula *mutual separation scheme* yang dilaksanakan oleh MAS telah dipersetujui oleh semua iaitu pihak MAS, Kesatuan Pekerja MAS dan kerajaan. Oleh yang demikian, jumlah pampasan MSS yang diterima oleh kakitangan MAS itu secara hakikinya telah dipersetujui oleh semua pihak berdasarkan kepada formula yang dipersetujui. Dan ada Jawatankuasa tertentu kedua peringkat dalam MAS yang telah menapis siapa yang akan layak menerima. Jadi, bagi kita kementerian, ini tidak ada jadi isu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat? Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tanya, apakah MAS ini seperti juga AirAsia iaitu LCC? Kalau tidak, kenapa pengurusan MAS seolah-olah terikut-ikut dengan AirAsia sehingga ada orang ramai menyatakan MAS itu iaitu dia kata, "Mana Ada Sistem", sekarang ini. Bukan lagi *Malaysia Airline System*. "Mana Ada Sistem", dia kata. Jadi, kalau dia bukan berbentuk LCC atau pun penerbangan terbang murah, tidak akan dibuat percaturan perniagaan yang sedemikian iaitu kalau kita terbang jam esok dan kita tukar penerbangan ini hari pun dia kena denda juga.

Dulu tak macam ini. Kecuali kita terbang ini hari, *then* kita *delay* untuk esok hari, baru ada denda. Ini terbang esok, kita nak terbang ini petang dia denda juga. Semua dia denda. Jadi saya, kita pun orang bertanya kepada kita selaku wakil kita bertanya kepada kementerian apakah MAS ini sudah bertukar status kepada penerbangan murah. Kalau tidak, tolong bawa dalam mesyuarat 24 ini, maklumkan kepada pengurus-pengurus yang diamanahkan oleh kerajaan ini. Ini syarikat MAS bukan mereka punya. Ini milik kerajaan milik rakyat. Jadi dengar cakap rakyat.

Sebab kita yang membentuk kerajaan, bukan mereka. Kalau kita pilihan raya, kita Yang Berhormat pun tak ada dalam Dewan ini. Saya pun tak ada. Jadi jangan kerana kerenah mereka, kita menerima risiko dia. Ini minta, saya minta Yang Berhormat bawa perkara ini kepada pihak yang lebih atasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Memang kita akan bawa perkara ini dan kita daripada kementerian memang berusaha untuk menentukan apa yang telah dijalankan dapat diterima oleh masyarakat. Saya akan bawa perkara ini bagi pihak Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat bagi Sepanggar ada menyentuh mengenai kaunter jual tiket. Untuk makluman Yang Berhormat, pejabat jualan tiket di Kota Kinabalu adalah ditutup sementara. Dan kita harap dapat kita buka secepat yang kita boleh.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ada tanya tadi yang apa ini pembekalan makanan...

Datuk Douglas Uggah Embas: Tunggu, tunggu sekejap. Sabar Yang Berhormat ya. Yang Berhormat bagi Beluran juga ada mengadu mengenai masalah di kaunter MAS di lapangan terbang KK. Itu kita ambil maklum dan kita cuba, mungkin saya mungkin pergi ke KK lagi dan melihat keadaan sebenarnya. Mengenai *fuel surcharge* yang ada disentuh.

Kadar *surcharge* antara USD65 kepada RM80 bagi penerbangan antarabangsa jarak jauh dan USD20 bagi penerbangan antarabangsa jarak dekat. Kadar yang dikenakan oleh MAS ini berdasarkan pada *benchmarking* kadar *surcharge* dikenakan oleh lima pesaing-pesaing utama iaitu British Airways, Qantas, Singapore Airlines, Thai Airways dan Cathay Pacific. Namun demikian, kadar-kadar ini akan disemak semula apabila bahan bakar ada menurun...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat, yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Singapore Airlines telah menurunkan lebih kurang sebulan yang lalu *fuel surcharge*, *its goes down* USD1 lebih kurang. Berdasarkan pada harga bahan api di pasaran antarabangsa sekarang ini tetapi nampaknya MAS dia lambat sikit bertindak dalam perkara menurunkan *fuel surcharge* ini. So, kalau *benchmark* Singapore Airlines, saya ingin maklumkan bahawa Singapore Airlines telah menurunkan pada bulan yang lalu. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum pandangan Yang Berhormatlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Seperkara lagi Yang Berhormat nak maklumlah terus berkenaan...

Datuk Douglas Uggah Embas: Sekarang saya jawab mengenai barang makanan tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak, sebelum ini. Iaitu di Sandakan, kaunter MAS di lapangan terbang tidak menjual tiket. Semua membeli di pejabat MAS, di kaunter MAS di bandar. Jadi apabila orang *emergency* di bandar sekarang ini kalau pergi Sandakan Yang Berhormat tengok kalau dalam tengah hari mungkin setengah jam, satu jam baru sampai. Jadi tidak, dia kata tidak ada arahan lagi diberi kebenaran untuk menjual tiket di kaunter. Jadi kenapa jadi macam ini? Kenapa kaunter tidak boleh menjual tiket untuk pelanggan-pelanggan yang bersifat apa ini yang terbang secara *emergency*. Minta kalau boleh bawa juga semak perkara ini.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi juga sentuh mengenai MAS melantik syarikat *Gardenia Catering* di Kota Kinabalu yang dikatakan tidak mempunyai lesen halal sebagai syarikat-syarikat pembekal makanan. Syarikat ini dikatakan membekalkan makanan yang tidak halal. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa syarikat *Gardenia Catering* yang menjadi pembekal makanan kepada MAS yang tidak mempunyai sijil halal adalah merupakan satu dakwaan yang serius. Bahawa kita akan menyiasat perkara ini, bagi tahu dengan Yang Berhormat keputusan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hah, tolong bawa sebab saya telah berhubung dengan pihak agama di Kota Kinabalu. Dia kata memang tidak ada halal punya. Jadi minta, kalau boleh *suspend* serta-merta.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kita pun tidak boleh membenarkan kalau dia nak tidak ada lesen halal.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, masih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi kah?

Datuk Douglas Uggah Embas: Mengenai beberapa cadangan Yang Berhormat-Yang Berhormat mengenai penamaan penerbangan-penerbangan, itu kita akan juga mesyuarat pada 24 hari bulan. Setuju ya? Yang Berhormat dari Mambong, Yang Berhormat dari Petra Jaya ada menyentuh mengenai salah *interlining* dan *connectivity*. Untuk makluman Dewan ini, kita ada satu Jawatankuasa yang diwakili oleh kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan atau syarikat-syarikat penerbangan tempatan untuk menangani masalah-masalah yang dialami oleh sektor penerbangan domestik khususnya di Sabah Sarawak. MAS, AirAsia dan FAX telah diarahkan untuk menambah kekerapan penerbangan bagi beberapa sektor terlibat mulai 18 September ini. Ketiga-tiga syarikat juga telah diarah untuk memastikan jadual penerbangan masing-masing adalah berkesan dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat untuk memulihkan penerbangan sambungan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan akan mengadakan perbincangan dalam masa yang terdekat dengan FAX dan agensi-agensi yang terlibat khususnya mengenai masalah yang dialami oleh pengusaha pelancongan di Mulu akibat dari rasionalisasi perkhidmatan udara yang telah dilaksanakan. Mengenai penggunaan waran. Kementerian telah memberi arahan bahawa AirAsia harus mengatur sistem dia supaya dia dapat menyemak waran kerajaan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambah sikit penjelasan. Penjelasan. Satu lagi selain daripada terima waran kerajaan, kita nak juga terima senjata api untuk AirAsia.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima apa tadi?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Untuk kita boleh bawa senjata api. Sekarang dia tak terima.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ha. Okey, okey. Itu memang kita dah bincang dalam mesyuarat kerana ada beberapa sektor di negara kita, MAS tidak ada terbang. Jadi kalau AirAsia tidak dapat membawa senjata api, itu adalah satu masalah. Kita telah bincang dengan AirAsia untuk menguruskan bahawa boleh membawa senjata api, bukan kereta api.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi ada menyentuh mengenai rompakkan di zon perdagangan bebas lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang dan langkah-langkah yang diambil dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga ada menyentuh mengenai perkara ini.

Memang kita setuju peristiwa ini memang menjejaskan nama kita dan kita demikian, maka kita bukan menunggu kejadian ini. Beberapa langkah juga kita telah ambil awal hari ini.

Mengenai kejadian di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, saya tidak hendak membuat apa-apa ulasan dahulu sebelum siasatan selesai kerana saya nampak banyak cerita dalam surat khabar dan saya tidak hendak mengeruhkan lagi keadaan. Dalam masa yang sama kementerian telah meminta pihak berkuasa 'FC II' iaitu MAS Kargo di Pulau Pinang dan MAHB di KLIA untuk meningkatkan kawalan keselamatan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil di KLIA adalah seperti berikut:

- (i) menambahkan anggota keselamatan bagi pemeriksaan keluar dan masuk;
- (ii) mengeluarkan peringatan kepada semua agen penghantaran mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil bagi keselamatan premis dan *shipment* mereka;
- (iii) mengenakan pengendalian khas bagi *shipment* berharga;
- (iv) menjalankan program kesedaran keselamatan kepada semua pekerja di FCZ; dan
- (v) mendaftar pemandu dan kenderaan dan butiran-butiran disimpan dalam pangkalan data dan disalurkan kepada kawalan keselamatan. Kawalan keselamatan di FCZ Pulau Pinang dibuat oleh tiga pihak:
 - MASKargo;
 - agen penghantaran; dan
 - Jabatan kastam.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Petra Jaya, Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Sepanggar ada menyentuh mengenai masalah tambang, barang-barang di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Memang kementerian sedar mengenai masalah ini dan bagi menangani masalah ini, kerajaan telah memberi beberapa bantuan kepada pelabuhan-pelabuhan di Sabah.

Misalnya, Pelabuhan Sepanggar telah juga diberi bantuan sebanyak RM190 juta oleh Kerajaan Pusat untuk meningkatkan taraf pelabuhan tersebut. Dalam masa yang sama, satu kajian mengenai daya saing pelabuhan di Sabah dan Sarawak juga sedang dijalankan dan kita harap dapat diselesaikan dalam sebulan dua ini untuk mengenal pasti tindakan bagi membangunkan pelabuhan di sana dan menarik lebih banyak perkhidmatan perkapalan.

Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Peningkatan Daya Saing Pelabuhan di Sarawak. Usaha ini juga dilakukan untuk membangunkan industri di negeri-negeri untuk menyelenggarakan lebih banyak lagi kargo.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mewakili secara tidak rasmi Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak kerana saya diminta membentangkan kertas kerja dan masalah yang dibangkitkan. Inilah dia masalah *chargers* yang begitu tinggi di antara Sarawak dan Semenanjung.

Kalau sumber kewangan diberikan kepada *ports* ini, tetapi dalam masa yang sama *port* menggunakan sumber kewangan untuk diri sendiri tetapi tidak dipanjangkan kepada pengguna. Kepada mereka yang menggunakan kemudahan itu, dengan sendirinya sumber kewangan kerajaan itu hanya memperkayakan yang kaya dan menekankan sepanjang masa peniaga kecil-kecilan yang ingin menghantar barang-barang mereka ke Semenanjung, ke Singapura dan sebagainya.

Saya berterima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kajian telah dibuat untuk meningkatkan daya saing dan meningkatkan densiti kemasukan perkapalan ke Sarawak kerana konsep ataupun pandangan yang saya ketahui di Sarawak ialah *fast recovery* untuk infrastruktur pengangkutan ini.

Akan tetapi kalau itulah konsepnya, dengan sendirinya keuntungan tidak akan kembali kepada pengusaha tetapi kembali kepada pihak kerajaan kerana kerajaan menyediakan prasarana untuk mendapat untung. Konsep ini kalau tidak dilihat daripada *spill of effect high volume businesses*, jadi saya ingat bukan sahaja peniaga kecil-kecilan akan kerugian tetapi negeri itu sendiri akan rugi. Sejauh manakah kementerian boleh menasihati supaya mereka boleh mencontohi Tanjung Pelepas dan juga *West Port* di Semenanjung. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, saya juga berharap Yang Berhormat boleh mengatur suatu ketika kita boleh berdialog dengan DUBS negeri Sarawak untuk berbincang bagaimana usaha bersama dapat mengatasi masalah ini tetapi seperti yang telah saya sebutkan tadi, kita ada suatu Jawatankuasa Daya Saing Pelabuhan-pelabuhan Negeri Sarawak dan matlamatnya adalah untuk mencari jalan bagaimana hendak meningkatkan prestasinya dan juga untuk menyelesaikan beberapa masalah yang telah dihadapi oleh pelabuhan-pelabuhan di negeri Sarawak.

Misalnya suatu ketika di Kuching, kita tidak dapat perkhidmatan kastam 24 jam. Inilah satu usaha atau masalah yang dihadapi waktu itu dan perkara ini sudah juga kita selesaikan. Kita berharap dengan perjumpaan, dengan kefahaman dan sekarang kita nampak kerjasama di antara pelabuhan-pelabuhan di negeri Sarawak cukup rapat dan cukup baik. Dengan ini saya harap mereka dapat mencari apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pelabuhan-pelabuhan, PTP dan *Port Klang* yang dapat dikongsi bersama supaya masalah tambang yang mahal itu dapat diselesaikan dengan penambahan kargo ke negeri ini.

Yang Berhormat bagi Langkawi minta kementerian supaya menyediakan bot bagi membawa orang sakit dari Langkawi ke Kedah untuk rawatan memandangkan feri penumpang tidak dapat memberi perkhidmatan. Untuk maklumat, beliau juga meminta Jabatan Laut supaya menyemak bot-bot belayar di Langkawi ke pulau-pulau yang berdekatan untuk keselamatan dan jangan menyemak di laut.

Dua perkara, perkara A – Pihak Jabatan Laut sedang membina tujuh buah bot ambulans di Rancangan Malaysia Kesembilan di mana akan siap dibina pada bulan September 2007. Bot-bot ini akan ditempatkan di pulau-pulau termasuk di Pulau Langkawi yang memberi perkhidmatan kepada penumpang-penumpang pesakit. Tempat penempatan tujuh buah bot tersebut ialah di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Pulau Ketam, Pulau Redang, Pulau Tioman, Pulau Labuan dan Pulau Kapas.

Sementara menunggu bot-bot itu siap, pada ketika ini feri-feri yang beroperasi di antara Pulau Langkawi telah memberi kerjasama di dalam menyediakan perkhidmatan ambulans tersebut. Jabatan Laut akan berbincang dengan pengusaha feri bagi memastikan perkhidmatan dapat diberi dengan serta-merta bagi mengelakkan kesulitan.

Mengenai pemeriksaan bot-bot, petugas Jabatan Laut dapat belayar ke sesatu tempat. Bagi pelesen jurumudi pula, hanya orang yang telah menjalani peperiksaan dan lulus dengan Jabatan Laut sahaja dibenarkan membawa bot-bot kecil penumpang. Pihak jabatan sering menjalankan pemeriksaan bagi memastikan setiap bot kecil dan jurumudi mempunyai lesen sebelum dapat beroperasi.

Yang Berhormat bagi Mambong bertanya mengenai *stockpile* untuk mengelak pencemaran laut oleh kapal di negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, projek *stockpile* yang melibatkan komponen gudang-gudang telah pun siap dibina pada 1 Oktober 2003. Gudang *stockpile* tersebut bertempat di Muara Tebas di Kuching, Bintulu dan Kuala Baram di Miri. Gudang-gudang tersebut adalah untuk menempatkan peralatan kawalan pencemaran minyak dan bahan kimia. Sementara itu bagi pembinaan Kompleks Respons dan Melawan Tumpahan Minyak di Bintulu, projek ini akan dibawa ke dalam projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dilaksanakan pada bulan Disember 2007.

Yang Berhormat bagi Jasin ada bertanya mengenai adakah projek pengorekan termasuk Pelabuhan Kuala Linggi, malangnya tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Tebrau, ada mohon dua buat jeti dan kami ambil maklum. Tiap-tiap satu ini tidak masuk di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Jasin juga bertanya mengenai cek di bawah MSO 1952, Jabatan Kastam mengeluarkan pelepasan pelabuhan selepas mendapat pengesahan daripada agensi-agensi seperti Jabatan Laut, Jabatan Imigresen dan seterusnya.

Yang Berhormat bagi Tanjung ada bertanya apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah Tanjong City Marina di Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pengorekan dan penyelenggaraan dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan Tanjong City Marina boleh sentiasa digunakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pengorekan, penyelenggaraan, baru siap pada 16 November 2006. Pengendali Tanjong City Marina iaitu Penang Port Sdn. Bhd. sedang giat menjalankan aktiviti promosi bagi menarik kunjungan kapal-kapal layar asing serta pengguna. Mengenai cadangan Yang Berhormat tadi, kita akan ambil maklum berkenaan pertukaran nama.

Akhirnya, Yang Berhormat bagi Bagan minta kementerian menimbangkan semula cadangan menggunakan bot laju dan juga status pembinaan Kompleks Perhentian Bas Butterworth.

Untuk makluman Yang Berhormat, Penang Port sedang membuat kajian semula mengenai *the viability*, dengan izin, projek ini ekoran daripada keputusan kerajaan membina jambatan kedua Pulau Pinang. Bagi Kompleks Perhentian Bas Butterworth masih lagi dalam peringkat perancangan oleh Penang Port Sdn. Bhd. Berhubung dengan soalan penukaran pemaju untuk projek kompleks perhentian bas ini kita akan dapat lanjut daripada Penang Port Sdn. Bhd. Dengan itu, Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ada bangkitkan mengenai KTM...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: KTM.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: AirAsia, Tabung Pembangunan Pengangkutan ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penang Airport..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: RapidKL.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, satu persatu!

Datuk Douglas Uggah Embas: Satu persatu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan tiga orang berucap sekali.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: KTM...

Datuk Douglas Uggah Embas: Apa, KTM?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai penggunaannya dari Rawang ke Ipoh, bilakah ia akan siap dan apakah terjadi kepada setinggan-setinggan? Adakah pampasan telah dibayar? Berapa yang telah dipastikan di antara Sungkai, Ipoh, Batu Gajah dan *Rifle Range* di Ipoh? Secara spesifik saya ada bangkitkan mengenai perkara itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kita sudah jawab tadi, Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ada di sini - saya ada di pejabat. Saya ada dengar tetapi jawapan tidak dibuat mengenai perkara tersebut.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Specifically, no.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Specifically* mengenai setinggan-setinggan, tidak ada angka-angka. Boleh tolong bagi?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya ada jawapannya di sini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, bagi. Tengok. *You read again.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau sudah jawab tidak perlu baca sekali lagi. Dia sudah jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belum jawab soalan saya. Saya rasa apa yang saya timbulkan adalah penting.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang kita tidak dapat jawab, kita akan ambil perhatian dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas sokongan kepada kementerian. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham ataupun tidak tangkap...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Lari dari tanggungjawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti, nanti. Tentang Lapangan Antarabangsa Bayan Lepas di mana kelemahannya membolehkan pemegang *passport* palsu menggunakan *airport* itu untuk melepasi kepada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat tidak payah ulang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa mereka tidak faham. Timbalan Menteri tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini sudah dijawab?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belum jawab! Saya rasa dia tidak faham perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak jawab bukannya tidak faham, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya jemput Timbalan Menteri pergi ke *airport* dan tengok sendiri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey. Baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Biar saya tengoklah, Yang Berhormat. Ada satu yang saya ingin betulkan. Tadi semasa Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berucap, dia ada sebutkan menteri tidak ada.

Jadi, saya memang ada menyatakan dia akan sampai tetapi tidak bermaksud menteri akan datang menjawab. Ini saya hendak betulkan. Saya akan betulkan, saya tidak bermaksud.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM778,297,300 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM778,297,300 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,750,400,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,750,400,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.29 [Jadual] -
Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.29 dan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Serdang, sila.

4.13 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 09100 - Rancangan Bekalan Air Selangor.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan, kata apa?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sila catat orang-orang yang berdiri dulu. Kalau tidak nanti orang yang lambat masuk dia dipanggil dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti dipandang oleh *Speaker*.

Seorang Ahli: Betul, betul. Baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak baik takkan Yang Berhormat pilih duduk di sini. Baiklah, Yang Berhormat Serdang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, selepas pengumuman kerajaan menaikkan tarif air di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor, reaksi lapisan masyarakat terhadap kenaikan kadar tarif air ini pelbagai pandangan dan ulasan tetapi majoritinya mendesak pihak SYABAS supaya untuk mempertingkatkan lagi kualiti air dan juga untuk memberi cukup bekalan air kepada rakyat di kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dapat dikotakan. Komitmen ini telah diberi dan sepatutnya dikotakan selepas kenaikan tarif air ini.

Saya pernah menghantar surat yang juga membangkitkan masalah meter pukal, empat meter ini berkaitan dengan rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium di mana mereka sedang menghadapi kerumitan berkaitan dengan 'bulk meter' itu. Ini supaya pemasangan empat meter itu digantikan dengan meter individu. Sebenarnya kerajaan dan SYABAS telah bersetuju pada dasarnya untuk mengkaji semula kaedah supaya meter pukal atau bulk meter itu digantikan dengan meter individu. Selepas pengumuman kenaikan tarif air ini, SYABAS juga mengumumkan bahawa meter individu di rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium akan dilakukan.

Maka itu, saya minta pihak kementerian atau SYABAS supaya memberitahu garis panduan atau peraturan cara mana untuk menjalankan permohonan daripada penghuni-penghuni rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium untuk mendapat meter individu supaya dapat mengatasi masalah yang dihadapi masa kini.

Ini kerana beribu-ribu rakyat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium ini memang menghadapi masalah bulk meter yang dibaca sepanjang masa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh dengan cadangan projek penyaluran air mentah dari negeri Pahang dan Selangor yang telah disuarakan begitu lama..., berapa tahun lamanya tetapi sehingga kini masih tidak dapat satu keputusan sebenarnya. Kenyataan-kenyataan atau hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Negeri Selangor serta kementerian yang pelbagai reaksinya terhadap cadangan tersebut, yang menghasilkan kekeliruan kepada rakyat di Selangor.

Walau bagaimanapun, perkara ini penting. Cadangan projek penyaluran air mentah dari negeri Pahang ke negeri Selangor adalah merupakan satu punca yang penting kepada Selangor bagi mengatasi kekurangan bekalan air yang mungkin akan berlaku pada tahun 2009. Saya tidak tahu, tetapi saya mendapat satu jawapan daripada kementerian pada 27 Jun 2005 yang telah menyatakan bahawa, "kalau tidak ada langkah yang diambil, maka Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mengalami kekurangan air pada tahun 2008".

Ini satu kenyataan sebenarnya yang dikeluarkan, yang diberikan dalam Dewan yang mulia ini melalui kementerian itu. Walau bagaimanapun ini merupakan satu kenyataan...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik mengenai perkara air ini. Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations* menganggap bahawa krisis air ini akan menjadi punca Perang Dunia Ketiga. Di Cameron Highlands pekebun-pekebun sudah pun bergaduh kerana air. Kedah dan Pulau Pinang sudah bertengkar pasal air. Singapura dan Malaysia pun sudah bergaduh pasal air. Saya rasa sekiranya tidak ada satu perancangan mengenai pengagihan air antara negeri dan menjaga punca-punca ini Malaysia akan menghadapi krisis air yang cukup serius kerana pembangunan yang tidak dapat ditangani. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai hal ini? Tidak cukup pada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara dasar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak dasar. Pasal ini ada kaitan dengan butiran yang dibincang..., dan apa perancangan? Isu ini sudah lama dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang ini. Lama. Sudah banyak kali disuarakan tetapi ini tetap yang sama juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya memang setuju pandangan daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands itu iaitu pentingnya pengagihan, air ini penting untuk negara kita ini. Sebab itu di negeri Pahang ke negeri Selangor...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Baru-baru ini pun, saya minta ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Belum lagi. Ada dua perkara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya minta pihak kementerian untuk memberi satu gambaran atau maklum balas yang sebenarnya berlaku, apa jadinya projek di sini. Bilakah pelaksanaan projek ini supaya dapat mengatasi kekurangan air di negeri Selangor.

Tuan Pengerusi, saya minta satu perkara, *postcode* di setengah-setengah kawasan telah menghasilkan kekeliruan kepada penduduk tersebut. Seperti di kawasan saya, Bandar Damai Perdana Cheras dan Taman Sri Bahagia Cheras, di antaranya terdapat 24 taman perumahan yang berdekatan dengan sempadan Wilayah Persekutuan tetapi *postcodenya* telah digunakan 56000 Cheras, ertinya di bawah kawasan Wilayah Persekutuan, di mana telah mengelirukan rakyat di situ. Dengan demikian, anggapan rakyat di kawasan ini mereka adalah dalam Wilayah Persekutuan. Oleh kerana itu, Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengambil pengundi-pengundi dari kawasan saya masuk ke Wilayah Persekutuan. Ini kerana *postcodenya* telah di letak di bawah Cheras.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, perkara yang ketiga.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang ketiga, sebab itulah saya minta *postcode* seperti yang berlaku di Balakong. Jadi, kaji semula *postcode* ini untuk memberi kemudahan rakyat di kawasan tersebut dan minta dipertingkatkan lagi kaunter-kaunter di pejabat pos Bandar Damai Perdana dan juga Balakong, di mana tidak cukup kaunter untuk memenuhi pelanggan-pelanggan yang datang ke pejabat pos tersebut. Saya minta dikaji semula supaya dapat menambah lagi kaunter-kaunter di pejabat tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah rizab talian perantaraan voltan tinggi TNB. Banyak lagi bangunan-bangunan yang tinggi telah didirikan di atas rizab tanah ini. Walau bagaimanapun, saya tidak tahu apa dasarnya. Apa sebab pihak TNB boleh membiarkan bangunan-bangunan tinggi yang mungkin akan menjejaskan keselamatan pada masa akan datang. Saya tidak tahu apa dasarnya, apa tindakan akan diambil untuk memberi satu kemudahan yang lebih baik selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor untuk menghapuskan masalah setinggi, masalah kilang-kilang haram dan juga gerai-gerai haram untuk mengatur semula. Kawasan di bawah talian ini perlu juga mengaturkan semula supaya tidak ada lagi bangunan-bangunan yang begitu tinggi yang telah mengganggu ...

Akhirnya Tuan Pengerusi saya minta satu perkara penting. Saya telah mohon membuka sebuah kedai telekom, sekarang di panggil TM Point di Serdang. Saya kemukakan permohonan pada tahun 2000 dan dapatkan satu surat daripada Telekom menyatakan Kedai Telekom akan dibuka pada tahun 2001 di Serdang. Selepas itu saya difahamkan lagi pada tahun 2002 Telekom telah memaklumkan kepada saya kedai Telekom di Serdang akan dibuka pada tahun 2002... [Ketawa]

Selepas itu, pada tahun 2005, di Dewan ini, saya tanya, pihak kementerian menyatakan memang kenal pasti kawasan dan akan dibuka TM Point pada tahun Disember 2005, tetapi sehingga kini masih belum ada lagi. Apa sebabnya janji itu tidak dapat dikotakan di mana akan memberi satu perniagaan besar kepada Telekom di kawasan Serdang ini. Apa sebabnya berlaku demikian, 2001 hingga 2005 masih belum dikotakan perkara ini. terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

4.24 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk berucap di dalam kepala B.29 - Perbelanjaan, Butiran 09100 - Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor.

Izinkan saya mengemukakan laporan akhbar daripada akhbar *The Star* bertarikh 19 November 2006 yang menyatakan bahawa Syarikat Bekalan Air Selangor Berhad atau SYABAS, tidak akan memperbaiki paip yang bocor di negeri Selangor, Kuala Lumpur mahupun Putrajaya pada masa hadapan. Alasan yang diberikan oleh SYABAS adalah kerana terbabit dalam satu kes yang sedang di dalam perbicaraan di mahkamah yang tidak membenarkan syarikat tersebut untuk membeli bekalan paip yang baru. Bukankah ini merupakan satu ugutan kepada tujuh juta pengguna dan pelanggan SYABAS di Lembah Klang yang bergantung sepenuhnya kepada syarikat tersebut untuk mendapatkan bekalan air.

Malah lebih membimbangkan kerana ini juga merupakan satu ugutan kepada mahkamah, yakni jika keputusan mahkamah tidak memihak kepada SYABAS ataupun kalau mahkamah tolak permohonan injunksi oleh SYABAS maka saluran paip air di seluruh Lembah Klang tidak akan diganti atau diperbaiki.

Saya kesal dengan sikap syarikat swasta yang telah diberi konsesi projek ini. SYABAS sepatutnya memberikan perkhidmatan yang profesional dan efisien kepada masyarakat. Bukankah ini adalah rasional yang seharusnya diberi penekanan di dalam projek penswastaan di negara ini. Tambahan pula SYABAS bukan sahaja mendapat kontrak bekalan air tetapi juga diberi kemudahan pinjaman dan geran yang berjumlah RM3 bilion oleh kerajaan.

SYABAS juga telah diberi hak untuk menaikkan tarif air sehingga 15% pada bulan Oktober yang lalu. Ini tidak termasuk dengan pampasan berjumlah RM152 juta yang telah dibayar kepada SYABAS kerana tidak dapat menaikkan tarif air pada awal tahun ini. Saya dengan ini menggesa agar Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bersikap tegas di dalam hal ini. Kementerian hendaklah berani menegur sikap angkuh syarikat SYABAS ini. Malah saya juga mencadangkan Yang Berhormat Menteri mengkaji semula perjanjian konsesi yang telah diberikan kepada syarikat SYABAS ini. Syarikat ini telah dengan jelas tidak menunaikan kewajipan utama perjanjian, iaitu:

- (a) membekal bukan setakat air tetapi air yang bersih; dan
- (b) memperbaiki dan menyelenggara kelengkapan bekalan air.

Dalam Butiran 11200 - Penyaluran Air Antara Negeri. Perbelanjaan sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan. Projek Penyaluran Air Selangor-Pahang iaitu satu projek yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sehingga hari ini masih belum dilaksanakan. Baru-baru ini Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah mengumumkan bahawa satu proses tender antarabangsa akan dijalankan tahun hadapan untuk projek yang bernilai RM3 bilion ini. Antara rasional di sebalik projek ini adalah kerana kerajaan telah menyatakan bahawa negeri Selangor akan mengalami kekurangan air pada tahun 2007.

Akan tetapi apa yang jelas ialah hampir setiap hari Lembah Klang dilanda hujan dan banjir, sungai dan empangan di negeri Selangor kerap kali penuh sehingga melimpah keluar. Bukankah lebih efisien jika kita menggunakan perbelanjaan yang di peruntukkan bagi membersihkan sungai-sungai dan empangan-empangan daripada membina satu lagi projek gajah putih. Bukan itu sahaja, kita terpaksa memohon pinjaman dari negara Jepun di mana antara inti pati perjanjian pinjaman terbut ialah kita hendaklah mengambil juru perunding dan pakar-pakar kejuruteraan dari negara tersebut.

Mengikut satu kajian, dengan izin, "*A Situation of Appraisal and Possible Action at the Committee Level*", yang ditulis oleh Haji Datuk Kahizrul Abdullah 1998, Pengarah Jabatan Irigasi dan Pengaliran telah menyatakan bahawa, dengan izin, "*The prevalence preference for expending supply to meet demand has led to investments in infrastructure that could have been avoided or postponed and that had increase the pressure on water depended ecosystems.*" Ia terdapat dalam muka surat 5.

Kertas kajian ini juga menyatakan strategi penawaran dan permintaan, *supply and demand*, yang sedia ada tidak memuaskan dan tidak mempunyai daya tahan atau *sustainable*, dengan izin, untuk jangka masa panjang. Pembinaan empangan yang baru atau pembinaan sistem penyaluran air dari negeri-negeri bukanlah penyelesaian bagi masalah bekalan air.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan mengenai Butiran 70021, iaitu Kajian Pembentukan Tarif Air yang berjumlah RM10 sahaja. Jika kita mengikut apa yang dicatatkan di muka 381, soalan saya ialah adakah kajian tersebut telah tamat dan bilakah keputusan kajian tersebut akan dibentangkan di Parlimen ini. Apakah keputusan dan cadangan yang dikemukakan untuk menangani masalah bekalan air di negara ini termasuk analisa proses dan akibat penswastaan yang telah dijalankan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat bagi Bagan, terpancang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat bagi Bagan, jangan tegur ya.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, Butiran 030000. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bahawa keadaan bekalan air di Selangor, Putrajaya dan juga Wilayah Persekutuan, satu keadaan kita boleh dibenarkan, teruskan. Bagaimana bahawa oleh kerana satu pertikaian antara SYABAS dan satu Syarikat 'JAKS' oleh sebab adalah *concession* 10 tahun diberi kepada PUAS, *listed company* mengenai pembekalan paip bahawa sekarang 3,000 isi rumah di Jalan Melawati apabila ada masalah mengenai *breakdown*, sistem *piping* tidak ada diperbaharui. Kenapa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang ambil alih semua rancangan air membenarkan perkara ini diteruskan.

Kita ada bahaskan dalam Dewan yang mulia ini mengenai SPAN, mengenai perkhidmatan industri air, tetapi ini kenapa antisosial *profiteering* yang sangat tidak bertanggungjawab di mana pengguna-pengguna menjadi mangsa. Saya harap bahawa perkara ini kementerian berkenaan patut ambil tindakan. Sebenarnya apabila baru-baru ini Yang Berhormat Menteri mengumumkan kenaikan 15% tarif air dan bayaran pampasan RM152 juta kepada SYABAS, *coalition* mengenai air dan MTUC ada memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengumumkan laporan umum *Auditor* bersama dengan perjanjian sepakat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, bersama SYABAS supaya boleh dapat sama ada justifikasi ada sebab untuk mempertahankan kenaikan tarif itu.

Akan tetapi sekarang kenapa tidak ada reaksi dan respons daripada kementerian kalau kementerian ini satu kementerian yang bertanggungjawab, mana suara air *the water voice*, *water forum* di mana pengguna-pengguna ada peluang untuk kemukakan pandangan mereka mengenai perkhidmatan air? Kita lulus dengan cepat undang-undang tetapi *where is the water forum*, tetapi harga tarif naik tanpa satu perundingan satu perbahasan, dan bukankah ini akhirnya menunjukkan bahawa Syarikat SYABAS sebagai semua *concessionaire*, semua NEP Putra mendapat kedudukan yang khas dan bukankah ini tidak lagi satu contoh di mana keuntungan-keuntungan diswastakan tetapi kerugian *dinationalize*kan.

Di sini saya mahu bertanya bukankah benar bahawa kenaikan tarif itu tidak munasabah dan syarat-syarat mengenai kenaikan tarif itu pun tidak munasabah. Bukankah benar bahawa dalam laporan *annual* Puncak Niaga menunjukkan bahawa ada lima orang *executive director* dan dua non *executive director* yang dibayarkan semua imbuhan RM6.9 juta dan seorang *executive director* dibayar antara RM2.1 juta kepada RM2.2 juta. Lagi seorang *director* dibayar RM1.1 juta kepada RM1.2 juta. Akhirnya naik tarif dan kalau inilah tidak ada *cap* kepada *remuneration*, kepada semua *Executive Directors* Puncak Niaga ini, apa segi kenaikan kadar air pun tidak cukup. Saya harap bahawa kementerian yang berkenaan boleh menunjukkan transparensi untuk mengumumkan *auditor general report* yang menunjukkan bahawa SYABAS adalah sebab yang boleh memberi justifikasi untuk kenaikan tarif itu.

Kedua, mengenai rancangan yang ada untuk memulakan rancangan memindah air daripada Pahang ke Selangor, RM3 bilion projek. Adakah laporan-laporan yang semua ada dibuat termasuk EIA dan akan diumumkan supaya masyarakat-masyarakat dan mereka yang prihatin dalam perkara ini boleh ada peluang untuk kaji perkara ini, sama ada masalah flora fauna akan diberi perlindungan, masa depan Orang Asli dalam tempat yang berkenaan pun akan dapat dipelihara, dijaga, dipertahankan dan sama ada satu alternatif, *sustainable study* ada dibuat bahawa kalau tidak ada rancangan RM3 bilion ini untuk memindah air, *supply* air daripada Pahang ke Selangor, adakah alternatif lain?

Saya harap bahawa kita dalam perkara ini pun ada satu pendekatan yang terbuka, yang adil. Mengenai *broadband*, satu perkara yang sangat penting kalau negara kita mahu *cutting edge of information society* dan menghadapi cabaran globalisasi, kenapa kita begitu lambat? Begitu lambat apabila banding dengan negara-negara lain? Tidak mahu sebut kita apabila mula dengan Program Malaysia *Multimedia Super Corridor*, kita antara yang ke depan tetapi sekarang belakang daripada Singapura daripada *South Korea*, kalau tidak silap sekarang kita barulah 9% isi rumah yang ada *broadband* apabila banding dengan Singapura, 57.4%, *South Korea* 85.1% isi rumah *household*.

Sungguhpun kita dengar bahawa ada rancangan *five year plan broadband* supaya Malaysia boleh di barisan depan dalam pembangunan *broadband*, tetapi macam semua rancangan di bidang yang lain akhirnya *all noise* dan tidak ada hasil. Akhirnya saya harap bahawa dalam komunikasi bahawa kita boleh terus mengadakan satu *approach and tolerant* bahawa jangan lupa kita ada MSC, *Multimedia Super Corridor, bill of guaranty*. Sungguhpun ada usaha-usaha, cadangan-cadangan untuk menyekat untuk *cancel internet*, bahawa ini tidak patut dibenarkan kalau kita tidak mahu lagi *fall back*, jatuh ke belakang dalam *competition* di *international competitiveness continue to lose our edge*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

4.39 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Pembangunan 29, saya akan bercakap bagi Butiran 70005 - Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar. Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian dan kepada kerajaan kerana memberi peruntukan bagi mengadakan perkhidmatan ini, bagi penduduk luar bandar kerana saya merasakan perkara ini sangat penting kerana dia dapat merapatkan jurang digital di antara penduduk-penduduk luar bandar dengan penduduk-penduduk di bandar. Jadi persoalannya di sini ialah, sejauh manakah perkara ini dapat dilaksanakan dengan cepat dan juga tempat-tempat untuk melaksanakan perkara ini. Sebagai contohnya di dalam kawasan saya ada beberapa tempat yang telah dilaksanakan. Mungkin pusat perkhidmatan ini ataupun mungkin perkara yang lain tetapi dia ditumpangkan di pusat kesihatan ataupun poliklinik komuniti.

Akan tetapi penggunaannya agak terbiar kerana tidak ada siapa yang menjaga secara jelas. Jadi apa yang kita harapkan usaha kerajaan yang baik ini perlulah dilaksanakan dengan betul dan pastikan sekiranya ada pusat-pusat perkhidmatan yang sedemikian bukan sahaja pusat atau komputer-komputer ditempatkan tetapi mereka yang bertanggungjawab untuk mengawal selia komputer-komputer ini perlu juga diadakan. Jadi dengan cara ini, kalau berlaku sebarang kerosakan dan sebagainya, dapatlah diperbaiki dengan cepat dan tidaklah terbiar begitu sahaja.

Dan yang keduanya, apabila kita telah melaksanakan pusat-pusat begini, kita harap hebahan kepada penduduk-penduduk dibuat antaranya ialah papan tanda mesti ada dan sebagainya. Kalau tidak penduduk tidak tahu dan mereka tercari-cari terutama penduduk-penduduk kampung ataupun anak-anak muda yang ingin mencari pekerjaan dan sebagainya kerana sekarang ini banyak permohonan dan sebagainya memang dibuat di dalam talian. Jadi saya harap perkara ini dapat dipercepatkan dan proses pelaksanaannya haruslah betul supaya hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang digital ini dapat dilaksanakan.

Keduanya, saya hendak menyentuh Butiran 08100...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Menyampuk]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Ha? Ketiga dah, dua baru... [Ketawa]

Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Kita tadi banyak mendengar kalau lihat ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan tentang bekalan air daripada Pahang yang hendak disalurkan ke negeri Selangor. Saya sebenarnya terpanggil untuk mengatakan bahawa di negeri Pahang juga banyak masalah dari segi perkhidmatan bekalan air ini terutamanya untuk mengganti paip-paip yang telah lama. Jadi sekarang ini ada tempat yang ada paipnya diganti tetapi lojinya tidak diganti. Paip diganti tetapi lojinya tidak diganti, jadi ada juga tempat di mana lojinya baru tetapi paipnya, paip lama. Jadi bila tekanan air yang kuat menyebabkan paip-paip ini pecah dan tidak sampai kepada pengguna.

Jadi apa yang saya harapkan sebelum kita melaksanakan program pemindahan air itu daripada negeri Pahang ke Selangor, bekalan air bagi negeri Pahang itu harus diperbaiki dahulu. Jadi kalau tidak nanti, kera di hutan disusukan, anak dalam kendong kelaparan. Jadi saya harapkan perkara ini diambil perhatian oleh pihak kementerian. Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya terpanggil juga apabila disebut paip-paip lama sebab ini saya dah utarakan pada sidang lepas mengenai dengan paip-paip lama yang telah diperuntukkan oleh pihak kementerian kepada Pantai Timur, Pahang, Terengganu dan juga Kelantan. Dan peruntukan itu saya lupa statistiknya, saya tidak bawa tadi. Kita hendak tahu dan rakyat ingin tahu sejauh manakah pelaksanaan telah dijalankan mengenai peruntukan-peruntukan yang telah disediakan sebab terdapat banyak kawasan terutamanya di Kuala Krai, di Kelantan masih paip lama tidak diganti. Sejuah manakah pelaksanaan ini?

Dan saya rasa Lipis pun termasuk dalam kawasan Pantai Timur yang telah diumumkan oleh Menteri sendiri pada sidang yang lepas. Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Lipis?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Jadi saya memasukkan dalam ucapan saya kerana bagi saya perkara itu sangat penting walaupun Kelantan diperintah oleh orang lain, tetapi kesejahteraan rakyat itu memang menjadi hasrat kerajaan Barisan Nasional. Jadi tidak mengiralah sama ada orang lain memerintah, orang asing ke yang memerintah, tetapi kesejahteraan rakyat itu memang penting bagi kerajaan Barisan Nasional. Jadi dari segi air itu juga, saya terpanggil juga untuk membincangkan tentang sejauh manakah ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ...Nanti saya habis dulu ya dari segi ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang paip air Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sekejap lagi, saya bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ya. Jadi sebagai menggulung saya hendak mengatakan bahawa sekarang ini telah diumumkan banyak kali rasa saya perbincangan tentang membawa bekalan air daripada Pahang ke Selangor ini. Jadi kesannya penduduk-penduduk yang terlibat sekarang ini mungkin akan kurang motivasinya. Mereka hendak membaiki rumah, mereka terfikir bahawa kawasan mereka akan ditenggelami air. Mereka hendak bertanam semula kerana ada kawasan FELDA di sana dan kawasan pusat pertumbuhan desa dan sebagainya, jadi mereka selalu berfikir kawasan mereka akan tenggelam tetapi bila tidak tahu, jadi ini memberi kesan yang besar terutama dalam pembangunan generasi yang akan datang. Jadi kita mintalah pihak kementerian tegaskan, bagi penegasan supaya benda ini dibuat betul-betul. Hendak bagi kah...?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Okey, kalau Tuan Pengerusi dah bagi cukup. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong. Ringkas ya Yang Berhormat supaya semua dapat berucap.

4.46 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya memang sentiasa ringkas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, banyak bagus.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tiap-tiap arahan daripada Tuan Pengerusi saya sentiasa akur dan sentiasa ringkas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teladan yang baik, digalakkan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang ganggu itu Seputeh lah.

Saya rujuk kepada Butiran 70001 - Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Hendak tanya satu persoalan sahaja. Timbalan Menteri, berapa banyakkah duit dalam tabung yang ada sekarang? Minta jawapan pegawai belakang, jangan lupa, mesti kena jawab ini.

Sebab kita dah lama tubuh tabung ini, tidak tahu apa yang berlaku. Prasarana untuk di luar bandar khususnya Sarawak dan Sabah masih belum memuaskan. Bahkan di Semenanjung ini kalau kita gunakan LRT daripada KLIA sampai ke Kuala Lumpur Sentral, masih banyak tempat-tempat yang boleh dikatakan *blind spot* dengan izin. Jadi kenapa..., apa yang berlaku? Apa masalah pihak pembekal prasarana ini dan kenapa pula ini dibiarkan berlaku sedemikian? Kenapa di luar bandar dibiarkan begitu sahaja dan apakah tindakan yang khusus dibuat oleh pihak pengurus tabung pemberian perkhidmatan sejagat ini? Terima kasih, itu soalan yang pertama Tuan Pengerusi.

Yang kedua, soalan *penetration* ini, tadi saya bukan hendak setuju dengan ketua pembangkang, tapi persoalan ini kita bangkit sudah berapa lama dah, cerita kita ini. Jadi hingga sekarang kita belum boleh mempertingkatkan, adakah masalahnya komputer kita mahal, adakah *chargers* kita mahal, adakah *fees* kita mahal? Dan apa sahaja benda-benda yang itu, saya minta perbandingan di antara kita, jangan banding dengan orang yang mahal banding dengan Malaysia, cari orang yang lebih maju, orang yang lebih ke hadapan. Kalau kita sebut kita banding dengan negara yang mahal, nampaknya kita eloklah. Negara kita maju, negara kita kaya, negara kita berkemampuan, kenapa kita tidak boleh membuat *penetration* ini lebih cepat sikit. Oleh kerana asas pendidikan ini, pengetahuan, keilmuan ini ada dalam ciri-ciri internet dan komputer dan telekomunikasi ini.

Dalam 70015 - Promosi Penggunaan Infrastruktur Jalur Lebar. Walaupun disebut jalur lebar, saya hendak bercakap dalam soal penghayatan, penggunaan. Kita dah cerita soalan multimedia super koridor ini bertahun-tahun dah, tetapi kalau kita pergi ke tempat-tempat lain, penggunaannya di masyarakat umum, kita tidak tahu pun apa yang berlaku sebenarnya. Jadi orang kata berapa ratus syarikat, berapa ribu keuntungan, berapa bilion *turnover* dia, semua orang sebut tetapi penghayatan di Malaysia ini tidak ada langsung. Jadi ini isu dibangkitkan pada tahun 1990 di Amerika, seorang penulis profesor dari Harvard menulis buku bernama "*Vision 2020*", memberi perbandingan di antara Amerika dengan Jepun.

Bagaimana penghayatan di Jepun dan bagaimana pula penghayatan di Amerika. Di mana profesor ini mengatakan bahawa penghayatan penggunaan telekomunikasi ini GPA..., dan sebagainya ini adalah jauh rendah kalau di banding dengan pihak Jepun tetapi kalau kita pergi ke Amerika pada tahun 2000, sepuluh tahun selepas itu kita lihat kalau kita pergi ke hotel hendak tahu tempat mana umpamanya rumah menteri, dia *press button* sahaja GPA sudah tunjuk jalan, *maps* semua sekali dalam masa tiga minit kita boleh dapat *maps*, dapat alamat, kita boleh dapat semua informasi-informasi berhubung dengan pergi ke tempat itu.

Akan tetapi di sini, kita sudah cakup 20 tahun sudah, tidak pernah buat. Sepatutnya apabila kita bermula akhir, perjalanan pembangunan kita belajar daripada pengalaman orang lain sepatutnya jauh lebih cepat daripada mereka yang memulakan idea penggunaan telekomunikasi ini. Jangan telekomunikasi ini jadi satu bahan sebutan sahaja rakyat Malaysia tidak mengetahui pun penggunaan dan penghayatannya dalam masyarakat, pentadbiran masyarakat, bahkan komunikasi di antara jabatan pun belum kita buat. Perhubungan di antara jabatan-jabatan yang relevan untuk mengusahakan pekerjaan mereka pun belum dibuat dengan sempurna.

Jadi banyak, bahkan ada *complain* dalam surat khabar yang saya bacakan bahawa kerajaan sudah membelanjakan beratus-ratus juta *purpose computerization* tetapi ada pegawai kita pun tidak tahu macam mana hendak komputer, macam mana hendak guna internet, macam mana hendak membuat perhubungan, ini semua tidak tahu. Jadi akhirnya kita kerugian bukan sahaja dari segi sumbernya tetapi juga dari segi penggunaan dan perbelanjaan kerajaan.

Jadi saya hendak bertanya macam manakah, manakah visi kementerian ini supaya jabatan kerajaan, kementerian boleh menggunakan seberapa cepat yang mungkin apa yang dikatakan kemudahan komunikasi. Kerana kemudahan komunikasi ini saya tidak sebut ICT.

ICT itu industri dia sendiri tetapi kemudahan yang disediakan komunikasi ini sebagai satu *instrument* untuk memudahkan mereka mentadbirkan negara dan menguruskan *daily affairs population*, dengan izin Tuan Pengerusi. Jadi saya banyak lagi persoalan oleh kerana saya sudah berjanji Tuan Pengerusi bercakap ringkas biarlah tahun hadapan saya akan sebut lagi dengan harapan supaya menteri kementerian lebih bersedia untuk memberi jawapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gelang Patah.

4.53 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada dua perkara ingin berbangkit dalam Dewan yang mulia ini. Perkara pertama ialah Butiran 010200 - Perancangan dan Dasar.

Tuan Pengerusi, sebuah kawasan perumahan iaitu Taman Nusa Perintis 2, yang telah didirikan selama tiga tahun masih tidak disempurnakan dengan talian telefon. Semasa saya melawat ke kawasan perumahan tersebut, penduduk yang tinggal di kawasan tersebut mengadukan kepada saya tentang masalah tiada kemudahan talian telefon.

Tuan Pengerusi, pada zaman yang moden dan canggih ini, arus globalisasi telah mempengaruhi kehidupan kita dengan kemudahan yang disediakan oleh TMnet, ramai penduduk berinternet dengan mendapatkan maklumat ataupun berita melalui internet tetapi bagi penduduk yang tinggal di Taman Nusa Perintis 2, Gelang Patah sudah tiga tahun mereka mengemukakan permohonan supaya mendapatkan kemudahan talian telefon. Malangnya permohonan tersebut tidak dapat perhatian daripada pihak berkuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru pihak kementerian supaya menghulurkan bantuan kepada mereka. Selain itu saya ingin mengetahui pihak berkuasa mengambil masa berapa lama untuk menyediakan kemudahan talian telefon kepada kawasan perumahan yang baru. Jika syarikat TMnet enggan memberikan kemudahan atau perkhidmatan kepada penduduk dengan berbagai-bagai alasan, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Perkara kedua ialah mengenai Butiran 010100 mengenai Perkhidmatan TNB. Tuan Pengerusi, TNB telah mengadakan satu operasi mengesan pengguna yang terlibat dalam kes mengesyaki kecurian bekalan elektrik secara besar-besaran. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak TNB yang berjaya melaksanakan operasi tersebut tetapi pihak TNB tidak mempunyai kiraan yang bersistematik dan ini menyebabkan pengguna kena bayaran elektrik yang lebih tinggi dan telah menimbulkan tidak puas bagi pihak yang terlibat. Selain itu mengikut keterangan, pegawai TNB tidak dapat memberi keterangan yang lebih mendalam berkenaan dengan kiraan bayaran bekalan elektrik bila pihak terlibat mengadukan kepada pegawai TNB.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kepada pihak TNB supaya menyediakan satu badan pengguna yang adil atau tribunal untuk menyalut kes rayuan pengguna supaya pengguna ataupun mangsa dapat kemukakan masalah mereka lalu mendapat satu keputusan yang adil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

4.56 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui - Butiran 00100. Tuan Pengerusi, di antara salah satu ukuran kecekapan TNB adalah berapakah peratusan kehilangan yang akan ditentukan oleh pihak suruhanjaya ataupun TNB sendiri di akhir hari. Saya maklum bahawa kehilangan ini berpunca bukan sahaja daripada pembahagian tetapi juga daripada penjanaan *generation* sudah ada kehilangan, penghantaran pun ada kehilangan kemudian terus kepada pembahagian. Hari ini kita dapat lihat TNB dalam usaha untuk mengembalikan semula kehilangan ini telah berbagai-bagai-bagai cara mempunyai sistem mereka tersendiri.

Yang pertama ialah kehilangan teknikal iaitu kehilangan disebabkan oleh talian penghantaran yang panjang dan kecil. Yang kedua adalah kehilangan disebabkan oleh *non-technical*, kecurian arus ataupun sistem yang dipasang oleh TNB itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya dapat lihat bahawa antara yang menyumbang besar kepada kehilangan arus di peringkat pembahagian ialah seperti yang di sebut Yang Berhormat Gelang Patah sebentar tadi iaitu kecurian arus. Antara tanda-tanda untuk memulakan siasatan tentang kecurian arus ini apabila pegawai-pegawai TNB terutama pembaca-pembaca jangka-majanya mengenal pasti terdapat penurunan dari segi kegunaan, itu yang pertama. Yang kedua mereka mengesyaki terdapat sambungan-sambungan yang mungkin akan memintasi jangka yang telah dipasang oleh TNB.

Jadi suka saya pohon kepada TNB untuk melihat kembali bahawa kebanyakan daripada kehilangan arus ini adalah mungkin juga disebabkan oleh kesilapan pihak TNB sendiri apabila membaca jangka-jangka yang dipasang di pusat-pusat atau di pencawang-pencawang masuk utamanya yang akan diimbangkan dengan penggunaan arus berdasarkan jangka-jangka yang dipasang di rumah pengguna-pengguna. Jadi saya menyarankan supaya pihak TNB mengadakan satu program latihan yang begitu terperinci kepada pembaca-pembaca jangka yang dahulunya dibaca oleh jurutera-jurutera kanan di peringkat pencawang-pencawang masuk utama supaya kehilangan arus ini tidaklah begitu ketara dan menyumbang kepada kehilangan *losses* TNB secara amnya.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah tentang *power factor*, sejauh manakah pelanggan-pelanggan TNB didedahkan tentang *power factor* ini ataupun kadar kuasa yang pada hari ini suruhanjaya menetapkan 0.85 bagi pengguna-pengguna industri yang rata-ratanya menggunakan *welding set* atau pun alat-alat kimpal serta menggunakan wayar-wayar yang panjang yang akan menyumbang kepada ketidakcekapan pembahagian tenaga ini. Se jauh manakah hukuman dikenakan kepada pengguna-pengguna yang mencemar *power*, kuasa mutlak yang dibekalkan oleh TNB ini diberikan pendidikan bahawa apabila mereka menggunakan alat kimpal ataupun *welding set* dengan banyak dan dengan lama mereka akan menjejaskan kualiti perkhidmatan bekalan Tenaga kepada pengguna-pengguna yang berhampiran dengan kawasan mereka. Jadi ini saya minta pihak kementerian memberikan kesedaran kepada Tenaga sendiri supaya memperbanyakkan kursus-kursus tentang kesedaran kepada pelanggan-pelanggan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang ketiga dan kedua akhir ialah tentang nilai-nilai estetika oleh pihak TNB pada hari ini Tuan Pengerusi kita dapat lihat bahawa sistem talian atas voltan rendah yang di guna oleh TNB di bandar-bandar seperti Melaka, Georgetown, Johor Bahru dan sebagainya, sistem itu sebenarnya telah lebih daripada 60 tahun. Jadi menampakkan bandar yang dibina cantik pada hari ini terjejas sakit pandangan mata kita disebabkan wayar-wayar *copper*, wayar-wayar tembaga yang lama yang masih lagi dipakai dengan tiang yang bengkok-bengkok jadi harapan saya kementerian menekankan kepada TNB supaya tiang-tiang yang lama in dibuang, *demolish*, dihilangkan gunakan sistem kabel bawah tanah ataupun sistem talian kaki lima supaya bandar-bandar kita terserlah keindahannya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah baru-baru ini menteri ada mengumumkan dalam akhbar tentang *mobility number*, *mobile number portability* di mana radas ini akan dipasang di negara kita Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi telefon ataupun SMS dia boleh monitor siapa yang Tuan Pengerusi hubungi dan kemudian apa yang Tuan Pengerusi perbualkan ataupun *transact* dengan yang di sebelah sana. Jadi ini adalah lebih membayangkan sebenarnya keselamatan negara bergantung kepada radas ini dan saya difahamkan radas ini akan dibekalkan kepada kita oleh pembekal dari Singapura. Jadi bolehkah pihak kementerian memberikan penjelasan terperinci kenapa pembekal daripada Singapura yang membekalkan radas ini kepada kita dan kita faham Singapura memang sentiasa tidak bersenang hati dengan kestabilan dan keamanan negara kita yang berbilang kaum ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang sila.

5.03 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dua perkara sahaja. Pertama butiran 10000 antara Tuan Pengerusi, saya dan rakan-rakan lain pakai 012 dan juga 019 bukan nombor rahsia dan sebagainya tetapi ada waktunya kita kena pakai 012 (Maxis) di tempat 019 (Celcom) tidak terang, tidak ada *coverage* yang baik dengan izin, begitu juga sebaliknya.

Kalau kita naik kereta kenderaan, berjalan dari Tangkak, dari Johor Bahru ke KL kita akan mengalami suasana yang sama, di rumah saya juga mengalami masalah yang sama. Perkhidmatan ini Tuan Pengerusi telah pun sepuluh tahun, saya tidak percaya sama ada Maxis ataupun Celcom tidak boleh mengadakan perkhidmatan yang baik, yang ada *coverage* semua terutamanya di lebih raya, jadi saya hendak tahu adakah ini kerana sama ada Maxis ataupun Celcom terlalu tamak memberikan perkhidmatan kepada pelanggan terlalu banyak sehinggakan mungkin *coverage* tersebut tepu sehingga tidak boleh memberi perkhidmatan yang baik.

Kedua, akhirnya lah ya, akhir..., Butiran 6500 hingga 70001. Saya tengok dalam senarai Tuan Pengerusi negeri kita tidak ada peruntukan untuk bekalan air. Saya difahamkan kerana kerajaan Johor telah pun menswastakan bekalan dan juga perkhidmatan tetapi kalau dibandingkan dengan negeri lain yang ada juga bekalan dan perkhidmatan maknanya dia bekal, rawat dan sebagainya dan kemudian diagihkan, masih juga diterima adakah Johor dianaktirikan berbanding dengan negeri lain?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat minta jawapanlah. Cukup.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya, minta jawab. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

5.05 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya ada dua, Butiran 03000, 010200. Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, bilakah agaknya paip-paip lama yang ada di Pantai Timur khususnya Kelantan semasa paip ini saya kira-kira selepas perang dan sebelum perang. Banyak yang berlaku pecah bocor dan membawakan air menjadi keruh. Yang keduanya *pressure* tidak kuat, kalau kita tengok hari Jumaat sebab banyak orang mandi hari Jumaat, lagi tidak kuat *pressure* ini...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tidak akan cerita tentang itulah, saya akan tanya bila, apakah ini tanggungjawab negeri, atau tanggungjawab persekutuan. Kalau negeri senang Pasir Mas ada, dia akan jawab, kalau tidak ada duit, kita tukar kerajaan tetapi kalau Kerajaan Persekutuan, bila? Yang kedua, Tuan Pengerusi, bukan marah tetapi semangat.

Saya ingin tahu benar, benarkah ASTRO ini ada dia punya lembaga penapis sendiri? Sedangkan kita ada penapisan yang diwujudkan oleh kerajaan di bawah KDN, penapis-penapis filem dan sebagainya. Adakah *double standard*? Oleh kerana saya tengok nilai-nilai murni telah dikotori sedikit, sebab ASTRO terlepas pandang, saya sendiri menatapi, saya minat ASTRO tetapi saya melihat kerana saya ini kuat iman, sebagai ustaz tidak apalah, boleh kiralah, kalau tidak kuat iman, rosak kita...

Seorang Ahli: Tengok dalam *Channel 16*, *Channel 16*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hah, *channel 16*, menonton, jadi sebab itulah pengerusi saya tidak mahu bercakap panjang, saya tanya dua perkara, bila paip hendak ditukar, berapa kosnya, Kerajaan Negeri atau Persekutuan, apakah *double standard* kepada penapis filem. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pensiangan.

5.07 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri, saya hanya ada dua butiran iaitu butiran 70005 Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar. Yang ini saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang ada sekarang ini kaedah-kaedah Malaysia mengenai dengan pendekatan *holistic* dengan pembangunan multimedia di luar bandar ini. Sebagaimana yang kita lihat Timbalan Menteri Tuan Pengerusi, kita lihat multimedia yang sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Lipis mengatakan tadi, dia tidak ada pemantauan dia. Daripada segi persiapan dan daripada perisian pun tidak ada. Mengenai dengan perisian sama ada dia ini melalui jalur lebar iaitu internet ataupun dia menggunakan intranet. Siapakah yang mengendalikan intranet ini, dan siapakah yang mengendalikan internet ini.

Sebelum kita bincang mengenai dengan multimedia luar bandar ini, saya ingin tahu, apakah persiapan dan persediaan kementerian ini dalam menyediakan infrastruktur jalur lebar ini dan saya difahamkan kalau di Sabah luar bandar ini di pedalaman ini belum ada lagi tetapi pusat-pusat perkhidmatan ini sudah ada dan dia menggunakan pendekatan yang saya rasa terlalu mahal sangat iaitu mengadakan *communication satellite*. Bila kita menggunakan *communication satellite* ini ataupun perhubungan melalui satelit ini akan memberi satu kesan dan impak yang saya rasa mahal bagi kita hendak membayar. Jadi saya rasa dalam lima tahun yang akan datang ini persiapan-persiapan yang jalur lebar dan sebagai ini perlu kita tekankan khususnya di luar bandar. Jadi perisian-perisian ini, saya cadangkan kepada kementerian supaya mengadakan *multimedia community center* ini yang berhampiran dengan sekolah, berhampiran dengan padang-padang bola dan sebagainya ataupun padang-padang sukan dan sebagainya supaya tempat ini dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Kalau pusat-pusat multimedia ini didirikan di hospital ataupun di klinik-klinik, siapa yang hendak gunakan yang pergi kepada pusat-pusat klinik ini adalah ibu-ibu dan bapa-bapa yang mungkin tidak tahu menggunakan yang ini, sedangkan sekolah-sekolah ini jauh daripada multimedia yang telah disediakan oleh kementerian ini. Saya cadangkan supaya multimedia, pusat *multimedia center* ini harus diletakkan di tempat-tempat yang strategik yang dapat digunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang kedua.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Satu lagi, satu lagi. Yang satu, saya hendak menyatakan kepada kementerian ini 'air' or 'air' . Air itu *spelling* nya sama iaitu 'A-I-R', 'air' angin.

Yang satu pula 'A-I-R,' air tetapi bila kita lihat Butiran yang saya tengok 11400 - Rancangan Bekalan Air Sabah ini, saya mintalah kementerian ini supaya prihatin bila kita menyediakan infra-infra ini, cuba lihat meter-meter yang kita gunakan. Rintihan dan keluhan rakyat di luar bandar ini, mereka tidak lagi membayar ataupun membeli meter-meter ini disebabkan mereka sangsi bahawa meter-meter yang mereka gunakan ini mengeluarkan angin sahaja, bukan air sebagaimana saudara saya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi.

Jadi saya mintalah supaya persiapan dan persediaan daripada kementerian ini supaya kita berhati-hati lagi dan juga lebih mikro lagi, dengan lebih memberi perhatian kepada luar bandar supaya mereka ini dapat hidup dengan sederhana, dapat hidup dengan sejahtera dan dapat hidup dengan makmurnya. Kalau tidak, mereka ini akan berikan satu balasan yang mungkin tidak baik bagi kita semua di luar bandar ini, pangkah mungkin lain yang dipangkah tetapi kita mahu supaya mereka ini sentiasa menyokong kita, supaya mereka ini dapat dipelihara dan dijaga dengan rapi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

5.11 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap soal air, Rancangan Bekalan Air Selangor dan juga SYABAS. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau perkara telah dibangkitkan, tidak perlu ulang lagilah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Ya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya terpaksa tutupkan perbincangan pada petang ini juga.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Saya ingin mendapat penjelasan kementerian bilakah SPAN akan ditubuhkan agar ia dapat menyelaraskan soal kelulusan tarif air.

Yang kedua, meter berasingan di apartmen di Taman Saujana dan Puncak Alam di Kuala Selangor agar dapat dilaksanakan oleh pihak SYABAS dan juga pihak SYABAS dapat meminta kepada pemaju berkenaan mencuci tangki air di atas apartmen kerana kita tidak mahu timbul masalah air berulat ataupun berbau. Begitu juga saya harap SYABAS turut terlibat untuk membangunkan atau membersihkan Sungai Selangor kerana bekalan air mentah yang dibersihkan oleh SYABAS, dibekalkan kepada orang ramai datang daripada Sungai Selangor. Mengenai SYABAS juga, saya harap tidak menyusahkan pengguna, potong air RM25 dan sambung air RM25 dapat dihapuskan serta-merta.

Yang akhir Tuan Pengerusi, mengenai kecurian kabel yang terus berleluasa di seluruh negara, khususnya di kawasan Kuala Selangor. Saya hendak tanya bila cadangan untuk menanam kabel telefon ini dapat dilaksanakan dan setakat mana kejayaan kerjasama yang wujud di antara Telekom Malaysia (TM) dengan polis dan juga pihak berkuasa tempatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: ...Dalam menangani isu ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Sandakan.

5.13 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 03200 - Sabah Electricity Sdn. Bhd., Penghantaran dan Pembahagian. Saya rasa mutu janaan dan penghantaran bekalan elektrik di Sandakan dan Pantai Timur Sabah adalah terburuk sekali di dunia ini.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk] [Tepuk]

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Ini kerana berlakunya gangguan bekalan elektrik dengan tempoh masa yang agak panjang setiap hari. Jadi bagi saya, setiap hari pun ada menerima SMS atau panggilan mengadu bahawa mengapa masalah yang berpuluh-puluh tahun ini tidak dapat diselesaikan. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sehingga tidak dapat tidur, tidak dapat makan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Ada jugalah. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak senang.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Akan tetapi saya mencadangkan supaya telefon bimbit Menteri, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen diberitahu kepada rakyat jelata di Sandakan supaya apabila berlakunya gangguan ini, mereka pun tahu dengan sendirinya masalah atau keadaan yang sebenarnya di Sandakan dan Pantai Timur Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Sedikit lagi... *[Disampuk]* Jawapan yang diberikan kepada saya dalam Dewan yang mulia ini menyatakan bahawa langkah-langkah sedang dan akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini mengambil tempoh masa tiga hingga lima tahun tetapi saya mencadangkan supaya langkah-langkah jangka masa pendek dilaksanakan untuk mengurangkan gangguan-gangguan bekalan elektrik pada masa sekarang.

Selain daripada itu, saya ingin tahu projek pemasangan grid Timur-Barat yang sebenarnya dilaporkan diselesaikan pada bulan Jun 2005 tetapi sampai sekarang pun belum dapat tahu tarikh tetap ia dapat diselesaikan. Jadi saya ingin meminta satu jawapan mengapa ini boleh berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Satu lagi *point* ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: *Power batch* yang membawa penjana kuasa sebanyak 40 megawatt dipasang di Sandakan sejak Januari 2006 dan juga penjana kuasa tambahan 10 megawatt yang dibekalkan dalam bulan Ogos 2006 tetapi masalah gangguan bekalan elektrik masih berlaku setiap hari di kawasan Sandakan. Jadi saya ingin tahu sama ada *power batch* yang dibekalkan di Sandakan ini masih diguna pakai dan jumlah bekalan elektrik yang dijana untuk kegunaan sejak Januari 2006. Satu *point* lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Satu *point* lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: ...Tentang pemasangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Satu *point* lagi tentang pemasangan penjana kuasa di Lahad Datu yang merupakan satu bahagian langkah-langkah untuk menaik taraf penjana dan juga penghantaran bekalan elektrik di Sabah, saya ingin menyeru supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin dengan penjana kuasa-penjana kuasa di Kota Kinabalu jugalah dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik yang serius ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

5.17 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada 040100 - Pentadbiran Am, peruntukan RM3,199,900 dan juga Butiran 70001 - Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejangat, peruntukan RM120 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh buku panduan telefon. Pada masa lalu, pihak Syarikat Telekom Malaysia menyediakan buku panduan telefon berwarna putih bagi keperluan pengguna awam, bukan peniaga, di samping buku *Yellow Pages* untuk kegunaan pihak peniaga dan perdagangan tetapi kini buku panduan berwarna putih itu sudah tidak diterbitkan lagi, sebaliknya buku *Yellow Pages* masih kekal yang kini dikenali sebagai *Super Pages* yang diberi percuma kepada orang ramai.

Buku *Super Pages* ini memuatkan nombor telefon sektor perniagaan, perdagangan, perkhidmatan dan industri dan tidak memuatkan telefon orang ramai. Sebabnya Telekom Malaysia boleh mendapatkan keuntungan daripada iklan-iklan yang dimuatkan dalam buku *Super Pages* berwarna kuning ini.

Tuan Pengerusi, ini dianggap tidak adil kepada pengguna-pengguna Telekom Malaysia yang terpaksa membayar bil telefon dan sewa telefon yang tinggi pada setiap bulan tetapi tidak disediakan buku panduan telefon berwarna putih seperti tahun lalu. Daripada buku itu, orang ramai mudah mencari nombor telefon...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat mahu mohon supaya buku itu dibekalkan balik?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Diberi percuma.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Ada tajuk yang kedua?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ya... *[Disampuk]* Tuan Pengerusi, saya minta menteri memberi arahan kepada Telekom Malaysia menerbitkan semula buku panduan telefon berwarna putih itu untuk kegunaan kediaman dan awam supaya pengguna mempunyai pilihan dalam mendapatkan sesuatu nombor telefon yang hendak dicari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Oleh kerana jika kita hendak mendapat telefon awam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita fahamalah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Lagi satu perkara. Selain daripada itu saya mendapati banyak telefon awam rosak yang terbiar tanpa dibaiki di mana-mana tempat. Ini menimbulkan kesusahan kepada orang ramai untuk menggunakan telefon awam. Perlu kita ingat bahawa sungguhpun sekarang ini menggunakan telefon bimbit berleluasa, tetapi orang ramai masih memerlukan telefon awam terutama bila hendak membuat panggilan kecemasan yang melibatkan polis, bomba, ambulans ataupun bila telefon bimbit prabayar sudah habis tempoh, maka mereka terpaksa mencari telefon awam.

Walaupun perbuatan vandalisme berlaku ke atas telefon awam tetapi tidak bererti Telekom Malaysia melepaskan tangan atau melepaskan tanggungjawab tanpa memperbaiki dengan segera terutama di pasar, hospital, di rumah pangsa, pejabat, stesen LRT...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, cukuplah. Kawan yang lain.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Inilah saya minta kementerian mengambil perhatian bahawa telefon yang rosak ini boleh dibaiki secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Mas, satu minit.

5.20 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada dua Butiran 03000 - Bekalan Air. Saya minta daripada kementerian supaya sentiasa memberi pendidikan kepada rakyat bagaimana menjaga sumber air dan sekali gus mengguna air itu sendiri. Kerana IKIM selalu menyiarkan satu hadis Rasulullah saw... [*Membaca sepotong hadis*] "*Berhemah, bercermatlah kamu menggunakan air walaupun kamu berada di dalam laut*". Jadi berdasarkan ini kita kementerian mesti sentiasa mendidik rakyat kita supaya sentiasa menjaga sumber air dan bagaimana mengguna air supaya ia tidak membazir.

Yang kedua, saya pergi kepada Butiran 07000 - Rancangan Bekalan Air ke Negeri Kelantan. Saya sebagai wakil rakyat daripada PAS mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah menyumbangkan peruntukkan RM100 juta tahun ini mengikut yang ada dalam buku ini untuk pembaikan dan pengendalian air di Kelantan. Saya rasa silap seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Lipis sekejap tadi diperintah oleh orang lain. Orang mana? Kita orang Malaysia kita orang Melayu beragama Islam bukan kami dari Negro dari Afrika yang datang sini. Itu patut tarik balik Yang Berhormat bagi Kuala Lipis itu. Orang panggil dalam Bahasa Arab itu '*mafsyadat*'. Saya kira Yang Berhormat bagi Pasir Puteh kena terjemahkan bahasa. Saya tidak mahu terjemah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh bincang selepas ini soalan..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Mesti tarik balik perkataan orang lain memerintah orang lain. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah memperuntukkan bahkan saya minta lebih banyak lagi. Tidak perlu tukar kerajaan kalau setakat air, bahkan setakat hendak minum air tidak perlu tukar kerajaan semuanya ada.

Jadi yang kedua saya minta supaya kerajaan membayar ataupun kerajaan memberi peruntukkan ini mengikut jadual. Jangan sebagaimana yang berlaku kepada pembayaran geran per kapita daripada bulan tiga di bayar bulan tujuh. Bulan tujuh dibayar bulan sembilan, yang patut bulan sembilan dibayar bulan 12, daripada bulan 12 dibayar tahun seterusnya. Saya rasa benda ini mesti di praktikal sungguh supaya mengikut jadualnya. Dan yang ketiga iaitu barangkali bayaran ini saya rasa tidak ada faedahnya ataupun tidak dikenakan caj bayaran lebih daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri faham lah cukup. Yang Berhormat Batu Gajah.

5.23 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada dua isu. Isu pertama ialah TNB. Mahkamah, *court appeal* baru-baru ini telah memutuskan bahawa pegawai TNB boleh memotong bekalan elektrik apabila mendapati bahawa meternya telah diusik. Saya merayu kepada pihak kementerian agar meneliti semula Akta Bekalan Elektrik agar tidak menjadikan banyak penyewa-penyewa premis menjadi mangsa ekor an undang-undang yang sedia ada ini tidak jelas. Pada masa ini Tuan Pengerusi banyak penyewa, perkara ini telah dibangkitkan oleh MCA, oleh DAP berulang kali. Di mana pekerja-pekerja TNB kata masuk premis perniagaan kata hendak tukar meter. Ini meter lama lepas itu dua bulan kemudian dia hantar surat kata terkurang caj mendapati meter telah diusik dan meminta penyewa-penyewa premis ini membayar berpuluh-puluh ribu ada kes.

Jadi dengan kes mahkamah *court appeal* ini saya memandang sangat serius, tidak perlu disegerakan dinyatakan dengan terang dalam Akta Bekalan Elektrik bahawa seseorang tidak boleh dihukum salah kecuali oleh mahkamah. Bagaimana boleh pegawai-pegawai TNB memutuskan kesalahan telah dilakukan. Mereka mempunyai kepakaran tetapi orang biasa tidak ada. Dan meter yang telah dikeluarkan dari premis itu mereka hantar balik kepada pejabat mereka untuk pemeriksaan.

Jadi saya pohonlah TNB memonopoli pemberian bekalan elektrik ini. Jadi saya harap lah supaya lebih adil. Perkara kedua ialah mesej telekom. Saya mendapati telekom ini baru-baru ini terlalu banyak mesej-mesej. Kalau kita telefon operator, dia ucap Selamat Hari Raya, Selamat Deepavali lepas itu dia kata setiap panggilan ini akan dirakamkan untuk membantu kami memperbaiki mutu. Ini mengambil masa lebih kurang 20 saat. Jadi saya haraplah kalau bolehlah terus memberi perkhidmatannya. Sekian Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan.

5.25 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada membangkitkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya akan tutup pada hari ini dan tadi yang tidak bangun tiba-tiba bangun mungkin mereka tidak akan diberi peluang jadi saya minta kerjasamalah. Yang Berhormat bagi Bagan sila.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya ada membangkitkan satu soalan dalam Dewan yang mulia menanya berkenaan dengan TNB, PBA, TM dan Astro mengenakan *fees* ke atas notis bayar sambung semula yang agak tinggi dan membebankan. Mengapa tidak boleh mengenakan faedah ke atas tunggakan bayaran dan tanpa perlu memotong perkhidmatan?

Tuan Pengerusi, saya mendapat jawapan bahawa *fees* dikenakan adalah untuk menyambung semula bekalan air setelah perkhidmatan bekalan air dipotong berikutan tunggakan yang melebihi tempoh yang dibenarkan. Caj bayaran yang dikenakan untuk menyambung semula adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Enakmen Bekalan Air negeri masing-masing. Sebagai contohnya kadar caj penyambung semula yang dikenakan oleh PBA Pulau Pinang adalah RM10, Syabas RM10, Lembaga Air Perak RM20 dan Negeri Sembilan RM25.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang ada cara untuk memasang meter. Meter baru mereka tidak lagi pakai *stopcock* tetapi ada satu *stopcock* di mana ia boleh dikunci dan alatan ini tidak perlu potong meter tetapi hanya memakai kunci dan dikuncikan. Dan sekiranya pengguna-pengguna telah membayar tunggakan itu maka tukang-tukang paip atau kakitangan-kakitangan pihak berkuasa air hanya datang untuk membuka kunci dan saya ingat itu tidak perlulah sampai RM10, RM25 atau RM20. Saya berharap ia dapat dikaji supaya sambung semula di negara kita ini dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali.

Bayaran penyambung semula perkhidmatan Astro adalah RM20. Selain dari itu, bayaran lewat sebanyak RM10 boleh dikenakan kepada pelanggan yang mempunyai tunggakan bil melebihi RM10.

Pada masa sekarang bil Astro sekurang-kurangnya pembayarannya adalah lebih kurang RM60 dan ada yang menjangkau RM100 dan sekiranya kita terlambat untuk membayar maka *services* akan diputuskan dan kita akan kena membayar RM20 untuk menyambung semula dan RM10 untuk denda itu RM30.. Saya agak ini adalah mahal sangat kerana hendak menyambung balik Astro, tukang mekanik tidak payah sampai ke rumah kita. Mereka *switch on* sahaja. Apa itu kena sampai RM30. Saya berharap itu dapat dikaji.

Butiran 10300 - Rancangan Bekalan Air Pulau Pinang dapat RM60 juta pinjaman. Saya ingin menanya RM60 juta pinjaman ini untuk kerja-kerja apa? Dan PBA di Pulau Pinang adalah syarikat mendapat keuntungan melebihi RM30 hingga RM40 juta setahun di dalam negeri sahaja. Malah beliau PBA masih ada satu *joint venture* dengan syarikat swasta di negara China untuk merawat air. Saya ingin menanya RM60 juta pinjaman itu untuk khidmat dalam negeri atau untuk berniaga di luar negara?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat bagi Seputeh.

5.29 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh tentang bekalan air di Lembah Klang ini. Ramai pengguna air tanya kenapakah sebelum semua paip bocor itu dibaiki kenapakah kerajaan membenarkan kenaikan kos harga air di Lembah Klang? Di Tawau pula bila saya berada di Tawau Sabah, yang penduduk sana mengadu kenapakah..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat selesaikan wilayah dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapakah Syarikat Bekalan Air sana mereka boleh minta mereka membayar bil yang dikatakan terhutang pada tahun 70-an, 80-an. Kenapa ini boleh berlaku? Bukankah ini menunjukkan syarikat bekalan air di Tawau itu begitu tidak fisien pada tahun-tahun yang lepas. Okey, jadi saya hendak merujuk kepada Sarawak tentang Butiran 02600 yang mana tentang Projek Hidro Elektrik Bakun. Yang Berhormat bagi Sri Aman beberapa hari yang lepas, dia merayu pada kali yang kedua belas, bahawa dia kata setiap tahun dia bangkitkan isu tiada bekalan elektrik di rumah panjangnya yang mana dia duduk di sana...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Selama dua belas tahun pun tidak diberi kepada dia. Saya hendak beri sokongan ke atas rayuan daripada Yang Berhormat bagi Sri Aman....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Supaya bekalan elektrik disambungkan ke rumah panjang di kawasannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, satu lagi tentang telefon bimbit kita. Apabila kami pergi melawat di negara China, di gunung-gunung yang begitu tinggi macam di 'Chang Chia Che, Huang Long'...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi, di dalam rumah kita ada masalahlah Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Tempat yang begitu tinggi kita masih boleh panggil guna telefon bimbit untuk panggil ke Malaysia tetapi, sekarang kalau kita balik melalui Sungai Besi sana, dekat Istana Negara sana tentu talian akan putus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri fahamlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Banyak tempat tentu akan putus, kenapakah kita yang mempromosi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak beri Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...ICT ini kita lebih mundur daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bagi peluang untuk kawan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...kawasan untuk negara China dan satu lagi Tuan Pengerusi, isu yang sangat penting. Alat pemancar telekomunikasi yang didirikan atas bumbung kedai, kami di kawasan bandar selalu terima aduan daripada penduduk yang menangis, merayu kepada kita, kanser berlaku, sakit kepala semua ini berlaku, tetapi apabila kami bawa mereka ke Dewan Bandar raya, pegawai kata kita tidak boleh buat apa-apa kerana kementerian, kementerian yang melonggarkan peraturan untuk mendirikan alat pemancar telekomunikasi. Jadi, saya mintalah bagi ramai penduduk yang sakit ini, minta pihak kementerian boleh mengkaji semula peraturan yang longgar itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhir sekali adalah tentang *internet*. Kita tahu MIMOS, Jaring, yang dahulu adalah perintis dalam industri *internet* dan juga TMnet adalah agak *lousy* tetapi, sekarang kita lihat Jaring ini, apabila kita sambung ke talian telefon selalu putus perkhidmatannya. Jadi, saya ingin tanya kenapakah perkhidmatan Jaring itu lebih teruk daripada Streamyx sekarang, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

5.32 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, ini mengenai Projek Pembedungan Negara - 80000. Di Ipoh di Old Town, lebih kurang 600 kedai menyumbang sebanyak dekat RM3 juta untuk membuat satu pembedungan di tempat tersebut pada lebih sepuluh tahun dahulu. Pada masa itu IWK tidak wujud tetapi, selepas projek itu siap pembedungan itu telah diserahkan kepada IWK. Saya difahamkan baru-baru ini saya berjumpa dengan Setiausaha dan Datuk Bandar Dewan Bandar raya Ipoh, kedua-dua berkata bahawa mereka telah tulis kepada Kementerian, telah tulis kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya wang sebanyak RM3 juta yang dikutip dari lebih dari 600 pekedai-pekedai di Old Town di Ipoh patut dikembalikan.

Akan tetapi, walaupun beberapa surat telah dihantar, peringatan-peringatan telah diberi, hingga hari ini wang itu belum diserahkan balik. Saya pohon, saya hendak tahu apakah sebab wang ini belum dikembalikan walhal wang ini adalah kepunyaan pekedai-pekedai di Old Town Ipoh.

Satu lagi adalah mengenai Rancangan Bekalan Air Negeri Perak. Saya hendak tahu macam mana arahan Kerajaan Persekutuan mengenai *non-revenue water* di Negeri Perak di mana sekarang lebih kurang 30%, macam mana ia dapat dikurangkan kepada satu tahap yang lebih efisien dan bilakah kerajaan akan mengadakan satu sistem supaya harga air yang dikatakan akan dinaikkan pada tahun hadapan oleh Lembaga Air Perak itu tidak akan jadi dan apakah tindakan diambil supaya wang yang banyak ini diagihkan untuk apa yang akan digunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat lagi, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, lepas itu Yang Berhormat bagi Tebrau dan yang mana Timbalan Menteri boleh siap sedia untuk menjawab.

5.34 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, iaitu tentang Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar dan juga Infrastruktur Jalur Lebar. Saya ingin menyatakan bahawa Program memasyarakatkan ICT di negara ini masih gagal mencapai matlamatnya dan perlu kita keras daripada kementerian ini untuk merealisasikan agenda yang penting itu supaya tidak berlaku apa yang disebut sebagai digital *revive* sebab zaman sekarang ini masyarakat yang tidak *assessable* kepada kemudahan ICT ini dikatakan tidak beruntung dan tidak akan dapat berdaya saing.

Seterusnya ialah saya ingin menyebut tentang agenda penguatkuasaan masih lemah terutamanya dalam perundangan berkaitan dengan ICT ini dan ini perlu diatasi dan diperbaiki segera. Selain daripada itu, ialah dalam sistem keselamatan ICT itu sendiri yang saya kira merupakan lemah meskipun Malaysia merupakan negara yang mula-mula sekali yang mengapukan agenda MSC iaitu *Multimedia Super Corridor* jangan sekali-kali kita membiarkan ini merupakan satu yang bersifat *trendy and fashionable* semata-mata dia perlu direalisasikan.

Saya ingin juga bertanya tentang sejauh manakah agenda perlindungan prasarana maklumat kebangsaan itu telah dapat buat operasi dan menyelamatkan masalah-masalah yang saya sebut tadi, penguatkuasaan perundangan dan juga keselamatan yang telah saya sebut. Bagaimanakah usaha Kementerian ini untuk memastikan ancaman ICT, terutamanya tentang penggodaman dan juga pencerobohan komputer itu telah dibuat. Bagaimana pula serangan-serangan seperti virus cecacing, 'cock-rat' dan juga virus sekam yang baru-baru ini yang mewabak dan memberi kesan-kesan yang buruk kepada ke atas industri ICT, sekian terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tebrau.

5.36 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja. Di bawah Butiran 00100 dan 7005 di Tebrau saya hendak menarik perhatian kementerian bahawa masih terdapat 13 buah kampung yang belum ada bekalan air dan elektrik. Jadi, saya mintalah kementerian berusaha untuk membantu rakyat di kawasan situ. Kedua ialah tentang perkhidmatan jalur lebar di kawasan saya juga di dapati penerimaan jalur lebar itu memang lemah sedikit dan kelajuan jalur lebar itu agak tidak cukup pantas dan permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan jalur lebar juga mengambil masa yang agak panjang. Selain itu, bagi taman-taman yang baru, mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan telefon, itu ambil masa sehingga dua tahun, masih belum dapat. Saya harap kementerian akan cuba menangani masalah ini. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 10 pagi, hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang.